

Bil. 4

**Rabu
20 Mac 2024**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

SEORANG AHLI MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Mengalu-alukan Pelantikan Seorang Ahli	(Halaman 1)
PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Halaman 2)
USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG <i>- Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof</i>	(Halaman 24)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Datuk Mutang Tagal [Tuan Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Tuan Yang di-Pertua]
3. “ Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi]
4. “ Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Hal Ehwal Agama]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
6. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
7. “ Dato’ Sri Ti Lian Ker
8. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
9. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
10. “ Datuk Razali Bin Idris
11. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
12. “ Tuan Manolan bin Mohamad
13. “ Puan Susan Chemeraai Anding.
14. “ Dato’ (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah
15. “ Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol
16. “ Datin Ros Suryati binti Alang
17. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa
18. “ Dato’ Dr. Nelson A/L Renganathan
19. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
20. “ Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
21. “ Tan Sri Dato’ Low Kian Chuan
22. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
23. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
24. “ Dato’ Sivaraj a/l Chandran
25. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
26. “ Tuan Abun Sui Anyit
27. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
28. “ Puan Noorita binti Sual
29. “ Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
30. “ Tuan Pele Peter Tinggom
31. “ Dato’ Haji Husain bin Awang (Terengganu)
32. “ Tuan Haji Hussin bin Ismail. (Terengganu)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 33. | Yang Berhormat | Datuk Haji Aziz bin Ariffin |
| 34. | “ | Tuan Seruandi bin Saad (Perlis) |
| 35. | “ | Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan) |
| 36. | “ | Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 37. | “ | Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 38. | “ | Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan) |
| 39. | “ | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |
| 40. | “ | Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak) |
| 41. | “ | Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah) |
| 42. | “ | Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah) |
| 43. | “ | Dato' Ajis bin Sitin (Pahang) |
| 44. | “ | Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang) |
| 45. | “ | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 46. | “ | Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Johor) |
| 47. | “ | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah) |
| 48. | “ | Datuk Noraini binti Idris (Sabah) |
| 49. | “ | Datuk Wira Koh Nai Kwong |
| 50. | “ | Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka) |
| 51. | “ | Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 52. | “ | Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 53. | “ | Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 54. | “ | Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak) |
| 55. | “ | Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 56. | | Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya) |
| 57. | | Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan) |

AHLI TIDAK HADIR

- | | | |
|----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] |
| 2. | “ | Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] |
| 3. | “ | Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II] |
| 4. | “ | Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan] |

**AHLI TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu
2. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Dato' Seri Hajah Nancy Shukri [Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Santubong)
2. “ Dato' Sri Azalina Othman Said [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)] (Pengerang)
3. “ Dr. Zaliha binti Mustafa [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan)] (Sekijang)
4. “ Dato' Seri Tiong King Sing [Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya] (Bintulu)
5. “ Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Kewangan] (Tanjong)
6. “ Tuan Chan Foong Hin [Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi] (Kota Kinabalu)
7. “ Tuan Liew Chin Tong [Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri] (Iskandar Puteri)
8. “ Dato' Ramanan Ramakrishnan [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Sungai Buloh)
9. “ Datuk Mohamad Alamin [Timbalan Menteri Luar Negeri] (Kimanis)
10. “ Puan Teo Nie Ching [Timbalan Menteri Komunikasi] (Kulai)
11. “ Tuan Adam Adli bin Abd Halim [Timbalan Menteri Belia dan Sukan] (Hang Tuah Jaya)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Muhamad Zamani bin Mohd Ali

Setiausaha Dewan Negara

Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Halijah binti Mat Sin

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nur Annisa binti Hamid

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Aizafasya binti Zainal

Nur Aliya binti Mustaz

Adele Beatrice anak Rabeng

Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Nik Muhammad Ismail bin Karim	Maryam binti Azinuddin
Azmir bin Mohd Salleh	Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa	Nurul Syakirah binti Ibharim
Nor Kamsiah binti Asmad	Suhaila binti Sariffuddin
Aifarina binti Azaman	Nor Afina binti Mohamed Rashid
Noorfazilah binti Talib	Muhamad Shafiq bin Ahamad
Farah Asyraf binti Khairul Anuar	Muhammad Akmal bin Md Yusoff
Julia binti Mohd. Johari	Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani
Syahila binti Ab Mohd Khalid	Anisah Sahirah binti Hamzah
Ismalinda binti Ismail	Syaza Waheeda binti Mohd Dzarif
Amir Arshad bin Ab Samad	Siti Nor Aisyah binti Mohd Jaid
Hizamihatim Maggisa bin Juara	Shazryn bin Mohd Faizal
Muhammad Firdaus bin Ahmad	Sharon Eugena Jack Aman
Izzul Syazwan bin Abdul Halim	Mulyati binti Kamarudin

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA
Rabu, 20 Mac 2024
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

SEORANG AHLI MENGANGKAT SUMPAH

Setiausaha: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini adalah selaras dengan peruntukan Perkara 59(1), Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan Mesyuarat 4(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara serta mengikut Jadual Keenam, Perlembagaan Persekutuan.

Dengan hormatnya, saya menjemput Ahli Yang Berhormat berikut untuk mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertua Dewan Negara, dipersilakan:

1. Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong
(Lantikan semula; Pilihan Dewan Undangan Negeri Melaka)

[Majlis Mengangkat Sumpah selesai]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEORANG AHLI

Tuan Yang di-Pertua: Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam Malaysia Madani. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong yang dilantik semula bagi penggal kedua sebagai Ahli Yang Berhormat Dewan Negara seperti yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Melaka berkuat kuasa mulai 6 Mac 2024 hingga 5 Mac 2027. Selamat kembali ke Dewan Negara... *[Tepuk]*

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan hadirin yang saya hormati sekalian, Dewan Negara yang mulia ini menjalankan peranan semak dan imbang kepada badan eksekutif dan juga kepada Dewan Rakyat di dalam merealisasikan semangat menjunjung konsep Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan di Malaysia. Oleh itu, saya menyeru Ahli Yang Berhormat Senator untuk kekal kritis dalam menilai rang undang-undang dan usul yang dibawa dari Dewan Rakyat agar dapat Dewan yang mulia ini meluluskan undang-undang yang bermanfaat kepada rakyat.

Seperti yang telah saya sebutkan dalam ucapan saya terdahulu, setiap Ahli Yang Berhormat Senator bertanggungjawab untuk memastikan konteks perbahasan diisi dengan kajian yang komprehensif dan data yang terkini. Input perbahasan yang produktif dan kritikal, ini juga mewajarkan kelayakan lantikan yang sejajar dengan pengalaman profesional dan kepakaran masing-masing.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat menjalankan tugas dengan penuh integriti dan profesionalisme. Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada Isnin dan pada Selasa semalam, pada Isnin ada beberapa- 10 soalan yang dijawab oleh Menteri dan Timbalan Menteri. Semalam hanya 12. Sedangkan soalan pada hari ini ada 73 soalan.

Oleh sebab itu, saya ingin supaya Ahli Yang Berhormat jika membuat soalan tambahan, tolong pendekkan, tolong padatkan. Kasi *precise*, bagi *precise you* punya soalan, okey dan jangan buat mukadimah, okey. Jangan buat mukadimah. Oleh sebab itu, *you go straight to the question*, dengan izin. Jadi *make it precise and short* ya supaya banyak soalan yang dapat dijawab. Oleh sebab ada Menteri, Timbalan Menteri yang datang di sini, dia orang balik kosong, tidak dapat menjawab. Oleh sebab itu, kita harus supaya dalam satu jam setengah, banyak soalan yang dapat dijawab oleh Menteri, okey.

■1010

Jadi, saya mohon kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan daripada segi prinsip kita akan biar, membiarkan, membenar mungkin dua soalan tambahan. *The original* itu, ada *question* kalau ingin bertanya buat soalan tambahan, okey. *Then* selepas itu seorang Ahli Yang Berhormat yang lain. Oleh sebab itu saya harap supaya kita dapat mempercepatkan, menambah soalan-soalan yang dikemukakan untuk dijawab oleh Menteri.

Di sini saya ingin merakamkan tahniah kepada Menteri yang ada pada pagi ini dan Timbalan Menteri. Oleh sebab tidak banyak kali Dewan Negara menerima Menteri menjawab. Oleh sebab itu Menteri yang ada pada pagi ini *congratulation* dan tahniah lah oleh sebab datang jawab soalan di Dewan Negara... [*Tepuk*]

Saya harap supaya dalam Mesyuarat yang akan datang, Menteri-Menteri kalau dapat- oleh sebab kita ada *concurrent sitting*, kalau dapat Menteri dapat memberi jawapan kepada soalan daripada Yang Berhormat di Dewan Negara.

Dengan itu saya mempersilakan Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1.

Terima kasih Menteri hadir untuk jawab demi kedaulatan negara dan kesayangan, kecintaan kepada negara, mohon Menteri jawab.

1. Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh minta Perdana Menteri menyatakan, adakah manfaat yang akan diperoleh daripada tindakan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Batu Puteh yang diumumkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberikan *guidance*, dengan izin, untuk menjawab secara *short and sweet* dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana memberikan saya- bagi pihak Bahagian Undang-undang untuk menjawab soalan pada pagi ini.

Sebagaimana penerangan saya mengenai penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk mengkaji pengendalian perkara berkaitan dengan kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan dalam Kamar Khas Dewan Rakyat pada 27 Februari 2024.

Penubuhan RCI ini bertujuan, dengan izin, sebagai *fact finding mission* bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk membolehkan pelaksanaan siasatan lanjut yang terperinci secara bebas, telus dan profesional.

Terdapat pelbagai kelebihan RCI yang dibentuk ini termasuklah dapat mengatasi, menghadapi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Pasukan Petugas Khas Semakan Undang-undang Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan yang ditubuhkan oleh kerajaan sebelum ini. Hal ini kerana RCI mempunyai beberapa kuasa penting bagi memastikan siasatan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan efektif.

Selanjutnya, terma rujukan RCI jelas membenarkannya kelebihan dan kuasa untuk melaksanakan siasatan secara lancar bagi memastikan kebenaran dalam isu ini dapat dicari. Antara terma rujukan RCI iaitu mendapatkan penemuan keterangan-keterangan lanjut yang berkaitan, menyemak, mengkaji dan menyediakan pandangan jika mana-mana pihak yang berkaitan telah melanggar sebarang undang-undang, norma kerja atau pekeliling pentadbiran dalam pelaksanaan tanggungjawab, menilai dan mengenal pasti dan mencadangkan syor berkenaan dengan tindakan perundangan dan bukan perundangan yang boleh diambil dan menyediakan laporan yang mengandungi hasil kajian, analisa dan syor yang berkaitan untuk pertimbangan Jemaah Menteri. Kerajaan juga memberikan komitmen supaya Laporan RCI ini dibentangkan di Parlimen kelak, *insya-Allah*.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat RCI yang pertama yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Mohamed Raus bersama ahli-ahli RCI yang lain telah diadakan pada 19 Februari 2024 di Istana Negara. Berikutan itu, Mesyuarat RCI Bilangan 2, Tahun 2024 pula diadakan pada 6 Mac 2024 di Johor Bahru semasa lawatan kerja RCI di Johor.

Semasa sesi lawatan kerja tersebut, satu sesi mesyuarat juga telah diadakan dengan Kerajaan Negeri Johor bagi mendapat maklumat dan input berkaitan dengan perkara ini. Lawatan kerja tersebut juga melibatkan lawatan tapak ke kawasan perairan Batu Puteh, Batuan Tengah, Tubir Selatan melalui *Abu Bakar Maritime Base*.

Selain itu, RCI juga memanggil beberapa buah agensi kerajaan untuk memberikan taklimat berkaitan dengan perkara yang telah berlaku seperti Jabatan Peguam Negara, Ketua Setiausaha Negara, Timbalan Ketua Setiausaha Kabinet, Kementerian Luar Negeri, Majlis Keselamatan Negara, JUPEM dan PHN. Pihak RCI akan memanggil lagi agensi kerajaan yang lain.

Semasa RCI ini dijalankan, *insya-Allah* setakat ini lebih kurang 20 hingga 30 peratusan dilaksanakan dan *insya-Allah* selepas Raya ini saya dimaklumkan beberapa orang individu dan saksi berkaitan dengan kes ini akan dibawa. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Soalan tambahan Datuk Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, dalam fikiran saya, kesalahan ini adalah amat berat. Bolehkah Menteri memberitahu kepada Dewan ini apa implikasi kepada negara dan apa hukumannya kepada pesalah? Terima kasih

Dato' Sri Azalina Othman Said: Datuk Yang di-Pertua, kalau kita rujuk kepada jawapan saya, sebenarnya RCI ini adalah, dengan izin, *fact finding mission* sebab apa yang berlaku sebelum ini kewujudan yang disebut sebagai *special task force*, terdapat beberapa cabaran seperti bila dipanggil tak datang, dokumen tak lengkap dan pelbagai cabaran.

Oleh sebab kuasa daripada cabaran-cabaran yang dihadapi oleh PPK iaitu *task force* yang diwujudkan ialah kesukaran, kelewatan mendapat dokumen, kekurangan memberi input dan pandangan, beberapa orang saksi yang enggan hadir. Sebab *task force* ini tidak ada gigitan dan RCI ini adalah di bawah undang-undang bertulis iaitu satu akta khas dan dalam akta ini Yang Berhormat Senator, dia lebih kepada isu *on the Commission* ataupun kita katakan dalam punca kuasa yang paling utama, yang paling penting ialah apakah sebenarnya tugas iaitu mencari *fact finding mission*.

Seperti jawapan saya, akan dibentangkan di Kabinet dan kemudian seterusnya dicarikan, apa sebenarnya langkah seterusnya, baharulah ia akan dibentangkan kepada Yang di-Pertuan Agong secara menyeluruh, itu pertama.

Keduanya ialah, hendak bercakap tentang hukuman bukan bab RCI, dia tak boleh menghukum, dia hanya ada kuasa menghukum kalau kuasa itu memanggil orang tak nak datang, itu dia boleh hukum sebab ikut undang-undang yang diberi dalam kuasa RCI ini ialah penghinaan bila dipanggil merupakan satu kesalahan jenayah di bawah seksyen 13. Apabila dikatakan penghinaan itu maksudnya ialah apa-apa perbuatan yang tidak menghormati atau apa-apa celaan ataupun apa-apa ancaman terhadap mana-mana Pesuruhjaya RCI atau pun apa-apa perbuatan yang tidak menghormati.

Ini sebenarnya kita lihat sebagai hukuman yang hanya ada, bila dipanggil tak datang, boleh dikenakan hukuman dan tindakan, tetapi hasil penemuan ini dibentangkan kepada Kabinet dan Kabinetlah yang akan menentukan hasil hukuman jika perlu dan kemudian dibentangkan kepada Yang di-Pertuan Agong. Komitmen daripada Kerajaan Madani selepas proses ini, kita nak bentang kepada Parlimen supaya Dewan Rakyat dan Dewan Negara dapat melihat sebenarnya apa yang telah berlaku dan kenapakah perkara ini boleh berlaku dan apakah sepatutnya dijalankan supaya jangan lagi perkara ini berulang. Itu sahaja Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Buat singkat ya.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Okey, terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Menteri atas penerangan yang diberikan.

Soalan saya ialah, selain daripada pembentukan Suruhanjaya Siasatan Diraja Batu Puteh, apa usaha kerajaan terkini bagi memastikan insiden kehilangan kedaulatan sebegini tidak berulang sekali lagi. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya Datuk Yang di-Pertua, sebenarnya dalam masalah kehilangan dalam kes Pulau Batu Puteh itu ialah rayuan telah ditarik balik dan ditarik balik semasa kes belum lagi ataupun kes itu masih dalam proses pendengaran. Itu sebab secara amalan kerajaan ataupun amalan kita sebagai manusia biasa kalau rayuan dilaksanakan, kita mesti hendak selesaikan, kecuali kalau ada penyelesaian, kan? *That should be*, dengan izin.

■1020

Tuan Yang di-Pertua sebab sebagai seorang Peguam begitu terkenal ya, *settlement* selalu dicapai kalau adanya penyelesaian. Mungkin orang yang akan tarik, *withdraw* sebab adanya penyelesaian kononnya, tetapi dalam kes ini, yang menjadi sangat-sangat aneh ialah yang kita hilang ialah satu *boundary* Batu Puteh yang *belongs* kepada kita. Bila bercakap tentang isu *territory* sebenarnya peranan bukan hanya pada kerajaan. Kita tidak boleh lupa kepada kuasa kerajaan negeri terutama Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Mana-mana negeri sekalipun, isu *boundary* ialah isu kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku, di bawah kita ada Perlembagaan kita, kita ada *Concurrent-List, Federal-List dan State-List*. Jadi, maksudnya ialah kemungkinan siapa yang bersalah, macam mana perkara ini berlaku?

Jadi sebelum kita menuduh kita perlu mendapat semua maklumat dan mereka yang dipanggil wajib hadir memberikan yang terbaik- maklumat supaya kita dapat tengok apa sebenarnya telah berlaku, bagaimana kemungkinan kita boleh cuba mengharap supaya perkara ini tidak diulang lagi.

Itu sebabnya saya sebut dalam jawapan saya yang paling utama, penekanan daripada Akta RCI ini ialah *a fact-finding mission*. Itu sebenarnya. Kita tidak hendak tuduh lagi. Kita kena bagi orang peluang membela diri, memberikan sebenarnya maklumat. Sebab dalam RCI ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh tipu, tidak boleh lari, tidak boleh kata tiba-tiba ingat, lepas itu lupa, lepas itu lupa, lepas itu ingat. Tidak boleh. Ini sebenarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Md Ghazali.

Tuan Amir bin Ghazali: Terima kasih Yang di-Pertua, soalan nombor 2.

2. Tuan Amir bin Ghazali minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, apa strategi kementerian untuk memperkasakan sektor pelancongan tempatan ke arah usaha menggalakkan pelancong untuk berterusan melancong ke dalam negara.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato Sri Tiong King Sing]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa bekerjasama dengan semua pihak termasuk kerajaan negeri dan pertubuhan bukan kerajaan negeri seperti persatuan-persatuan pelancongan, ahli-ahli akademik dan wakil-wakil masyarakat setempat dalam menggalakkan pelancongan domestik di seluruh negara.

Namun, sebelum MOTAC melaksanakan mana-mana tindakan strategik ataupun pembangunan produk pelancongan di negeri-negeri perlu mendapat keizinan kerajaan negeri terlebih dahulu.

Oleh yang demikian, saya ingin memohon agar Ahli-ahli Yang Berhormat dapat berbincang terlebih dahulu dengan kerajaan negeri seperti Majlis Tindakan Pelancongan Negeri atau Jabatan Pelancongan Negeri masing-masing bagi mengenal pasti destinasi-destinasi pelancongan yang berpotensi dan cadangan bagi membaik pulih atau menaiktarafkan mana-mana kemudahan dan fasiliti pelancongan supaya adalah disokong seiring dengan keutamaan kerajaan negeri. Seterusnya MOTAC akan bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri bagi meneliti cadangan-cadangan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Amir bin Ghazali: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ringkas iaitu tentang *outbound* dan juga *inbound* dalam pelancongan tempatan- domestik.

Musim cuti sekolah semua bergerak melancong keluar dan domestik kawasan-kawasan pelancongan dalam negara agak kurang. Jadi apakah perancangan? Tidakkah ada libat urus dengan industri pemain pelancongan, membincangkan tentang penurunan harga kos rahmah, harga kos hotel, harga kenderaan- *transport* di kawasan-kawasan pelancongan dalam negara kita?

Supaya rakyat Malaysia lokal ini boleh dapat melancong dalam negara memenuhi destinasi-destinasi pelancong semasa musim cuti sekolah dan juga perayaan. Terima kasih.

Dato' Sri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat. Macam tadi jawapan saya sudah bagi tahu. Mesti semua pihak mahu bekerjasama termasuk hotel, restoran, semua *travel agents*, semua mesti mahu kerjasama. Kalau kita cuma kira *one-way traffic* sahaja memang mana-mana kita punya kempen ataupun *promotion* memang tidak akan *success*.

Contoh macam sekarang kita, Program Pelancongan Domestik di Pulau Pinang sahaja. Kita ada *MATTA Fair, Penang, 27* hingga 28 April di *Setia SPICE Convention Centre* Pulau Pinang and then reruai MOTAC sempena Program Madani Rakyat Zon Utara 27 hingga 29 April 2024, Tapak Pesta Nibong Tebal Pulau Pinang, *Northern Malaysia Gastronomy Journey* 23 Julai hingga 27 Julai 2024, Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak.

Zon Cuti-Cuti Malaysia 2024 *Travel Fair* Ogos 2024, *Sunway Carnival Mall*, Pulau Pinang, Pesta Pulau Pinang 1 Disember hingga 31 Disember 2024, Tapak Pesta Nibong Tebal Pulau Pinang. Ini semua promosi domestik kita untuk pelancongan-pelancongan di domestik. Okey, sekian terima kasih.

Tuan Pele Peter Tinggom: Soalan tambahan.

Datuk Razali bin Idris: Soalan tambahan. Satu, sebelah kanan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pele. Pele.

Tuan Pele Peter Tinggom: Okey terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dia punya Menteri ini.

Tuan Pele Peter Tinggom: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk memberi soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya adalah nyatakan insentif atau geran yang disediakan oleh kementerian kepada penggiat industri dalam merencanakan industri pelancongan? Terima kasih.

Dato Sri Tiong King Sing: Terima kasih Yang Berhormat dan tahniah. Saya difahamkan baharu kena lantik jadi Senator. Tuan Yang di-Pertua, antara insentif atau geran yang disediakan untuk penggiat industri bagi merencanakan industri pelancongan adalah:

- (i) pemberian subsidi kadar pembiayaan pinjaman iaitu Skim Infrastruktur Pelancongan yang diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB). Maka, pengusaha pelancongan boleh memohon pembiayaan tersebut secara terus dengan BPMB;
- (ii) pemberian Geran Sempadan Sektor Pelancongan (GSSP), Geran Sempadan Sektor Kebudayaan (GSSK) dan Geran Sempadan Galakan Melancong Malaysia; dan
- (iii) menawarkan Geran Stimulus Penerbangan Antarabangsa dan *Charter* (GSPC) kepada syarikat-syarikat penerbangan bagi meningkatkan ketibaan pelancong asing melalui kemudahan udara.

Sekian, terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Satu soalan, satu soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Cukup. Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 3.

3. Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta Perdana Menteri menyatakan, apa tindakan jangka masa panjang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam menangani masalah sosial seperti '*mini Dhaka*' yang sering muncul selepas operasi penangkapan warga asing tanpa izin dilakukan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) [Dr. Zaliha binti Mustafa]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Datuk Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, lambakan warganegara asing di kawasan Ibu Kota diakui menimbulkan ketidakselesaan dan kacau ganggu kepada warga kota. Pelbagai masalah sosial yang timbul, antaranya:

- (i) tumbuhnya gerai-gerai haram milik warganegara asing yang terpaksa mencari pendapatan bagi kelangsungan hidup;
- (ii) kita dapati juga ada banyak aktiviti pelacuran di kalangan wanita dan juga lelaki warga asing;
- (iii) ancaman keselamatan kepada warga kota kerana ada kalanya timbul kes-kes pergaduhan di kalangan warga-warga asing ini; dan
- (iv) masalah pencemaran pemandangan dan juga isu kebersihan akibat daripada gelandangan warganegara asing.

Tidak keterlaluan juga jika dikatakan bahawa lambakan warganegara asing ini juga menyebabkan penempatan di Ibu Kota menjadi sangat padat sehingga menyebabkan harga sewa rumah di Ibu Kota menjadi sangat mahal. Dalam masa yang sama menyukarkan pensasaran subsidi kerajaan yang sepatutnya dinikmati oleh golongan warganegara yang berpendapatan rendah selain pelbagai lagi masalah sosioekonomi yang timbul daripada cara hidup warganegara asing ini yang berbeza dengan norma hidup masyarakat tempatan.

Jadi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari semasa ke semasa akan menguatkuasakan undang-undang dengan melaksanakan pemantauan dan juga rondaan secara berkala ke atas aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh warga asing ini terutamanya dalam bidang perniagaan dan DBKL mengambil tindakan seperti kompaun dan menyita peralatan atas barang-barang perniagaan yang tidak ada kebenaran atau dilesenkan oleh Datuk Bandar di bawah beberapa peruntukan yang kita ada, contohnya:

- (i) peruntukan Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016;
- (ii) Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016; dan
- (iii) Undang-undang Kecil Pasar Borong (WPKL) 2002.

Jadi dalam kes contohnya Yang Berhormat, bawa iaitu isu *mini Dhaka*, dalam bulan Januari hingga Februari sahaja kita telah ada 34 tindakan sitaan. Kemudian dengan kerjasama DBKL dan bomba juga, kita adakan operasi bersepadu. Ini juga telah kita laksanakan roboh struktur sekatan dalaman dan ini kita telah melibatkan 108 struktur sekatan binaan yang telah kita lakukan di empat buah premis.

Kemudian Yang Berhormat, kita juga adakan penguatkuasaan untuk pemantauan di *hotspot* dengan menggunakan litar tertutuplah, kamera litar tertutup atau CCTV. Jadi, bagi tindakan jangka masa panjang pula, sebenarnya kita juga mahu melakukan pengumpulan data dalam operasi-operasi yang kita lakukan supaya kita dapat kemudiannya melaksanakan tindakan yang lebih tepat dan adil.

Jadi secara ringkasnya, kerajaan memberi komitmen untuk memprogramkan beberapa siri tindakan secara berjadual dan beroperasi sepadu ini dengan agensi-agensi yang pelbagai termasuklah JIM, KDN, PDRM, MKN, JKM, KPKT dan juga MAIWP. Terima kasih.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Empunya soalan dahulu.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: [*Bangun*] Sila.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Seperti yang kita ketahui, terdapat warga tempatan yang menyewakan lesen perniagaan mereka kepada warga asing. Ini mendorong kepada kewujudan *mini Dhaka* ini. Setakat ini, berapakah lesen perniagaan warga tempatan yang terlibat ditarik balik atau sekadar kita bagi amaran kepada mereka?

Dr. Zaliha binti Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ada tindakan-tindakan yang tegas Yang Berhormat. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan undang-undang kecil yang saya sebutkan tadi, kita ada empat undang-undang yang di bawah kuasa DBKL. Jadi, pemilik lesen ini kita memang tidak akan membenarkan mereka untuk menyalahgunakan lesen dengan cara menyewa lesen contohnya kepada warga asing bagi menjalankan perniagaan.

Jadi, DBKL akan mengambil tindakan pembatalan lesen Yang Berhormat sekiranya didapati pemegang lesen tersebut menyewakan lesen kepada pihak-pihak lain. Jadi, untuk contohnya saya nak mengambil kesempatanlah bulan Ramadan ini Tuan Yang di-Pertua, DBKL juga turut menjalankan tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan kompaun ke atas pemilik lesen yang menyewakan lesen Bazar Ramadan dan Aidilfitri kepada pihak-pihak lain. Jadi bagi tiga tahun yang terakhir, 2022 hingga Februari tahun ini 2024, kita telah membatalkan 321 buah lesen premis dan 66 lesen penjaja, Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Soalan tambahan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Dr. Mohd Hatta.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penyakitnya kita sudah nampak, diagnosis sudah dibuat, simptomnya cukup cantik. Pemeriksaan sudah dibuat, rawatan pun ada, tetapi rawatannya tidak berapa menjadi, tidak berapa berkesan.

Jadi saya hendak bertanya, ada tidak di antara mereka yang telah diambil tindakan ini *repeat offenders*, yang berulang kali, yang rawatannya kalau saya rasa mesti dinyahkan daripada negara ini, bagi pendatang asing. Adakah itu termasuk di dalam rangka tindakan DBKL? Terima kasih.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi saya ingin tegaskan ya sebenarnya kalau Yang Berhormat tanya, adakah *offence* yang berulang, ada tetapi statistiknya saya rasa saya kena- tidak adalah sekarang ini, tetapi saya hendak tegaskan di sini sebenarnya tindakan yang kita perlu ambil merupakan tindakan bersepadu.

Saya selalu tegaskan yang ini kerana antara tindakan-tindakan yang kita ambil itu tidak termasuk di bawah bidang kuasa DBKL. Ia termasuk contohnya di bawah bidang kuasa MKN, bidang kuasa JIM, bidang kuasa yang lain-lain agensi. Jadi, sebab itu saya sebutkan tadi, kita perlu laksanakan tindakan yang bersepadu supaya agensi-agensi yang berkaitan tahu apa tindakan yang hendak diambil kepada mereka yang terlibat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Yang di-Pertua, soalan saya nombor 4.

4. Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah kerja-kerja persediaan yang diambil untuk pelaksanaan sistem e-invois pada 1 Ogos 2024.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan akan melaksanakan penggunaan e-invois secara berperingkat mulai Ogos 2024 berdasarkan nilai ambang hasil jualan perniagaan. Pelaksanaan e-invois merupakan suatu pendekatan baharu untuk meningkatkan tahap pematuhan cukai, sekali gus memberi manfaat kepada kerajaan, pentadbir cukai dan perniagaan iaitu daripada aspek meningkatkan kecekapan perniagaan, menangani ekonomi bayangan dan mengekang ketirisan hasil cukai negara.

Kerajaan mengambil maklum bahawa proses untuk syarikat mengadaptasi e-invois memerlukan masa. Oleh itu, pelaksanaan e-invois akan dibuat secara berfasa. Fasa Pertama akan bermula pada Ogos 2024 melibatkan syarikat besar dengan perolehan jualan tahunan melebihi RM100 juta. Manakala Fasa Kedua melibatkan syarikat dengan perolehan tahunan sebanyak RM25 juta sehingga RM100 juta yang akan bermula pada Januari 2025.

Bagi memastikan pelaksanaan e-invois berjalan lancar mengikut garis masa yang ditetapkan, LHDN telah melaksanakan usaha dan inisiatif seperti berikut. Sesi Libat Urus bersama pemain industri dan badan profesional mengikut zon iaitu zon tengah, utara, selatan, zon Sabah dan zon Sarawak sejak Julai 2023. Lebih 90 Sesi Libat Urus dan pembentangan kepada persatuan perdagangan dan persatuan industri merangkumi industri perbankan, perkhidmatan kewangan, insurans, perkhidmatan profesional, penjagaan kesihatan, automatif, telekomunikasi dan banyak lagi sejak Disember 2023.

Pengeluaran Garis Panduan Utama E-Invois untuk menerangkan tentang pelaksanaan dan mekanisme e-invois, pengeluaran Garis Panduan Spesifik E-Invois untuk menerangkan secara terperinci pelaksanaan e-invois bagi transaksi atau aktiviti tertentu. Pengeluaran *Software Development Kit*, dengan izin, SDK pada 19 Februari 2024 sebagai rujukan teknikal untuk tujuan integrasi *Application Programming Interface* (API) dengan izin, antara sistem pembayar cukai dengan sistem MyInvois LHDN.

Pengeluaran kompilasi soalan lazim umum dan spesifik mengikut industri seperti penjagaan kesihatan, pembinaan telekomunikasi, e-dagang dan operasi petroleum. Sesi libat urus bersama lebih 80 buah syarikat rintis bagi persediaan pelaksanaan e-invois. Sesi taklimat pelaksanaan e-invois bersama pembayar cukai secara fizikal dan dalam talian, penyediaan laman mikro khusus untuk e-invois sebagai *one-stop-center*, sumber maklumat berkaitan pelaksanaan e-invois di portal rasmi LHDN. Program kerjasama bagi tujuan hebahan pendidikan dan kesedaran e-invois bersama agensi lain seperti SME Corporation, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Perbadanan Usaha Nasional Berhad dan beberapa lagi agensi. Komunikasi dan publisiti melalui media masa dan media sosial rasmi LHDN.

Pada masa ini sistem MyInvois sedang dibangunkan untuk diakses oleh semua perniagaan secara percuma mulai 1 Ogos 2024. Seterusnya mulai Mei 2024, LHDN akan menjalankan projek rintis melibatkan syarikat terpilih yang mewakili pelbagai industri sebagai persediaan ke arah pelaksanaan secara meluas yang lebih lancar dan ada lagi banyak usaha-usaha yang LHDN akan lakukan.

■1040

Ini antarlal beberapa yang telah dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Soalan tambahan. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh perusahaan kecil dan sederhana (SME) untuk melaksanakan sistem e-invois walaupun kerajaan telah menyediakan insentif untuk menyenangkan proses?

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Sepanjang sesi libat urus bersama pemain industri dan badan profesional yang telah dilaksanakan, pihak LHDN telah menerima pelbagai maklum balas dan input khususnya berkenaan cabaran yang dihadapi oleh pelbagai pihak termasuk di kalangan perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS). Golongan PMKS telah menyuarakan kebimbangan tentang beban dan kos operasi, penerapan teknologi dan jurang kesediaan pengetahuan berkenaan e-invois.

Penambahan langkah-langkah dalam proses perniagaan untuk memenuhi keperluan e-invois seperti pengeluaran dan pengurusan invois digital, akses kepada teknologi seperti telefon pintar, komputer riba dan sebagainya, kekurangan pengetahuan dan pemahaman tentang proses, kebimbangan tentang kos tambahan yang perlu ditanggung dan sebagainya. Bagi memastikan pelaksanaan e-invois berjalan lancar mengikut garis masa yang ditetapkan bagi golongan PMKS, LHDN telah dan sedang meneliti beberapa cadangan penyelesaian. Antaranya, menggalakkan aktiviti kesedaran dan pendidikan e-invois, menyediakan aplikasi mudah alih e-invois yang mesra dan mudah pengguna untuk melaksanakan transaksi dan meringankan proses pengeluaran invois bagi perniagaan kecil.

LHDN juga menaik taraf ciri-ciri platform MyTax dan MyInvois portal bagi memastikan pelaksanaan e-invois lebih mudah dilaksanakan oleh PMKS. Menggalakkan PMKS untuk menggunakan platform pembayaran digital bagi memudahkan pelaksanaan e-invois. Untuk mengatasi isu internet, sesi libat urus dengan kementerian akan digiatkan dalam memastikan isu internet dan akses dapat diatasi. Kolaborasi dengan industri dan agensi dalam memastikan komunikasi dan program latihan pelaksanaan e-invois bagi PMKS. Ini adalah antara langkah-langkah yang akan dilakukan.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah ketersediaan platform atau teknologi dalam menangani masalah e-invois supaya sistem ini tidak ketinggalan dan mengalami gangguan yang mempengaruhi kecekapan sistem dan mengancam keselamatan data rakyat? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Bagi tujuan pelaksanaan e-invois terdapat dua kaedah penghantaran e-invois kepada LHDN. Iaitu sistem MyInvois dan konfigurasi sistem melalui *Application Programming Interface (API)*. Sistem MyInvois dibangunkan oleh LHDN bagi tujuan menyelaras pertukaran dan pengurusan e-invois dalam format elektronik berstruktur antara penjual dan pembeli. Sistem MyInvois ini boleh diakses secara percuma oleh semua pembayar cukai.

Selain itu, pembayar cukai juga boleh menghantar e-invois secara terus kepada LHDN melalui API dengan mengintegrasikan sistem *Enterprise Resource Planning* dengan izin ERP pembayar cukai dengan sistem MyInvois. Panduan integrasi dan konfigurasi API sehingga proses akhir API disediakan melalui SDK yang saya sebutkan tadi iaitu *Software Development Kit* yang dikeluarkan oleh LHDN.

Pembayar cukai boleh memilih kaedah yang paling sesuai untuk menghantar e-invois kepada LHDN berdasarkan keperluan dan kehendak perniagaan masing-masing. Sistem MyInvois semestinya akan memberi keutamaan kepada kerahsiaan, integriti dan ketersediaan data melalui langkah-langkah perlindungan data yang ketat. Kerajaan akan memastikan LHDN memberi keutamaan dalam memastikan data dalam sistem MyInvois sentiasa terjamin melalui pematuhan terhadap Dasar Keselamatan ICT, LHDN dan Surat Pekeliling Am Garis Panduan Pengurusan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Timbalan Menteri. Yang Berhormat Senator Puan Rita Insol.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

5. Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri menyatakan, sebab-sebab eksport negara turun pada tahun 2023 sedangkan nilai ringgit telah turun ke paras yang terendah dalam tempoh yang sama.

Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Tuan Liew Chin Tong]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, yang pertama kali saya berdiri di sini berhadapan dengan Datuk Yang di-Pertua yang baharu. Tahniah atas lantikan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Rita Insol atas soalan ini.

Ini lah peluang untuk MITI memperbetulkan persepsi dan juga memberikan idea bahawa eksport kita tidak sebenarnya merosot. Pada tahun 2023, prestasi perdagangan Malaysia melepasi asas RM2 trilion bagi tiga tahun berturut-turut yang berjumlah RM2.637 trilion. Namun, berbanding dengan tahun yang sebelum itu, tahun 2022, ia mengurang 7.3 peratus. Sebahagian sebab ialah tahun 2022 ialah *high based*. *High based* di sebabkan harga minyak sawit yang sangat tinggi.

Ini susulan daripada pengurangan dalam permintaan global harga komoditi yang lebih rendah dan ketegangan geopolitik yang berpanjangan dan kadar inflasi yang tinggi dan penurunan dalam kitaran semikonduktor dunia serta kesan asas tinggi- *high based effect* yang direkodkan pada tahun sebelum itu iaitu tahun 2022.

Sebagai contoh, harga pasaran minyak kelapa sawit (CPO) bagi tahun 2023 menurun sebanyak 28 peratus berbanding dengan tahun 2022, tetapi kalau daripada segi jumlah *volume*, daripada segi *volume*, dia hanya turun 4.3 peratus- iaitu pada tahun 2023 eksport daripada segi jumlah atau *volume* untuk CPO ialah 14.26 juta tan dan tahun yang sebelum itu 14.91 juta tan. Itu lah perbandingannya.

Manakala harga *brent crude* ataupun minyak menurun sebanyak 18 peratus kalau memandangkan barangan ENE produk *and* petroleum minyak sawit dan produk-produk berkaitan minyak sawit kimia dan bahan kimia serta LNG membentuk 64.6 peratus daripada jumlah eksport negara.

Maka prestasi eksport daripada segi angka daripada segi nilai wang ringgit pada tahun 2023 dijejaskan oleh faktor harga komoditi dan permintaan global yang menurun, terima kasih.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, daripada ramai pelabur asing yang telah komited untuk melabur di Malaysia, berapa syarikat yang telah memulakan operasi permulaan untuk memulakan operasi mereka di Malaysia dan bilakah tempohnya agaknya produk mereka boleh menyumbang kepada eksport negara? Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Lazimnya Yang Berhormat, kalau satu pelaburan yang telah diluluskan biasanya dia mengambil 18 sampai 24 bulan untuk *production* dan dalam siasatan ataupun dalam sejarah kita, biasanya 85 peratus akan direalisasikan- 85 peratus projek pelaburan yang telah diluluskan akan dilaksanakan atau direalisasikan dalam tempoh 18 sampai 24 bulan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Lim Pay Hen: Soalan tambahan

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih. Berdasarkan data yang baru diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Johor merekodkan penurunan eksport terbesar sebanyak RM5 bilion pada Disember 2023. Berbanding semua negeri lain di Malaysia, apakah faktor utama berlakunya penurunan mendadak ini dan apakah langkah intervensi yang akan diambil oleh pihak kerajaan bagi mengelakkan perkara ini daripada terus berlaku? Terima kasih.

■1050

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih, soalan daripada Senator. Seperti apa yang saya sebut tadi penurunan nilai pada tahun 2023 disebabkan faktor utama ialah penurunan harga sawit dan harga minyak. Ekonomi Johor paling dipengaruhi oleh sawit dan minyak di Pengerang. Maka, penurunan nilai tidak semestinya sama dengan penurunan eksport daripada segi kuantiti ataupun jumlah. Bermakna walaupun kutipan kita telah kurang daripada segi Ringgit tetapi apa yang kita hasil sama saja ataupun kurang sikit. So, inilah sebab ataupun faktor yang berlaku berkenaan dengan ekonomi Johor.

Untuk jangka panjang, sebagai satu negara, kita nak wujudkan lebih *diversification* apa yang kita sebagai satu negara, hasrat kita ialah kita *diversify*, kita ada beberapa industri besar kalau lebih banyak, lebih kompleks ekonomi kita, maka kita tidak terpengaruh oleh harga komoditi. Kalau kita ada lima, 10 buah industri yang berlainan, ekonomi kita lebih kompleks, harga sawit turun ia tidak akan ganggu eksport kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Timbalan Menteri. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 6.

6. Datuk Haji Mustafa bin Musa minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, jumlah koperasi di negeri Melaka dan bagaimana kerajaan menggandakan penyertaan belia menyertai koperasi sebagai sumber pendapatan alternatif pada masa kini.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Ramanan Ramakrishnan]: Dato' Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) komited dalam meningkatkan keterlibatan masyarakat melalui kegiatan berkoperasi. Jumlah koperasi di Melaka yang telah didaftarkan sehingga Disember 2023 sebanyak 487 buah koperasi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 29 buah koperasi baru telah didaftarkan sepanjang tahun 2023.

Menyedari kepentingan golongan belia bagi kesinambungan kepimpinan sesebuah koperasi, KUSKOP melalui SKM sentiasa berusaha meningkatkan penyertaan golongan belia dalam gerakan koperasi melalui program-program berikut.

Pada tahun 2023, SKM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menganjurkan program *Young Entrepreneurs Strive for Success (YESS)* yang bertujuan memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan kolej vokasional untuk melahirkan lebih banyak usahawan serta memperkukuhkan peranan koperasi sekolah sebagai institusi keusahawanan koperasi.

Bagi penganjuran Program YESS peringkat negeri Melaka, pada tahun 2023 terdapat sembilan penyertaan dari koperasi sekolah di Melaka. Koperasi SMK Krubong Melaka Berhad dari daerah Melaka Tengah telah berjaya mewakili Melaka ke peringkat kebangsaan dan seterusnya mendapat tempat keempat bagi anugerah projek terbaik peringkat kebangsaan.

Kedua, SKM dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) telah menganjurkan *Asia Pacific Cooperative Youth Summit*, dengan izin, pada Julai 2023 di Sabah. Program ini melibatkan kumpulan sasaran golongan belia yang mana mereka diberi peluang untuk berkongsi pengalaman dan kisah kejayaan gerakan koperasi di negara masing-masing. Program ini juga menyeru golongan belia untuk bersama-sama menggalakkan gaya hidup mampan sambil menghayati nilai kerjasama dan membentuk satu perusahaan perniagaan secara berkoperasi.

Akhir sekali, SKM juga telah menganjurkan sebanyak 368 program pengukuhan, penggalakan dan pembudayaan koperasi di seluruh negara melibatkan pelbagai kumpulan sasar termasuk golongan belia. Antaranya Program Keusahawanan dan Kebolehpasaran Belia dan Siswa *Walkabout*, Menteri KUSKOP bersama anak muda berkoperasi serta program membudayakan integriti dan bebas penyalahgunaan dadah di kalangan belia dan *cooperator*. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Husain bin Awang: Soalan tambahan.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Soalan tambahan saya Yang di-Pertua. Seiring dengan Dasar Koperasi 2030, adakah usaha daripada kementerian untuk menggandingkan kesinambungan sektor pelancongan, industri desa dan pasaran global agar pertumbuhan jualan dan hasilan koperasi di Melaka terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri menjelang tahun 2030. Terima kasih.

Dato' Ramanan Ramakrishnan: Kisah kejayaan- terima kasih Yang Berhormat. Kisah kejayaan koperasi di Melaka adalah seperti berikut. Koperasi-koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Melaka Berhad yang didaftarkan pada 27 Januari 1926 merupakan antara koperasi tertua di negeri Melaka. Ia mempunyai 3,616 orang ahli dan koperasi ini merupakan koperasi pertama di negeri Melaka yang menjalankan aktiviti perniagaan Ar-Rahnu dengan bermodalkan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya sebanyak RM5 juta. Koperasi menduduki tempat ke-88 dalam profil 100 buah koperasi terbaik di Malaysia pada tahun 2023.

Antara yang lain iaitu Koperasi Pekerja-pekerja CTRM Melaka Berhad yang telah menjalankan aktiviti-aktiviti penjenamaan seperti CTRM KOOP pada tahun 2019. Koperasi juga turut memperkenalkan logo baharu menawarkan pelbagai perkhidmatan baharu antaranya seperti penganjuran mesyuarat atas talian, fizikal, hibrid, sewaan sistem kehadiran dan undian. Penganjuran acara fotografi, videografik, montaj, iklan video 3D yang bertema juga diadakan. KUSKOP melalui SKM telah memperuntukkan RM2 juta bagi tahun 2024 untuk menggalakkan koperasi dalam sektor pelancongan seperti aktiviti-aktiviti ataupun sektor pelancongan seperti *homestay*. Antaranya Koperasi Belia Masyarakat Melaka Berhad juga menjalankan aktiviti perhotelan di Melaka. Terima kasih.

Dato' Haji Husain bin Awang: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Husain bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah- sudah Yang Berhormat. Okey. Satu lagi, okey.

Dato' Haji Husain bin Awang: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kementerian telah membangunkan dasar koperasi Malaysia bagi memperbaharui hala tuju gerakan koperasi mengikut perkembangan arus perdana agar ia lebih berdaya saing dan lebih daya tahan sesuai dengan keinginan anak muda.

Soalan tambahan, sejauh mana gerakan koperasi di bawah seliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ini berjaya menarik minat anak muda untuk berkhidmat di koperasi, sedangkan gaji atau pendapatan yang ditawarkan dilihat tidak kompetitif dan tidak bersesuaian dengan situasi ekonomi masa kini. Terima kasih.

Dato' Ramanan Ramakrishnan: Terima kasih atas soalan Yang Berhormat. Sebenarnya saya bersetuju dengan Yang Berhormat sebab kalau kita tengok sekarang belia yang ada kebanyakan mereka berminat berkerjaya, kerja yang tetap kerana pendapatan itu lebih menarik dan kurang berisiko berbanding dengan menjadi usahawan.

Sesuatu keputusan dan kawalan ke atas perniagaan yang lebih mudah juga diberikan kalau mereka membuat perniagaan sendiri kerana di bawah pengurusan sesebuah syarikat, dia berbeza berbanding dengan kalau di bawah platform koperasi yang mempunyai banyak peraturan.

Juga kita mempunyai percanggahan prinsip keuntungan, prinsip sosioekonomi yang diamalkan oleh koperasi kurang menarik minat mereka kerana golongan belia lebih mengutamakan keuntungan semata-matanya, tetapi koperasi juga menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan mereka secara bersendirian dan tidak tertakluk kepada apa-apa perniagaan khas yang ditentukan oleh SKM. Jadi memang belia sekarang dia lebih berminat untuk berniaga sendiri. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris.

■1100

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan soalan nombor 7. Terima kasih.

7. Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta Menteri Kewangan menyatakan, perincian berkenaan jumlah penalti dan hasil bukan cukai yang berjaya diperoleh oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) daripada langkah-langkah yang diambil LHDN untuk mendapatkan kembali cukai dan hasil yang gagal dikutip antaranya melalui Program Pengakuan Sukarela atau kaedah-kaedah lain sepanjang tahun 2022 dan 2023.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa proaktif dalam menangani isu *shadow economy*, dengan izin, atau ekonomi bayangan melalui kaedah meningkatkan kadar pematuhan cukai, mengekang ketirisan hasil dan seterusnya meningkatkan kepercayaan orang awam terhadap sistem percukaian negara.

Pelbagai langkah dan inisiatif telah dirangka dan sedang dilaksanakan oleh LHDN dalam usaha meluaskan jaringan pembayar cukai seterusnya meningkatkan jumlah kutipan hasil cukai. Bagi menangani isu ketidakpatuhan cukai, LHDN menjalankan aktiviti audit dan siasatan secara berterusan untuk mendapatkan kembali cukai dan hasil yang gagal dikutip sebelum ini dengan memfokuskan kepada pembayar cukai yang mempunyai risiko cukai yang tinggi berdasarkan kategori fail syarikat selain syarikat, penggajian dan majikan.

Secara keseluruhannya, jumlah cukai tambahan dan penalti yang telah dibangkitkan daripada hasil pengauditan sepanjang tahun 2022 dan 2023 iaitu masing-masing sebanyak RM8.2 bilion dan RM6.2 bilion. Selain itu, LHDN juga telah mengambil tindakan guaman sivil dan pendakwaan berdasarkan undang-undang untuk menuntut semula hasil cukai yang gagal dipungut.

Jumlah cukai yang berjaya dikutip termasuk kompaun dan denda bagi tahun 2022 dan 2023 masing-masing sebanyak RM709.7 juta dan RM465 juta.

Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0 adalah antara inisiatif yang diperkenalkan kerajaan untuk memperluas bilangan pembayar cukai dan menggalakkan pematuhan cukai bagi meningkatkan hasil negara. PKPS 2.0 dilaksanakan oleh LHDN dengan tawaran penalti pada kadar kosong peratus bagi pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh 6 Jun 2023 sehingga 31 Mei 2024.

Setakat 29, 2024- LHDN telah meluluskan sebanyak 72,534 kes pengakuan sukarela dan sejumlah RM652.55 juta taksiran cukai telah dilaporkan, yang mana sebanyak RM284 juta telah berjaya dikutip. Sekian, terima kasih.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: Terima kasih Yang di-Pertua, Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri, soalan tambahan saya, bagi meningkatkan pendapatan negara terutamanya daripada pihak cukai, adakah kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan cukai warisan iaitu cukai daripada orang-orang kaya seperti yang ada diketengahkan oleh beberapa pihak? Adakah kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan satu sistem ataupun kriteria supaya aset golongan kaya yang berada di luar negara dapat kita kenakan cukai? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Mengenai cadangan pengenaan cukai warisan atau dikenali cukai harta pusaka, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan cukai warisan buat masa ini. Berdasarkan laporan, *the Organization for Economic Co-operation and Development* (OECD) dengan izin, cukai ini hanya menyumbang sebahagian kecil daripada jumlah hasil cukai di seluruh negara.

OECD iaitu sekitar 0.5 peratus daripada jumlah cukai pendapatan purata tahun 2019. Hanya beberapa buah negara maju mengenakan cukai warisan dengan kadar yang tinggi seperti Jepun 10 hingga 55 peratus; Korea Selatan 10 hingga 50 peratus; dan Perancis 0 hingga 60 peratus. Kerajaan sebelum ini pernah mengenakan Duti Harta Pusaka ke atas pemilik harta yang meninggal dunia ke atas semua hartanya sebelum diagihkan kepada waris yang layak.

Namun begitu, Duti Harta Pusaka ini telah dimansuhkan mulai 1 November 1991 seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 1992 bagi membantu waris si mati mempercepatkan proses pengurusan harta pusaka. Berbanding memperkenalkan cukai-cukai baharu, kerajaan akan lebih memfokuskan dan mempergiat usaha dan tumpuan untuk meningkatkan kesedaran rakyat dalam aspek pematuhan cukai.

Pelbagai langkah sedang dilaksanakan dalam menangani ketirisan hasil cukai dan memerangi isu ekonomi bayangan bagi meningkatkan hasil pendapatan negara. Sekian, terima kasih.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat sila.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Adakah LHDN akan membuat audit selepas pembayar cukai membuat pengakuan sukarela dalam Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0?

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. LHDN akan menerima maklumat pengakuan sukarela secara suci hati dan tiada audit atau siasatan akan dilakukan ke atas cukai yang dilaporkan bagi tempoh bercukai yang dibenarkan semasa tempoh pengakuan sukarela dibuat. Perkara tersebut telah dinyatakan secara jelas di dalam surat kelulusan.

Namun, sekiranya pembayar cukai gagal menjelaskan baki cukai pada akhir tempoh PKPS, dia telah membuat- Sukarela telah membuat laporan, tetapi dia masih belum- tidak menjelaskan cukai itu pada akhir tempoh PKPS yang ditetapkan, tindakan undang-undang boleh diambil dan pembayar cukai boleh diaudit atau disiasat pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Senator Tuan Michael Mujah Lihan.

Tuan Michael Mujah Lihan: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya ialah nombor 8.

8. Tuan Michael Mujah Lihan minta Menteri Perladangan dan Komoditi menyatakan:

- (a) apakah usaha kementerian untuk meningkatkan kembali harga sawit yang semakin menurun dan insentif-insentif yang diberi kepada peladang-peladang kecil yang terkesan akibat penurunan harga tersebut; dan
- (a) usaha-usaha yang diambil untuk membantu pekebun-pekebun kecil bagi mempelbagaikan tanaman alternatif bagi mengelakkan kebergantungan kepada sawit.

Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi [Tuan Chan Foong Hin]: Datuk Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, harga pasaran minyak sawit mentah (MSM) atau dalam bahasa Inggeris dia, CPO adalah mengikut harga pasaran dunia dan tidak dikawal oleh kerajaan. Harga purata MSM kini telah kembali meningkat melepasi paras RM4,000 satu tan pada 27 Februari 2024 dan diniagakan pada RM4,250.00 satu tan.

Harga MSM ini terus meningkat kepada RM4,029 satu tan pada 4 Mac 2024 dan pada 19 Mac kelmarin, harga MSM telah meningkat sampai ke RM4,333 satu tan. Peningkatan harga MSM ini telah menyumbang kepada peningkatan harga buah tandan segar, harga di kilang melepasi paras RM800 satu tan. Namun begitu, kementerian ini juga sentiasa berusaha bagi memastikan pasaran sawit kekal stabil.

Pendekatan kita adalah lebih cenderung kepada pemantapan kualiti produk sawit supaya kedudukan pasarnya kekal kukuh dan stabil. Untuk mencapai matlamat ini, kementerian mengambil langkah-langkah strategi seperti yang berikut. Pelaksanaan secara mandatori Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang memberi penekanan dalam mempraktikkan Amalan Pertanian Baik (GAP), penjagaan keselamatan dan kesihatan bekerja, pematuhan undang-undang serta perlindungan alam sekitar.

Kedua, mempergiat aktiviti-aktiviti promosi dan advokasi khususnya melalui MPOC untuk menerangkan inisiatif kerajaan bagi memantapkan amalan persekitaran mampan dan pembangunan pekebun-pekebun kecil. Selain itu, terdapat enam inisiatif dalam membantu golongan pekebun kecil sawit persendirian (PKP) memaksimumkan produktiviti dan hasil sawit:

- (i) insentif Program Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil Sawit Persendirian (TSPKS) 2.0;
- (ii) Skim Pembiayaan Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit Persendirian (TSPKS);
- (iii) Skim Pembiayaan Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS);
- (iv) program di bawah Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM);
- (v) Skim Pembiayaan Mudah Tanpa Faedah (SPM) kepada Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM); dan
- (vi) insentif di bawah Program Strategi Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA).

Antara inisiatif untuk membantu PKP dalam mempelbagaikan hasil pendapatan adalah pelaksanaan Skim Insentif Integrasi Tanaman Dengan Sawit (ITa). Skim ini adalah program bantuan PKP melalui aktiviti penanaman tanaman kontan. Skop bantuan adalah pemberian bantuan terhadap kepada hak maksimum, pemilikan dana PKP sebanyak 6.5 hektar mengikut tanaman seperti berikut.

■1110

RM7,000 per hektar bagi tanaman nanas dan RM3,000 per hektar bagi tanaman pisang, tembikai, jagung dan betik. Akhir sekali, pelaksanaan Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe). Skim ini pula adalah untuk aktiviti penternakan serta penggunaan tanah yang optimum. Skop panduan adalah melibatkan pemberian wang tunai sebanyak RM15,000 bagi setiap projek ayam pedaging atau kampung dan itik penelur. Terima kasih.

Tuan Michael Mujah Lihan: Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah masalah utama yang dihadapi oleh pekebun kecil di luar bandar adalah akses menjalankan kebun mereka. Keadaan ini menyulitkan mereka dalam mengangkut buah sawit ke pusat pengumpulan atau kilang dan juga bantuan seperti baja, racun dan sebagainya. Adakah kementerian mempunyai rancangan ataupun peruntukan untuk perkara tersebut? Terima kasih.

Tuan Chan Foong Hin: Ya seperti yang saya katakan tadi kita ada enam insentif untuk membantu golongan Pekebun Kecil Sawit Persendirian (PKP) dan ada insentif daripada segi untuk *replanting*, tanam semula dan kerajaan telah *introduce* satu program yang di mana bersifat *matching grant* ini adalah berubah dengan TS, PKS yang terdahulu yang melalui pinjaman.

Untuk Skim Pembiayaan Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) juga, pembiayaan ini melalui AgroBank kepada *smallholder* bagi meringankan beban pembelian input pertanian iaitu anak benih, baja dan bahan kawalan perosak seperti racun rumpai dan racun serangga perosak dengan kadar pembiayaan sebanyak RM2,500 per hektar dan terhadap kepada pembiayaan maksimum sebanyak RM16,250.

Kita juga ada program di bawah Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) sebagai contoh di bawah RMKe-11, kerajaan memperuntukkan geran untuk pembinaan pusat timbang bagi setiap KPSM dengan nilai siling sebanyak RM200,000.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, di seluruh negara ini, kita ada 64 KPSM koperasi yang kebanyakan kita *target* kepada kumpulan pekebun kecil dekat kawasan luar bandar. So melalui program-program tersebut kita sentiasa hendak menolong dan membina kapasiti untuk penanam, pekebun-pekebun kecil ini. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Ya, terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya minta Timbalan Menteri menyatakan garis masa untuk melaksanakan konsep kitaran bioekonomi dalam rangkaian pekarang sektor kelapa sawit seperti yang dicadangkan dalam Kongres Ekonomi Bumiputera untuk menuju ke arah sektor kelapa sawit yang lebih mampan. Terima kasih.

Tuan Chan Foong Hin: Ya, terima kasih kepada Tan Sri. Antara cadangan yang baru dikemukakan di Kongres Ekonomi Bumiputera ini saya rasa merupakan cadangan yang baru. So Kementerian KPK masih belum ada sebarang garis panduan untuk daripada segi *timeline* dia bila kita hendak mencapai kitaran ekonomi yang bioekonomi yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri ini.

Kerajaan melalui KPK kita juga ada bahagian untuk pembangunan biojisim dan bahan api bio. *Biomass* dan *biofuel* di bawah kementerian ini dan itu satu-satu cara kita untuk kita menggubal dasar untuk menggalakkan daripada segi industri menuju ke arah mengguna pakai *biomass* dan juga *biofuel* yang berasaskan sawit. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 9.

9. Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, adakah kementerian mengambil perhatian tentang masalah tunggakan gaji kelab bola sepak profesional yang seolah-olah tidak diendahkan oleh pihak *Malaysian Football League* (MFL) menerusi saluran perundangan yang berkaitan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Adam Adli Abd Halim]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Dato' Kesavadas minta Kementerian Belia dan Sukan menyatakan adakah kementerian mengambil perhatian tentang masalah tunggakan gaji kelab bola sepak profesional yang seolah-olah tidak diendahkan oleh pihak *Malaysian Football League* menerusi saluran perundangan yang berkaitan.

Untuk makluman Datuk Yang di-Pertua, Persatuan Bola Sepak Malaysia adalah badan induk yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembangunan bola sepak di Malaysia sementara Liga Bola Sepak Malaysia atau MFL pula merupakan badan yang bertanggungjawab terhadap aspek pengurusan dan kawal selia liga bola sepak profesional di Malaysia.

Berdasarkan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), pihak kerajaan termasuk Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan ataupun terlibat dalam sebarang aspek pengurusan FAM dan MFL termasuk berkaitan isu tunggakan gaji pemain bola sepak tempatan yang berada di kelab-kelab.

Walaupun kita tidak campur tangan secara langsung, kita sentiasa bekerjasama dengan pihak FAM dan MFL untuk memantau isu-isu pembayaran gaji tertunggak yang tidak sepatutnya berlaku ketika liga bola sepak negara sudah pun mencapai tahap profesional. Dalam menangani hal ini pihak MFL telah pun mengambil pelbagai langkah tegas termasuk mengenakan pemetongan mata kepada pasukan yang terlibat, menggantung lesen pasukan untuk bertanding dalam musim berikutnya dan melaksanakan pembatalan lesen dengan laporan terhadap FAM dan FIFA.

Jadi di samping itu, semua pemain bola sepak profesional dalam negara kita digalakkan juga untuk mendaftar sebagai ahli kepada Persatuan Pemain-pemain Profesional Malaysia (PFAM) yang berkeupayaan untuk membantu pemain dengan menawarkan kepakaran undang-undang untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kelab yang gagal membayar gaji. Terima, kasih Datuk Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri ya. Bagaimanakah KBS dapat memainkan peranan bersama untuk memastikan kelab-kelab bola sepak profesional mampu berdikari dalam aspek pemerolehan sumber pendapatan dan tidak hanya mengharapkan ihsan kerajaan negeri untuk membantu menyelesaikan sebarang krisis kewangan? Adakah KBS menjalin usaha sama dengan Persatuan Pemain-pemain Bola Sepak Profesional (PFAM) sebagai pendekatan untuk mendalami masalah-masalah kebajikan yang membelenggu kehidupan pemain bola sepak profesional? Sekian, terima kasih.

Tuan Adam Adli Abd Halim: Terima kasih. Datuk Yang di-Pertua, bagi saya isu ini adalah bagaimana kita menarik nilai ekonomi ke dalam liga bola sepak tempatan kita. Sekarang kita berhadapan dengan situasi di mana kelab-kelab bola sepak di dalam negara kita sudah pun beralih ke arah kelab bola sepak profesional berbanding sebelum ini pada zaman yang mungkin beberapa tahun kebelakangan ini lebih bersifat semi-profesional dan sebelum itu, amat.

Kita masih ada lagi liga amatir yang mana mendapat bantuan dan sokongan daripada pihak pemilik masing-masing yang saling berkaitan dengan sama ada badan persendirian ataupun badan berkaitan dengan kerajaan.

Namun untuk kelab-kelab profesional sekarang, kebanyakannya walaupun dimiliki oleh persatuan yang berkaitan dengan negeri, namun ia diuruskan secara persendirian kecuali beberapa buah kelab yang masih lagi menerima geran daripada kerajaan negeri masing-masing.

Kita masih belum mencapai tahap seperti yang kita inginkan. Walau bagaimana sekalipun kita boleh lihat peningkatan dari sudut gaji dan sebagainya melambangkan bahawa ada masa depan yang lebih baik. Kita banyak kerjasama dengan FAM, kita selalu adakan pertemuan dengan pihak-pihak *stakeholders* kita, pemegang-pemegang taruh untuk sentiasa *update*. Kita cuba bantu terutama dari sudut memastikan ada penganjuran di peringkat akar umbi yang mana di bawah kita punya portfolio pembangunan di peringkat akar umbi itu kita beri perhatian supaya kita boleh lebarkan *talent pool* dan rancakkan arena bola sepak tersebut.

Dalam masa yang sama, kita terus perhatikan perkara-perkara yang seperti disebut tadi contohnya kebajikan pemain menerusi Persatuan PFAM tadi. Cuma untuk campur tangan berlebihan maksudnya kita tak boleh dan kita menggalakkan pihak-pihak korporat di luar sana untuk terus menerus menjadi penaja kepada kelab-kelab bola sepak yang ada supaya kita boleh pastikan isu-isu yang ditanggung sekarang boleh diselesaikan.

Ia menuntut banyak perkara sebenarnya termasuk peningkatan kualiti permainan yang ditampilkan dan juga fasiliti-fasiliti yang digunakan boleh menarik lebih ramai penonton dan juga peminat untuk hadir bersama.

■1120

Sebab itu, kita ada sedikit sebanyak, walaupun kita tak boleh bantu secara *direct* atau secara langsung seperti contohnya menarik pelabur ataupun menarik mana-mana pihak korporat untuk menaja. Kita cuba bantu. Contohnya, baru-baru ini kita tawarkan penggantian rumput, penaiktarafan pada fasiliti-fasiliti yang digunakan oleh kelab-kelab di seluruh negara yang mewakili negeri masing-masing. Jadi, itu antara perkara yang kita cuba lakukan di peringkat Kementerian Belia dan Sukan iaitu di bawah bidang kuasa kita, fasiliti dan juga pembangunan akar umbi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Datuk Yang di-Pertua, soalan saya nombor 10.

10. Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta Menteri Luar Negeri menyatakan, bagaimana pihak kementerian melihat peranan Konsulat Malaysia dalam menyediakan bantuan serta perlindungan kepada warganegara Malaysia di luar negara, terutamanya dalam situasi darurat atau konflik yang melibatkan rakyat Malaysia dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperjuangkan hak dan kepentingan warga Malaysia yang berada di luar negara.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Mohamad bin Alamin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi dan salam Malaysia Madani.

Datuk Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah atas pertanyaan yang dikemukakan. Datuk Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri melalui perwakilan diplomatik Malaysia di luar negara sentiasa bersedia menghulurkan bantuan konsuler kepada warganegara Malaysia yang memerlukan tanpa mengira waktu dan keadaan.

Ini termasuklah warganegara Malaysia yang menetap, melancong atau melakukan apa jua urusan di luar negara. Pertama sekali, Kementerian Luar Negeri sentiasa memantau situasi keselamatan dan perkembangan politik di luar negara melalui Perwakilan Diplomatik Malaysia di luar negara.

Dengan adanya pemantauan tersebut, kementerian akan dapat memberikan nasihat yang sewajarnya kepada warganegara Malaysia terutamanya mereka yang berhasrat untuk melakukan perjalanan ke kawasan konflik supaya mereka boleh menimbang semula perancangan mereka, sama ada untuk meneruskan atau menundakan perjalanan. Nasihat ini diberikan dalam pelbagai bentuk termasuklah *travel advisory* atau siaran akhbar yang dikeluarkan oleh kementerian dari semasa ke semasa.

Nasihat ini penting bagi mengelakkan warganegara Malaysia terkandas atau terperangkap dalam situasi yang tidak diingini. Datuk Yang di-Pertua, sekiranya terdapat warganegara Malaysia yang terkandas dalam situasi darurat atau konflik, Kementerian Luar Negeri atau perwakilan diplomatik Malaysia di luar negara akan mengaktifkan pelan evakuasi dengan kerjasama agensi-agensi di Malaysia serta di negara tuan rumah bagi membantu warganegara Malaysia yang terlibat ke suatu kawasan yang selamat dan seterusnya dibawa pulang ke Malaysia. Proses ini memerlukan kerjasama erat antara perwakilan diplomatik Malaysia di luar negara dan pihak berkuasa tempatan bagi menentukan jenis bantuan dan evakuasi yang sesuai bergantung pada jenis krisis dan situasi semasa.

Dalam kesempatan ini saya ingin menekankan kepentingan para pengembara untuk mendaftarkan diri dengan perwakilan diplomatik Malaysia di luar negara, agar komunikasi semasa krisis dapat dilaksanakan dengan lancar dan segera. Datuk Yang di-Pertua, selaras dengan era globalisasi, semakin ramai warganegara Malaysia dijangka akan melakukan perjalanan ke luar negara bagi pelbagai tujuan termasuk melancong mahupun berniaga.

Saya sedar betapa besarnya tanggungjawab kementerian ini dalam memastikan hak dan kebajikan warganegara Malaysia sentiasa terjaga. Kementerian ini melalui perwakilan diplomatik Malaysia sentiasa komited dalam mempertimbangkan bantuan konsuler kepada warganegara Malaysia bagi menjamin hak dan kepentingan warganegara di luar negara. Terima kasih.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Saya rasa konsulat boleh juga menjadi penghubung antara negara yang mereka berkhidmat dengan Malaysia dan juga menjadi rujukan dalam hal-hal perdagangan dan juga pelancongan. Jadi persoalannya, bagaimana pihak kementerian menyediakan, membekalkan informasi-informasi? Sebab baru-baru ini melalui pengalaman rakan-rakan ke Indonesia, konsulat kita tanya macam-macam soalan dan seolah-olah mereka tidak begitu tahu tentang- contohnya seperti di manakah hospital-hospital yang biasa yang mempunyai kepakaran tertentu.

Jadi, mungkin mereka tahu satu dua buah hospital. Jadi, kalau mereka mempunyai *information* yang luas tentang apakah pakej-pakej pelancongan di negeri-negeri tertentu ataupun hospital mana mempunyai kepakaran-kepakaran tertentu. Jadi, saya rasa kita mempunyai banyak faedah daripada wakil kita sebagai konsulat di tempat-tempat tertentu. Terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dalam konteks persoalan yang dikemukakan itu, sebenarnya di peringkat Kementerian Luar Negeri kita sentiasa bekerja rapat dengan agensi-agensi yang terlibat. Contohnya, di Jakarta umpamanya. Kita ada beberapa buah agensi yang duduk serta di pejabat kedutaan kita. Agensi MATRADE ada di sana, juga MOTAC, perwakilan mereka juga berada di Jakarta.

Jadi, dalam konteks itu kita sentiasa berinteraksi dengan mereka. Berkomunikasi untuk berbincang dengan mereka tentang bagaimana untuk membantu rakyat kita yang berada di Jakarta untuk berniaga umpamanya, untuk mencari peluang-peluang yang baharu umpamanya, untuk menceburkan diri dalam bidang pelancongan, umpamanya.

Jadi, semua agensi akan memainkan peranan yang rapat dengan pihak KLN di peringkat kedutaan kita. Kita ini cara bagaimana kita untuk memberi khidmat yang terbaik kepada warganegara kita yang berada di luar negara. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Singkat ya.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Singkat, pendek. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Sebelum ini saya rasa pernah cadangkan kepada pegawai Wisma Putra perlu dilantik terus oleh kementerian dan bukannya melalui SPA daripada kumpulan PTD. Ia sebagai langkah pengkhususan dan *majoring the diplomacy knowledge*. Mohon pandangan Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Singkatkan jawapan.

Datuk Mohamad bin Alamin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Cadangan itu memang cadangan yang baik tetapi sebenarnya bidang kuasa itu berada di wilayah kementerian yang lain. Macam MATRADE umpamanya, MOTAC umpamanya. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Senator, kita sentiasa berinteraksi mendapatkan sebanyak mungkin maklumat daripada agensi tersebut. Mungkin kita boleh memberi nasihat, pandangan kepada mana-mana warganegara kita ketika mana mereka berada di luar negeri, *insya-Allah*. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta izin untuk menyoal dengan kedudukan sambil duduk kerana kesihatan saya tidak mengizinkan saya berdiri. Soalan saya nombor 11.

11. Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta Menteri Komunikasi menyatakan, apakah strategi kementerian dalam usaha menjaga kepentingan dan kebebasan media di Malaysia merangkumi media cetak, media elektronik dan media sosial.

Timbalan Menteri Komunikasi [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Datuk Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mendukung prinsip kebebasan media serta menjamin hak kebebasan bersuara rakyat menurut Fasal 1(a) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Hak kebebasan yang dimiliki ini harus dilaksanakan secara bertanggungjawab serta beretika dan tidak melanggar mana-mana peruntukan perundangan yang sedia ada. Kementerian Komunikasi sentiasa melaksanakan inisiatif penambahbaikan dari semasa ke semasa, terutamanya memberikan perhatian khusus dalam menjaga kepentingan dan kebebasan media di Malaysia.

Antaranya cadangan penubuhan Majlis Media Malaysia (MMM) yang dijangka dibentangkan di Parlimen dalam Mesyuarat Kedua kelak pada masa yang akan datang. MMM merupakan sebuah badan *self-regulatory*, dengan izin, yang berfungsi sebagai sebuah organisasi bagi memastikan industri media yang bebas dan bertanggungjawab. MMM juga meliputi seluruh media di negara ini iaitu media cetak, media elektronik dan media sosial.

Ia bertujuan untuk menjaga kepentingan akhbar dan media, sekali gus menjaga kepentingan negara, memastikan kebebasan dan media dipertahankan, liputan yang objektif serta tidak berat sebelah, menjaga saluran media dengan orang ramai, sentiasa terbuka menerima aduan orang ramai berhubung tindakan media, memantau dari semasa ke semasa undang-undang dan akta berkaitan dengan media dan menjadi badan rujukan berhubung perkara berkaitan akhbar, media dan kewartawanan.

Kementerian Komunikasi melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) telah membangunkan Kod Etika Wartawan Malaysia yang menjadi garis panduan oleh agensi media, sekali gus mengangkat martabat media sebagai sumber berita dan maklumat yang diyakini oleh rakyat di mana wartawan harus telus, adil dan berintegriti dalam menyampaikan informasi. Kod etika ini turut digunakan sebagai sumber rujukan bagi pengurusan Kad Perakuan Media (KPM) JAPEN.

Dalam menjaga kepentingan dan kebebasan media di Malaysia, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) menerusi ketiga-tiga platform penyiarannya iaitu televisyen, radio dan media digital mengamalkan konsep liputan berimbang dan bertanggungjawab tanpa mengambil kira fahaman politik dan subjek liputan serta mengutamakan faedahnya kepada rakyat dan negara selagi mana tidak melibatkan provokasi kepada mana-mana pihak.

Ia sesuai dengan amalan yang digariskan oleh Kod Etika Penyiaran yang menjadi rujukan RTM sejak 2003, semakan 2023 yang menggariskan keutamaan nilai berita serta memuatkan pandangan pro dan kontra semua pihak. Ia juga seiring dengan maklumat memberi kebebasan untuk penyiar berkarya dan berkeaktiviti, tetapi pada masa yang sama memenuhi tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Soalan tambahan. Apakah kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang berkaitan supaya kebebasan bersuara ini seiring dengan perubahan dinamik teknologi dan digital serta tidak melangkaui perkara sensitif terutamanya isu 3R dan berita palsu yang boleh mencemari sensitiviti kaum dan agama di negara ini?

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Kementerian Komunikasi, kami sedang mengkaji *Communications and Multimedia Act* (CMA) ataupun Akta Komunikasi dan Multimedia dan pindaan kepada CMA ataupun Akta 588 ini dijangka akan dibentangkan ke Parlimen pada sidang yang akan datang ini juga.

Selain daripada itu, Kementerian Komunikasi, Kementerian Digital bersama dengan BHEUU di bawah Jabatan Perdana Menteri sedang meneliti dan juga mengkaji keperluan untuk wujud satu akta baharu iaitu *Digital Safety Act* ataupun Akta Keselamatan Digital. Kalau ikut jadual, memang kita harap bahawa kalau sempat kami juga berhasrat untuklah membentangkan RUU baharu ini di Parlimen pada sidang yang akan datang ini. Kami harap bahawa dengan pindaan kepada CMA ataupun Akta 588 dan juga dengan akta baharu, kami bolehlah menjaga kebebasan bersuara, tetapi pada masa yang sama melindungi rakyat jelata daripada berita palsu, penipuan dan juga isu-isu 3R, provokasi yang melibatkan unsur-unsur 3R ini. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. YB Senator Dato' Abdul Halim bin Suleiman.

Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Soalan tambahan. Soalan tambahan Datuk Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian: Bagaimanakah pencapaian liputan telekomunikasi 5G di Sabah setakat ini khususnya di kawasan luar bandar kerana terdapat banyak aduan mengenai liputan dan akses sering kali terganggu di kawasan yang dikatakan disebabkan penaiktarafan perkhidmatan telekomunikasi 5G? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Ahli Yang Berhormat, terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Pertama, untuk liputan 5G di seluruh Malaysia telah mencecah 80 peratus. Tetapi saya di sini hendak mohon maaf kerana saya tak ada liputan khususnya untuk Sabah. Jadi, saya akan dapatkan angka tersebut untuk Yang Berhormat Senator.

Sekiranya Yang Berhormat Senator menerima apa-apa aduan tentang perkhidmatan liputan internet ataupun liputan 5G ataupun 4G, saya mengalu-alukan Yang Berhormat Senator untuk buat aduan dengan SKMM ataupun MCMC sama ada melalui portal laman web kita aduanskmm@mcmc.gov.my ataupunlah hubungi kami. Kami akan turun padang untuklah membantu untuk menjaga kawasan Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Halim bin Suleiman.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 12.

12. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta Menteri Kewangan menyatakan, penjelasan terhadap Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) mengkategorikan data secara umum dan tidak menggambarkan situasi sebenar pasaran hartanah sesebuah negeri sehingga boleh cetus kebimbangan para pelabur.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) berperanan mengumpul, menganalisis dan menyebarkan data pasaran harta tanah kepada pemain industri harta tanah. Data yang diterbitkan oleh NAPIC meliputi keadaan pasaran, stok dan status harta tanah mengikut subsektor kediaman, perdagangan, kedai atau pejabat binaan khas, kompleks perniagaan *service apartment*, dengan izin, industri, tanah pertanian dan tanah pembangunan yang diperolehi daripada pelbagai agensi kerajaan dan penggiat industri harta tanah antaranya pemaju dan pengurus bangunan.

Melalui data yang dikumpul ini, NAPIC telah menyemak silang- *cross check*, dengan izin, dengan data di dalam *One-Stop-Centre (OSC 3.0 Plus)* dan *Housing Integrated Management System (HIMS)* dengan izin, di bawah KPKT. Selain itu NAPIC juga melaksanakan lawatan tapak bagi memastikan data yang diterima dan dikumpulkan itu tepat. Data yang telah disahkan tersebut dikeluarkan sebagai penerbitan berkala sama ada secara sukuan atau tahunan.

Melalui penerbitan tersebut, NAPIC seterusnya membantu pelbagai agensi termasuk kerajaan negeri melalui pembentangan dan jawatankuasa yang dilantik di peringkat negeri bagi memberikan khidmat nasihat berkaitan pasaran harta tanah. Kesemua data yang dikumpulkan oleh NAPIC ini menggambarkan situasi sebenar pasaran harta tanah negara mengikut sukuan dan NAPIC telah mengambil inisiatif mengeluarkan beberapa penerbitan berkala berkaitan harta tanah yang disebar luas secara percuma menerusi portal *napic2.jpph* yang dibuat secara sukuan dan tahunan.

Sehingga kini, portal baharu NAPIC yang dilancarkan pada Mei 2023 telah merekodkan lebih daripada 440,000 *viewers*. Selaras dengan inisiatif pendigitalan sektor awam, NAPIC juga memaparkan data sebenar harta tanah yang dikumpulkan secara interaktif melalui visualisasi data dan juga format *excel* bagi memudahkan orang awam dan penggiat industri untuk menganalisis data mengikut keperluan masing-masing iaitu data transaksi harta tanah, data status harta tanah, data stok harta tanah, data indeks harga dan sewa, data transaksi terbuka.

Bagi perspektif pelabur atau bakal pembeli dan penjual harta tanah, data yang dikongsi oleh NAPIC ini boleh dijadikan sebagai panduan dalam membuat keputusan untuk pelaburan atau mengetahui harga pasaran dan harta tanah di Malaysia. NAPIC akan terus kekal komited dalam menyebarkan data yang menggambarkan situasi sebenar pasaran harta tanah bagi membantu kerajaan, sama ada di peringkat Persekutuan atau peringkat negeri dan pemain industri membuat polisi dan keputusan yang tepat berkaitan harta tanah. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Soalan tambahan. Pada 10 Januari 2024, NAPIC ada mengeluarkan satu *statement* yang menyatakan bahawa lebih kurang 20 bilion- nilai rumah yang belum terjual di seluruh negara, termasuk di Johor yang tertinggi. Jadi melihat kepada itu, CBRE dan WTW sebuah persatuan, menyatakan bahawa data itu adalah tidak tepat dan terlalu *general*.

Soalan saya, data dari Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) mengkategorikan perkembangan pemilikan perumahan negara secara umum tanpa mengambil kira peratusan perbandingan tawaran dan belian mengikut tahunan, faktor lokasi dan populasi. Bila *statement* ini keluar, keyakinan pelabur untuk melabur di suatu negeri itu akan terhakis menyebabkan tidak ada pelaburan seterusnya.

Jadi, apakah kerajaan akan menambah baik cara NAPIC mengikut mengkategorikan data agar lebih spesifik dan menyeluruh supaya keyakinan pelabur itu akan ada dalam negara ini? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya memang faham tentang keadaan di Johor. NAPIC mempunyai pangkalan data permintaan dan penawaran yang komprehensif merangkumi subsektor harta tanah kediaman, perdagangan, industri pertanian dan tanah pembangunan seperti yang saya telah sebutkan.

■1140

Data permintaan harta tanah direkodkan secara terperinci mengikut negeri, daerah, mukim, skim perumahan sehinggalah ke nombor lot serta harga pindah milik setiap hartanah. Bagi data penawaran pula, NAPIC merekodkan setiap peringkat pembangunan harta tanah daripada peringkat kelulusan pelan pembangunan sehinggalah ke prestasi penjualan.

Kesemua data ini dipaparkan secara spesifik di portal NAPIC mengikut negeri, daerah, mukim, jenis harta dan lingkungan harga. Antara isu utama yang sering dibangkitkan adalah berkaitan pelaporan unit siap dibina tidak terjual atau *overhang* yang tinggi di setengah-setengah negeri antaranya adalah Johor. Prestasi yang lebih baik direkodkan pada akhir suku ke-empat tahun 2023 di mana kediaman *overhang* memperlihatkan momentum yang memberangsangkan dengan bilangan terus berkurang berbanding tahun 2022.

Saya melihat dengan pengukuhan sasaran GDP empat hingga lima peratus serta inisiatif kerajaan negeri seperti *Specific Economic Zone* dijangka dapat mengurangkan lagi jumlah *overhanging*. NAPIC komited bagi menambah baik pelaporan dalam mengkategorikan *overhang* mengikut tempoh masa selepas pelancaran bagi menunjukkan kebanyakan *overhang* adalah bagi projek-projek lama di kawasan tertentu sahaja.

Dalam usaha menambah baik perkhidmatan, NAPIC juga sedang membangunkan *big data analytics* bagi menggabungkan beberapa data daripada pelbagai agensi ke arah menghasilkan satu analisa pasaran harta tanah yang lebih komprehensif dan interaktif. NAPIC berharap dengan menyediakan maklumat permintaan dan penawaran harta tanah, pemain dalam industri harta tanah boleh membuat keputusan yang lebih tepat dan sempurna, sekali gus memastikan harta tanah tidak terjual terus berkurangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah;

“Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti yang dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas.” **[19 Mac 2024]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 25 orang Ahli yang hendak berbahas. Maka saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan bagi perbahasan hari ini iaitu 20 minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

11.43 pg.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani.

Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ketujuh Belas, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar semasa Baginda membuka Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas pada 26 Februari tahun ini.

Pertamanya, saya merafak sembah dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar atas pelantikan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong dan juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah. Dirgahayu Tuanku.

Pada masa yang sama, saya ingin merafak sembah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ampuan Pahang, Tuanku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil 'Alallah Sultan Iskandar Al-Haj yang telah menaungi negara dan rakyat jelata selama lima tahun yang lalu dengan penuh bijaksana. Terima kasih Tuanku. Jasa Tuanku berdua tetap dikenang.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal yang telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Sebagai anak Sarawak daripada kaum Dayak, saya bangga dengan pelantikan Yang Berhormat dan akan memberi kerjasama yang sewajarnya kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku Agong telah menitahkan beberapa perkara yang merangkumi kestabilan politik, pembinaan negara, kesejahteraan rakyat dan tanggungjawab bersuara di arena antarabangsa untuk mendukung keamanan dan menentang keganasan. Pertamanya, saya menyentuh tentang sektor pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda Tuanku menyeru supaya semua pihak memanfaatkan Tahun Melawat Malaysia 2026. Dalam keadaan di mana negara mengalami kekangan kewangan akibat daripada defisit belanjawan yang kumulatif sejak 1998 dan menanggung beban hutang sehingga RM1.5 trilion, pelancongan berpotensi menjadi sumber pendapatan yang tinggi, menjana kesan limpahan dan menyumbang dengan signifikan kepada KDNK.

Pada tahun 2019, Malaysia merekodkan kedatangan 26.1 juta orang pelancong asing dan pendapatan daripada pelancong asing adalah RM86.14 bilion. Manakala sejumlah 239 juta orang pelancong domestik mencatatkan pendapatan sebanyak RM103.2 bilion. Pada tahun tersebut, sektor pelancongan telah menyumbang sebanyak 15.9 peratus kepada KDNK dan 23.6 peratus daripada pekerja bekerja dalam sektor tersebut. Ini bersamaan dengan kira-kira 3.68 juta orang yang bekerja di sektor pelancongan.

Jika dikira, pendapatan nilai ditambah kasar industri pelancongan, ini yang dikatakan kesan limpahan bagi tahun tersebut adalah RM240 bilion, kecuali pada tahun 2020 dan 2021 yang menyaksikan penurunan prestasi bagi sektor ini pembukaan semula sempadan negara kepada pelancong antarabangsa pada tahun 2022 telah mencatatkan kedatangan 10 juta orang pelancong asing dan menjana RM33.4 bilion pendapatan.

Pelancong domestik pula direkodkan sebanyak 171.6 juta dan menjana pendapatan sebanyak RM59.2 bilion menjadikan pendapatan dari kedua-dua komponen sebanyak RM92.6 bilion. Pendapatan nilai ditambah kasar industri pelancongan pada tahun tersebut adalah sebanyak RM251.5 bilion dan menyumbang kira-kira 14 peratus kepada KDNK negara. Seramai 3.6 juta orang iaitu bersamaan dengan 23.4 peratus daripada penyertaan pekerja pada tahun 2022 bekerja dalam sektor pelancongan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Terkini, statistik yang lengkap bagi tahun lepas belum diperoleh lagi melainkan Jabatan Imigresen melaporkan, jabatan tersebut mencatatkan 26 juta orang pelancong. MOTAC dalam unjuran terkini bagi tahun 2026 menyasarkan dapat menarik 35.6 juta orang pelancong dengan pendapatan kira-kira RM147.1 bilion, saya percaya unjuran pendapatan belum diterjemahkan kepada pendapatan nilai ditambah kasar industri pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan sektor pelancongan adalah sektor yang strategik bagi negara. Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab menarik pelancong asing bukan semata-mata terletak di bahu MOTAC atau kerajaan. Kerajaan bertanggungjawab untuk membina infrastruktur, mengadakan promosi, mengolah dasar yang dapat mengembangkannya industri dan umumnya memfasilitasi sektor pelancongan.

Penggiat industri khususnya yang terdiri daripada pengusaha tempat tarikan pelancong, pembekal-pembekal penginapan, pengangkutan, syarikat-syarikat pelancongan, syarikat-syarikat penerbangan, pengusaha-pengusaha makanan dan minuman dan pihak berkuasa tempatan turut memikul tanggungjawab untuk memajukan industri ini. Penggiat-penggiat industri inilah yang memberi perkhidmatan secara langsung kepada pelancong.

Matlamat utama kerajaan dan penggiat industri adalah untuk memberi pengalaman yang manis kepada pelancong. Pelancong bakal menjadi duta pelancongan kita kerana mereka lazimnya mengongsi pengalaman percutian di media sosial yang boleh menarik minat pelancong-pelancong lain untuk memilih Malaysia sebagai destinasi percutian.

Sesungguhnya banyak hasil kajian yang menyatakan bahawa sembilan dari 10 orang pelancong membaca *online review*, dengan izin, sebelum memutuskan destinasi percutian mereka.

Selain daripada itu, seseorang pelancong yang menikmati pengalaman yang manis di Malaysia berpotensi besar akan datang kembali.

Oleh yang demikian, bagi penjawat-penjawat awam yang menjaga pintu masuk negara sebagai barisan pertama yang dijumpai oleh para pelancong, saya mencadangkan MOTAC dengan kerjasama kementerian-kementerian yang berkaitan menganjurkan khusus tentang perkhidmatan pelanggan bagi jentera barisan hadapan ini supaya dapat memberi perkhidmatan yang cekap dan mesra.

Begitu juga KLIA baharu-baharu ini, kita tahu apa kedudukan KLIA daripada tinjauan antarabangsa. Kalau kita sendiri melihat, masuk KLIA kita melihat keadaan yang agak bertabur di sekitar kaunter *check in* lebih-lebih lagi bila banyak warganegara asing yang membawa troli berderet-deret berbaris di depan pos pemeriksaan keselamatan.

Kekurangan tempat duduk dan tempat yang selesa untuk menunggu pelepasan penerbangan memberi satu pengalaman yang tidak baik kepada pengembara. Pada masa yang sama, saya mengharap pembinaan *aerotrain* yang baharu tidak mengalami kelewatan supaya perkhidmatan *aerotrain* dapat bermula semula menjelang suku ke-dua tahun depan.

Seperti disasarkan oleh Malaysia Air Port Holdings Berhad, saya melihat amnya keadaan tandas di KLIA dan KLIA2 adalah bersih tetapi MAHB perlu melihat keadaan tandas di lapangan terbang yang lain termasuk di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selama seminggu mulai 25 Februari hingga 2 Mac tahun ini Sarawak terputus ketersambungan udara kerana semua penerbangan yang dikendalikan oleh *Malaysia Airlines*, *AirAsia*, *Malindo* ke Kuala Lumpur dari bandar-bandar utama Sarawak tiada tempat duduk yang tersedia.

Trafik pada tempoh tersebut memang tinggi kerana musim cuti sekolah dan Tahun Baru Cina. Namun, adalah tidak mungkin bagi pengurusan syarikat-syarikat penerbangan berkaitan tidak membuat unjuran penumpang bagi tempoh puncak itu dan membuat penerbangan tambahan demi memenuhi permintaan.

Kegagalan syarikat-syarikat penerbangan untuk memenuhi permintaan bagi penerbangan ke Kuala Lumpur adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab kerana pengangkutan udara adalah satu-satunya mod pengangkutan antara Sarawak dan Semenanjung. Pengembara yang berada di Semenanjung ada tiga pilihan. Sama ada memandu sendiri, menaiki kereta api atau bas tetapi bagi kami di Sarawak kami tiada pilihan melainkan pengangkutan udara.

Saya mohon Kementerian Pengangkutan memberi pencerahan tentang perkara ini dan bersama-sama MAVCOM tidak akan membenarkan peristiwa begini berulang lagi. Jika perkhidmatan udara kita tidak dapat menampung permintaan pengguna domestik, bagaimanakah kita dapat menampung permintaan daripada pelancong asing?

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mengembangkan industri pelancongan di Malaysia tidak perlulah kita berlumba-lumba dengan misalnya negara Thai. daripada segi kedatangan pelancong. Apa yang mustahak, industri pelancongan berkembang dari tahun ke tahun dan sumbangan industri kepada ekonomi semakin bertambah.

Negara Thai. mempunyai kelebihan yang tersendiri dan Malaysia mempunyai kekuatan kita sendiri. Kita terkenal dengan ekopelancongan, kemudahan prasarana yang lebih maju seperti sistem lebuhraya yang moden dan *extensive*, budaya dan makanan yang pelbagai. Kekayaan sejarah masyarakat, penggunaan bahasa Inggeris yang meluas dan nilai mata wang yang pada masa ini berpatutan.

Semua kelebihan ini Tuan Yang di-Pertua adalah maklum balas daripada pelancong-pelancong asing, hasil daripada kajian-kajian yang telah dirujuk. Walau bagaimanapun, faktor utama yang diambil kira oleh pelancong adalah kos dan nilai perkhidmatan. Oleh yang demikian, penggiat industri hendaklah peka kepada perkara ini dan janganlah mengaut keuntungan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat ada satu lagi produk kita yang kurang dipasarkan di tempat laluan pelancong. Salah satu kegiatan pelancong adalah membeli belah. Menurut Laporan Statistik Pelancongan bagi tahun 2022, komponen membeli belah adalah sebanyak 42.1 peratus berbanding 16.4 peratus bagi F&B, tetapi di Malaysia, pasar raya terkemuka banyak menawarkan jenama-jenama internasional seperti *H&M*, *Uniqlo*, *Zara*, *Mango* yang terdapat di negara pelancong sendiri.

Satu kelebihan Thailand adalah mereka banyak kedai yang menjual pakaian buatan tempatan. Pelancong suka membawa pulang barangan buatan negara tuan rumah sebagai buah tangan. Di Malaysia, kita menghasilkan kain batik yang menarik, mempunyai *design* yang moden termasuk batik sutera yang dilukis. Malangnya produk sedemikian tidak diniagakan di ruang pasar raya terkemuka seperti di *Bukit Bintang*, *Mid Valley*, *Sunway Pyramid*.

Sebaliknya kebanyakan batik ela ya dijual secara *online* daripada pengeluar Kelantan dan Terengganu. Jadi, saya cadangkan supaya MOTAC ya memfasilitasikan supaya pengusaha-pengusaha batik dapat memasarkan produk mereka di pusat-pusat membeli-belah yang terkemuka dan di laluan-laluan pelancong.

Sebagai penutup kepada isu pelancongan, soalan saya kepada MOTAC, apakah persiapan yang telah dan akan diambil untuk meningkatkan kapasiti negara untuk menerima kedatangan pelancong asing pada tahun 2026?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, modal sosial dan ekonomi yang berkualiti amat diperlukan untuk membangunkan negara dan meningkatkan daya saing negara di persada dunia. Modal sosial dan ekonomi yang berkualiti adalah hasil dari pendidikan yang berkualiti. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Tahun 2013-2025 berhasrat untuk mencapai lima keberhasilan iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.

Sistem pendidikan yang berkualiti di bawah pelan tersebut adalah setanding dengan sistem pendidikan antarabangsa. Pelan tersebut menyasarkan kedudukan sepertiga teratas bagi Malaysia dalam pentafsiran antarabangsa mengikut antara lain *Programme for International Student Assessment (PISA)*. Namun, keputusan penilaian PISA bagi tahun 2022 menyaksikan prestasi Malaysia telah merosot.

Dalam purata pencapaian ketiga-tiga domain literasi berbanding tahun 2018 dan purata pencapaian OECD, Malaysia berada pada tangga ke-47 daripada kalangan 81 buah negara yang turut mengambil bahagian di dalam *assessment* tersebut ya. Jadi purata pencapaian Malaysia dalam literasi matematik, literasi saintifik dan literasi bacaan telah menurun berbanding dengan OECD dan berbanding dengan tahun 2018.

Bagi Malaysia, seramai 7,069 orang murid berumur 15 tahun dipilih secara rawak dari 199 buah sekolah di luar bandar dan bandar telah mengambil bahagian ya. Tuan Yang di-Pertua, jika sistem pendidikan kita bertaraf dunia, mengapakah kita tidak berjaya melahirkan murid yang bertaraf dunia? Jadi, saya memohon supaya kementerian membuat analisis dengan sikap terbuka. Carilah punca kelemahan dan baiki kelemahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, masa zaman kita bersekolah dahulu di sekitar tahun awal 70-an tidak ada orang yang tamat darjah enam yang tidak pandai membaca, menulis dan mengira. *Speaking* lagi itu, dengan izin ya. Mengapakah sekolah dapat menghasilkan murid-murid yang boleh menguasai 3M ya? Jawapannya adalah guru-guru yang mengajar adalah dedikasi, rajin dan betul-betul suka mengajar ya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua petikan ini adalah amat penting ya untuk menghuraikan kualiti guru yang harus kita lahirkan di negara ini. *Teacher* dengan izin, "*Teacher have three love. Love of learning, love of learners and the love of bringing the first two love together.*" Soalan saya kepada Kementerian Pendidikan, bagaimanakah kementerian menerima permohonan untuk latihan perguruan?

Di Singapura, yang mencatat tempat pertama di kalangan OECD bagi PISA tahun 2022, pemohon yang dipilih sebagai guru pelatih terdiri daripada 30 peratus teratas *cohort* mereka dan mesti menunjukkan minat ke atas kanak-kanak dan pendidikan.

Pemohon menjalani ujian kemahiran dan perlu menjalani pra latihan sebagai guru kontrak selama empat bulan untuk menilai kesesuaian mereka memasuki Program Latihan Perguruan ataupun *Postgraduate Diploma in Education*. Saya gesa kementerian menyemak semula kriteria pengambilan guru pelatih dan hanya mengambil mereka yang menunjukkan minat ke atas kanak-kanak dan pendidikan.

■1200

Program pra latihan amat penting untuk menilai kesesuaian seorang guru pelatih. Kita hendak akan guru bertaraf dunia untuk melahirkan murid bertaraf dunia, jadi ikut cara negara yang bertaraf dunia dalam perkara ini. Soalan saya seterusnya, apakah KPI seseorang guru didasarkan kepada kejayaan muridnya menguasai 3M?

Datuk Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang amat penting dasar bekalan ubat di hospital dan klinik kerajaan. Saya telah dimaklumkan bahawa fasiliti-fasiliti Kementerian Kesihatan berhadapan dengan krisis gangguan bekalan ubat. Lebih daripada 100 jenis ubat untuk kebanyakan penyakit kronik seperti *hypertension* dan diabetes dan juga paling merisaukan ubat menyelamatkan nyawa iaitu yang digunakan oleh pesakit intubasi yang terkesan dengan status bekalan yang tidak menentu.

Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd. anak syarikat milik penuh Phamaniaga merupakan pembekal yang dilantik oleh kerajaan untuk membekal kira-kira 30 peratus daripada ubat-ubatan ke hospital dan klinik kerajaan. Kini terdapat 100 lebih ubat-ubatan yang telah dinyah aktifkan daripada senarai *Approved Products Purchase List*.

Ini menyebabkan hospital dan klinik tidak dapat membuat pesanan kepada Pharmaniaga bagi ubatan tersebut. Hospital KKM terpaksa membeli secara terus daripada pembekal yang lain, tetapi nilai kuantiti yang dibeli adalah terhad kepada RM50,000 setahun. Jadi, untuk pembelian yang lebih dari itu, memerlukan kelulusan Kementerian Kewangan dan ini memakan masa yang agak lama.

Saya juga dimaklumkan bekalan ubat selebihnya iaitu 70 peratus adalah di bawah kontrak pusat. Namun, pada masa kini sekatan ke atas pembaharuan kontrak yang dikenakan oleh Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) telah menjejaskan bekalan ubat. Jika kuantiti ubat yang dibeli melalui kontrak pusat telah habis, kementerian hanya boleh memperbaharui kontrak setelah tamat tempoh sembilan bulan. Ini berdasarkan syarat yang dikenakan CPTPP. Dalam keadaan ini hospital atau klinik kerajaan terpaksa membeli secara terus bagi amaun tidak melebihi RM50,000.

Masalah bekalan ini amat menjejaskan kualiti perkhidmatan perubatan. Saya mohon Kementerian Kesihatan memberi pencerahan tentang perkara ini. Apakah tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah ini?

Datuk Yang di-Pertua, satu perkara tentang industri sawit negara. Ia adalah cerah kerana Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu- masa depan yang cerah maksud saya. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengunjurkan penduduk dunia akan mencapai 10 bilion orang pada tahun 2050 dan kira-kira 240 juta tan metrik minyak makan diperlukan. Minyak sawit adalah minyak yang paling cekap dihasilkan. Hanya satu suku hektar tanah diperlukan untuk menghasilkan satu tan minyak sawit berbanding 2.6 hektar bagi satu tan minyak soya.

Oleh yang demikian, walau apa pun sekatan di pasaran yang dikaitkan dengan penebangan hutan, minyak sawit akan jadi penyumbang besar kepada permintaan minyak makan dunia. Ini kerana pengeluaran minyak bijian yang lain untuk menggantikan sawit akan mengakibatkan keberhasilan yang buruk daripada segi *land use*.

Justeru, saya memohon supaya Kementerian Perladangan dan Komoditi terus membantu pekebun-pekebun kecil untuk mengeluarkan buah sawit secara mampan supaya minyak sawit Malaysia diiktiraf dunia sebagai mampan selaras dengan piawaian MSPO. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian dan agensi di bawah kementerian kerana kejayaan mendapatkan negara-negara Jepun, China, India- boleh bagi sedikit masa? Terima kasih. Negara-negara Jepun, China, India dan *Turkiye* dan baru-baru ini UK untuk mengiktiraf MSPO.

Sungguhpun baru-baru ini WTO mendapati tindakan EU mendiskriminasikan minyak sawit, berita terbaru EU sedang menimbang untuk mengiktiraf MSPO. Antara diskriminasi dan realisme, realisme menang.

Kekangan bekalan minyak bunga matahari dari Rusia ke EU akibat peperangan Rusia dan Ukraine dan syarat penjualan gas dari Rusia ke EU menggunakan mata wang Ruble sebagai tindakan balas kepada sekatan ekonomi daripada EU kepada Rusia memberi tekanan kepada EU untuk mencari bahan alternatif, mahu tak mahu balik kepada minyak sawit.

Saya juga mengucapkan setinggi penghargaan kepada kementerian kerana melonggarkan syarat tentang surat hak milik tanah yang membolehkan pekebun-pekebun kecil di Sarawak yang mengusahakan tanah adat mereka, layak untuk memohon insentif tanaman semula.

Datuk Yang di-Pertua, berkaitan perpaduan antara kaum. Saya hanya ada sembilan patah perkataan mengenai isu ini. Buang syak prasangka yang buruk, belajar mencintai sesama manusia.

Datuk Yang di-Pertua, untuk mengakhiri perbahasan saya, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail untuk berbahas.

12.06 tgh.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...*
[Membaca selawat] [Membaca sepotong ayat Al-Quran]

Pertama-tamanya saya ucapkan terima kasih kepada Datuk Sri Yang di-Pertua yang memberi izin kepada saya untuk turut sama terlibat dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Izinkan saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyatakan dan menjunjung kasih merafak sembah setinggi-tingginya. Dirgahayu Tuanku atas pelantikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-17 dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah selaku Raja Permaisuri Agong serta ucapan sepenuh penghargaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang lalu yang telah menyempurnakan tugasannya dengan penuh cemerlang, penuh bijaksana menaungi negara Malaysia tercinta selama lima tahun, *alhamdulillah*.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara, saya ingin juga mengambil kesempatan di sini untuk turut membahaskan dengan memberi fokus kepada suatu titah Tuanku yang sangat menjurus, iaitu isu perpaduan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sudah 67 tahun merdeka. Selama 67 tahun merdeka, isu sama perpaduan negara sehingga hari ini masih tidak selesai. Malah bukan menurun, hari-hari kita melihat kepelbagaian isu baharu timbul dan kecenderungan untuk anasir yang tidak dingini dalam memperkasakan perpaduan negara ini nampaknya makin menjadi-jadi.

Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin membaca satu ayat Al-Quran yang saya fikir menjadi sebahagian daripada solusi kepada isu ini...
[Membaca sepotong ayat Al-Quran]

Maksudnya, “*Wahai sekalian manusia,*” Semua kita, tidak kira Melayu, Cina, India ataupun siapa, “*Sesungguhnya kami mencipta kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan, Adam dan Hawa dan kami menjadikan kamu berbangsa-bangsa, bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal antara satu sesama lain. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi kamu adalah orang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti*”.

■1210

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya yakin, saya penuh yakin, kita yang menjadi Ahli Yang Berhormat, tidak ada sesiapa pun yang boleh mempersoalkan kesetiaan kita kepada negara. Itu yang kita harap juga untuk seluruh rakyat ini. Ada dalam negara ini kepelbagaian etnik, Melayu, Cina, India, Kadazan, Dayak, Siam, Orang Asal, lain-lainnya adalah harta milik negara Malaysia.

Tak siapa dia antara kita yang minta untuk dilahirkan Melayu. Kebetulan jadi Melayu. Pun tidak siapa yang minta kita untuk dilahirkan Cina, India. Ia merupakan satu ketentuan daripada Allah SWT. Kepelbagaian bahasa, bangsa, setiap bangsa ada bahasa. Di samping itu juga, Allah menganugerahkan bahasa Cina dikaitkan dengan tanah besar China. Bahasa India, dengan Benua Kecil India. Dulu saya ingat belajar dipanggil Benua Kecil India. Bangsa Melayu, Melayu di Tanah Melayu. *Malay Archipelago* di rantau Asia Tenggara yang di dalamnya adalah rumpun Melayu. Kesemua ini merupakan anugerah. Setiap bangsa, setiap tanah mereka punya nama bangsa punya bahasa yang tersendiri, tetapi Allah sebut di dalam Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Supaya kamu kenal-mengenal antara satu sama lain.

Kalau itu benda yang ada kepada kita, ada tak ruang untuk kita melihat perkara ini dalam bentuk yang lebih positif. Saya bicara ini tuan-tuan, Ahli Yang Berhormat, selalu orang akan sebut tentang akan isu perpaduan, isu kaum. Isu perpaduan, isu bahasa. Isu perpaduan, isu agama. Ruang yang ada ini, tak banyak berlaku di tempat lain. Dia berlaku di tempat kita. Saya satu perkara juga yang saya *nak* sebut. Kadang-kadang ada orang menyebut, “Ah, siapa pun dari tempat ini, kita- semua ini adalah pendatang”.

Saya tak fikir orang Cina di negara China, kata dia pendatang. Saya tak fikir orang India di negeri India, dia pendatang. Tak patut difikirkan bahawa orang Melayu di Tanah Melayu, pendatang. Dalam *dictionary- Wikipedia* menyebut, “*Malaysia is the Land of Malays.*” *The Land of Malays*. Saya tengok sikitlah. Bukan saya nak isu, bangkit *race* lagi Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi di mana-mana pun, macam di Indonesia, walaupun dia Indonesia, siapa yang duduk di situ namanya orang *Indonesian*. Siapa yang berada di Malaysia, namanya *Malaysian*. Siapa yang duduk di India, namanya *Indian*. Rakyat penghuni *Indian*.

Jadi, saya ingat dalam sudut yang saya sebutkan ini, saya nak ambil ruang sedikit ini untuk mengajak kita berfikir dalam perspektif yang positif. Dalam perspektif yang positif. Ambil realiti yang ada ini sebagai satu anugerah Allah. Bukan ambil dari sudut, sudut negatif untuk melihat masing-masing ada gah sehingga melihat orang lain mungkin lebih rendah atau tidak- bererti tidak seperti, seperti kita.

Kalau kita mampu mengurusnya dengan betul, saya yakin isu perkauman, isu perpaduan yang sudah berlama-lama tempoh puluhan, 67 tahun, kita mampu noktahkan. Saya pinjam bahasa Perdana Menteri, tapi dia harus memerlukan suatu kesediaan seluruh warga terutama orang-orang politik. Kita kadang-kadang bicara perpaduan. Kita cakap terus teranglah, tanya diri sendiri. Kadang-kadang di depan orang, kita bercakap perpaduan. Di belakang orang, kita membahaskan perkauman, tetapi di depan kaum, kita bicara- ya. Sila.

Dato’ Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Boleh minta kebenaran- boleh? Yang Berhormat Senator, kita- *I mean* kita- semua, dua ada *business* dekat Terengganu dengan sini ya.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Sila, sila.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, apa yang saya dapati ya. Tahun 60-an, 70-an, awal 80-an, kita tengok tiga- bangsa yang di- kita cerita tentang Semenanjunglah, Cina, Melayu, India. Senang bergaul, senang. Melayu datang rumah India makan, India pergi rumah Melayu makan. Okey. Itu adat kita masa itu. Sekarang kenapa dah berlainan? Apakah punca dia?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya sangat seronok soalan ini. Sebab saya pun nak sentuh perkara ini Yang Berhormat Dato'.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ya, kah? Terengganu campur Negeri Sembilan okeylah... [*Ketawa*] Ahli-ahli Yang Berhormat, dia dulu masa kita bangun negara kita, baru merdeka, kita melihat satu ancaman sama. Kita tengok musuh kita sama, kita merebut peluang yang sama. Kita merasa kita duduk dalam satu kumpulan negara yang sama, tetapi di hujung-hujung ini, kita sudah bawa- mungkin, mungkin bukan kita, tetapi suasana membawa kita untuk melihat peluang yang berbeza mengejar tanpa mengira hormat dan kasih sayang dalam satu kelompok bangsa Malaysia.

Saya, saya nak pergi kepada yang soalan Dato' tadi itu. Apa kita kalau kita melihat ruang ini dalam konteks kita melihat kita bangsa Malaysia. Kalau kita nak bangsa Malaysia, apa kata bahasa jiwa bangsa. Kalau kita bangsa Malaysia, ertinya kita satu-bangsa, satu- negara, satu bahasa. Cukuplah Melayu, Cina, India as- sebagai *as a race*, tetapi kalau kita satukan ini, dilihat dalam perspektif bangsa Malaysia, maka kita rasa kita sama. Kita akan rasa kita duduk dalam satu, satu- negara dengan cita rasa yang sama, tetapi kita kena ingat juga sahabat-sahabat sekalian.

Saya ambil kesempatan dengan apa yang disebut oleh Dato' tadi. Kita perlukan pendidikan yang sama. Kita memerlukan sistem yang sama. Saya tak seronok nak sebut tetapi saya nak sebut jugalah. Walaupun *hat* baru ini kita kadang-kadang dengar tentang cerita sekolah vernakular, tetapi banyak penganalisis membicarakan isu sekolah vernakular dengan pelbagai perspektif, tetapi isu sekolah vernakular ini tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat, cuba *check* dalam- saya *check* dalam *Google*. Saya tak temui satu-sekolah vernakular macam Malaysia di seluruh dunia. Tak ada.

Timbalan Yang di-Pertua: ...Minta.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Minta, minta laluan...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Sekolah- ada lapan minit. Boleh tambah Datuk? Sila Datuk, sila Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak boleh tambah. Maknanya isu ini memang menarik. Jadi...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: ...Bila Yang Berhormat *nak* bagi laluan, saya akan bagi.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Sila. Terima kasih.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Tuan Speaker, Tuan Speaker. Betullah yang cakap itu, tetapi sebenarnya apakah Yang Berhormat Senator bersetuju perpaduan ini sudah sebut lama. Itu benar. Punca perpecahan ini adalah disebabkan parti politik. Pemimpin politik yang tidak ikhlas, tidak jujur. Itu puncanya. Kalau saya, saya- minta maaf, kalau saya sebut parti politik. Depan A dia cakap lain, depan B cakap lain, depan C cakap lain.

Yang Berhormat boleh tunjuk kepada saya kawan seorang India, Cina sekarang. *Tak* ada, tapi zaman dulu ada. Disebabkan dulu politik tidak bermain politik kebencian. Siapakah yang lahirkan politik kebencian? Kita juga pemimpin politik. Organisasi-organisasi politik. PAS nya, DAP nya, UMNO nya. Ini kita kena mengaku.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ya.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Ini kita kena mengaku. Ini kita kena akui. Tuduhan-tuduhan A kepada B amat dahsyat. Tuduhan B kepada A amat dahsyat. Jadi, saya merasakan apa pandangan yang saya sebut tadi punca perpecahan umat di Malaysia disebabkan parti politik.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Baik. Yang Berhormat Datuk. Saya nak masukkan apa soalan Datuk itu sebagai jawapan... *[Ketawa]* Saya nak sebutkan contoh. Saya rasa kita orang politik kena tengok adakah sebenarnya kita ini politik yang betul ataupun separuh budaya hipokrit itu ada dengan kita. Di depan masyarakat, kitalah wiranya, wira perpaduan, tetapi di depan kaum, kita bercakap dalam bahasa kaum yang penuh dengan-tetapi sebahagian orang politik, di depan saja cakap lain, di belakangnya dia boleh bertepuk tampar. Duduk dalam satu syarikat menjadi ahli *partner* dalam satu syarikat. Betul tak Datuk?

■1220

Jadi, saya nak ajak benda ini, nak sebut perkara ini Tuan Yang di-Pertua untuk belum kita bicara tentang perpaduan negara keseluruhan, orang politik dulu bina kan suasana itu dalam diri untuk ikhlas bersama-sama melihat perpaduan ini agenda besar yang perlu dinoktahkan selepas 67 tahun merdeka... *[Tepuk]*

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Mohon mencelah.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Silakan.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Datuk Yang di-Pertua, saya bersetuju sangat dengan sahabat saya mengatakan antara punca perpecahan ini ialah parti politik yang kita hadapi hari ini, tetapi adakah juga mungkin Yang Berhormat setuju antara perpaduan yang tidak ampuh ini disebabkan sistem pendidikan, tidak ada percampuran antara kaum di dalam sekolah? Saya bagi contoh, saya dulu sekolah mempunyai ramai kawan India, kawan Cina. Antara kawan Cina yang saya punyai itu, saya selalu bergaduh dengan dia di sekolah. Hampir setiap minggu saya bertumbuk dengan dia...

Seorang Ahli: Jahat rupanya.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Dia jahat kah, saya jahat, saya tidak tahu, tetapi...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *[Ketawa]*

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: ...Saya *prefect*. Saya *prefect*, dia tidak. So, saya lah baik, dia jahat... *[Ketawa]* Tetapi apa yang berlaku apabila kita sudah dewasa, hari ini yang saya bertumbuk setiap hari itu jadi *partner* saya dalam *business*.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Betul sangkaan saya tadi.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Jadi *partner* saya sampai sekarang. Okey, satu.

Seorang lagi, dia ini juga seorang Cina dan setiap hari dia selalu bercanggah dengan saya. Tak bertumbuk, tapi bercanggah. Bercanggah apa? Perebutan permainan di sekolah. Perebutan itu, perebutan ini, tetapi hari ini beliau juga menjadi *partner* saya di KL.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Sekali lagi betul.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Jadi, adakah waima apa sekali pun berlaku zaman sekolah, tapi jika kita bercampur pada zaman sekolah, zaman kanak-kanak, zaman remaja, akhirnya kita sedar bahawasanya nilai-nilai antara kaum ini banyak yang persamaan dan banyak yang boleh kita bersama. Adakah itu boleh dijadikan satu faktor untuk mempererat, memperkukuhkan lagi perpaduan antara kita di Malaysia ini? Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Yang Berhormat Senator, sebelum menjawab, boleh tambah sikit?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tanya Yang di-Pertua...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Boleh minta *floor*? Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia bagi *floor*, saya...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Akan tetapi dah nak habis- satu topik sahaja baru ini.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Tak apa, tak apa.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh eh?

Timbalan Yang di-Pertua: YB, YB akan cakap topik ini kan?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Sila, sila, sila.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Speaker kata tadi boleh bagi masa. Saya rasa Yang Berhormat elok duduk dulu lah. Sebab bila *floor* itu, seorang sahaja berdiri.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Silakan, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Wah, dia pula suruh orang duduk... *[Ketawa]*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Dak lah, nak tunjuk peraturan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya nak dengar- saya berdiri ini nak tunjuk serius ini Datuk.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Ya lah kena- kena, kena ikut peraturan lah.

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan-peraturan dia ya... *[Ketawa]*

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Seperti yang disebutkan oleh Tan Sri Fatmi tadi, cantiklah itu. Saya pun latar belakang pendidikan di sekolah Inggeris. Bergaul dengan kaum Cina dan India, begitu ramai. Bergaduh sahaja tak pandai sebab saya badan kecil ketika itu, tapi dalam pendidikan kita berlawanan. Kita akui itu adalah suasana yang telah membina di awal kemerdekaan. Tan Sri Fatmi memberikan contoh mereka boleh bekerjasama sampai ke hari ini.

Apakah salahnya kita-kita ini yang daripada generasi tersebut dan beberapa generasi di belakangnya mengambil kedudukan di tengah ini? Tidak memilih untuk berada di pinggir, sama ada di pinggir kiri atau kanan dan berlaku semacam ekstrem juga. *People are looking for us-* kalau kita boleh mengambil kedudukan neutral ini dan cuba mendamaikan kerana kita penuh dengan kasih sayang.

Orang yang bukan Islam tak faham Islam, salah kita orang Islam tak mendidik. Kita juga tak faham dengan agama yang lain kerana kita tidak di-*expose*-kan dengan maklumat. Jadi, bagi kita yang ada sedikit sensitiviti dan faham dengan suasana damai ini, kenapakah kita tidak menjuarainya supaya tidaklah melebar?

Jadi, Datuk Fatmi, Datuk Azhar bercakap mendamaikan, mengurangkan suasana ketegangan, saya rasa rakyat akan lihat kalau mereka masih ada sedikit penghormatan kepada kita sebagai pemimpin politik di Dewan Negara contohnya lah. Jadi, tidaklah berpanjangan. Ini kita pun diam. Saya pun agak teragak-agak dalam ucapan, saya kata, "Saya nak komen pun tak boleh, takut." Takut, ya. Jadi, sepatutnya kita tidak boleh takut. Kita harus membawa suara pendamaian ini.

Macam mana Senator Cikgu Hussin- boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Jangan pula YB Hatta nak berbahas pula ya. YB Hatta dah habis berbahas itu hari... *[Ketawa]*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya nak buat hari ini perbahasan dalam perbahasan Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Tak, saya nak tanya. Saya nak tanya...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Sampai dia suruh saya duduk pula padahal saya bagi izin dia tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: YB hanya akan bercakap satu topik sahaja kan?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya nak tambah satu lagi topik lepas ini. Sikit lagi izin saya, tapi...

Timbalan Yang di-Pertua: Fasal masa dah habis.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: ...Nak tamatkan ini. Saya nak perhabis, tapi...

Timbalan Yang di-Pertua: Untuk berlaku adil kepada YB Manolan kan, saya pun tak nak- YB Manolan...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ada satu topik yang sangat penting.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Manolan boleh bagi laluan? Fasal topik ini amat menarik. Jadi, kalau saya berikan lagi 10 minit, kalau YB Manolan- YB Manolan...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih.

Tuan Manolan bin Mohamad: Lima minit.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Lima minit? Saya- yang ganggu saya tadi itu lebih daripada 5 minit Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Manolan mahu 20 minit ataupun lebih lagi?

Tuan Manolan bin Mohamad: Sikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sikit lagi boleh ya? Fasal isu ini menarik.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya fikir isu ini adalah isu yang terkait dengan kita semua Datuk Yang di-Pertua. Saya cuma nak sebut semua yang disebut oleh Yang Berhormat Dr. Hatta mahupun Tan Sri Fatmi, saya kira itu sebahagian. Sebenarnya itu bila kita bicarakan tajuk itu, ertinya kita bersama dalam isu ini, tapi bila saya bicarakan itu tadi, saya tak jawab apa yang disebut oleh Dr. Hatta. Dr. Hatta, saya sebahagian ini yang sekarang dah 60 ke atas. Rasa manis zaman 60 tahun dahulu tak dirasai oleh anak-anak zaman sekarang, kenapakah? Hasil daripada sistem yang sedang dilalui oleh anak-anak ini dan mungkin 60 tahun akan datang suasana perpaduan ini lagi parah kalau kita tidak cepat membaiki.

Saya nak ambil *simple* sahaja lah, sikit sangat masa bila Datuk Seri bagi ruang dengan YB Manolan tadi. Kita sebut hal pendidikan dan bahasa sahaja dalam tempoh yang sangat singkat. Saya nak sebut satu poin yang lain mewakili kerajaan negeri iaitu isu berhubung dengan bahasa dan sistem pendidikan. Kunci keseluruhan ini terletak kepada pendidikan. Pendidikan memerlukan bahasa penghantaran. Kita wujud dwi-sistem pendidikan dalam negara yang saya sebut tak ada dalam negara dunia ini. Dunia pernah ada *Singapore*, vernakular sistem ini ada di *Singapore*, dimansuhkan tahun 1980. *Singapore* dah 40 tahun dah tinggal, kita masih kekal, tetapi kita bersungut bahawa kita sedang berdepan dengan isu perpaduan. Ada tidak ruang dengan penuh jiwa yang besar?

Kita satukan sahaja sistem pendidikan kita ini tanpa merasa bahawa untuk nak merasa negatif ataupun melihat anak tiri kepada bangsa Cina, India dan lain-lain dengan menyatukan sistem pendidikan dalam satu sistem pendidikan kebangsaan. Bukan satu-satunya ini, ini salah satu sebab, satu punca yang boleh kita fikirkan. Siapakah yang boleh buat? Kita di Dewan Negara ini mahupun di Dewan Rakyat. Ada peruntukan undang-undang, ada dalam Perkara Perlembagaan. Ada, tetapi yang boleh mengolah itu kita. Kalau ini benda besar yang perlu kita selesai, kita sepakat mahu mengolah ini.

Tidakkah Ahli Yang Berhormat terasa. Saya, itu impian saya. Kalau boleh *next few years* satu sistem pendidikan. Bahasa, kita terima semua bahasa. Tidakkah indah kalau dalam sistem pendidikan kita ini kita ajar Bahasa Tamil dalam satu sistem aliran, kita ajar Bahasa Cina, Kadazan, Iban, Siam, kalau perlu Orang Asli, Orang Asli. Kita bertemu sesama kita orang Melayu boleh cakap Cina, orang Cina boleh cakap Iban, orang Iban boleh cakap Tamil. Barangkali itu baru kita...

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Mohon mencelah Datuk.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Ha?... Tambah lagi, minta masa.

Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman: Saya tertarik dengan perbincangan tentang sekolah yang saya bincangkan semalam. Saya daripada sekolah MCE tahun 1979. Saya dengan rakan-rakan India, Cina, Melayu ini dapat bersama-sama dengan semangat setia kawan. Itu kekuatan negara kita ini. Kalau misal kata KPM belum apa-apa lagi dah menolak, saya nak mencadangkan kalau diizinkan. Cuba dekat Johor dulu. Cari dua buah sekolah, tiga buah sekolah sebagai *pilot project*. Kita mulakan. Sebab 60 tahun akan datang, seperti mana Yang Berhormat cakap tadi, takut kita ini dah tak mengenali antara satu sama lain. Kita bermusuh.

■1230

Dan hari ini kita ini sudah umur 60, saya salah seorang daripada 60 sudah, warga emas sudah. Kalau tiket bas kah, kereta api RM100 kita bayar, contohnya lah. Jadi saya mengharap KPM kerajaan kena ada *political will* dan kita sama-sama berjuang untuk memastikan bahawa sekolah ini harus diadakan secara bersama. Subjek kita bincang macam mana. Buatlah dasar dan kemudian kita laksanakan dengan teratur supaya generasi akan datang Malaysia ini akan mempunyai rakyat yang berbilang kaum, menghormati antara satu sama lain. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebagai orang Johor, saya sokong cadangan daripada wakil Johor itu.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya...

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Boleh saya sikit sahaja? Sebelum hendak menjawab sebab isunya sama. Saya cuma hendak berkongsi negara maju seperti Finland. Dalam sistem pendidikan mereka, mereka belajar empat bahasa. Jadi kalau Malaysia buat, Malaysia juga boleh belajar, diwajibkan belajar empat bahasa utama di Malaysia. Itu sahaja.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Sikit, sikit saya tambah sikit boleh ya. Datuk Yang di-Pertua, saya rasa, saya rasa kalau kita hendak ubah sistem pendidikan mungkin kita ada 10 faktor satu, dua, tiga, empat dan 10 yang menyebabkan jurang antara kaum, tetapi saya rasa yang segera yang boleh kita lakukan- inilah kita ahli-ahli politik.

Saya rasa salah satu faktor yang terbesar adalah disebabkan ahli politik. Saban hari kalau kita tengok bila sampai pilihan raya, isu perkaumanlah yang menjadi isu yang paling *hot*. Bukan itu sahaja, saya rasa kerajaan pun perlu mengambil tindakan, Yang di-Pertuan Agong telah menyatakan soal ini dengan jelas perkara 3R ini, tetapi tindakan tak pernah diambil. Saya rasa kita mulakan dengan ahli politik dulu. Saya rasa ahli politiklah yang mengapi-apikan yang- yang kita hendak ubah pendidikan itu mungkin mengambil masa tetapi kita boleh bermula dengan diri kita dulu. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya harap dalam Dewan Negara ini kita amalkan begitu lah. Dewan Rakyat itu sudah cerita lain... *[Ketawa]*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Mungkin akan ada lagi soalan tambahan tapi nanti takut tak adil saya tak sempat nak sampaikan isu yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya pun fikir macam itu.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Macam pun Datuk hendak suruh saya berhentilah.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak, saya bagi lagi 5 minit. Yang Berhormat Manolan ya, boleh ya? Lima minit lagi ya... *[Ketawa]*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Yang cuma saya hendak- bolehkah saya kongsi ini, kan? Dalam isu ini, dalam isu ini. Kita bermula bukan di Johor, di Malaysia. Di manakah tempat? Kementerian Pendidikan, Kementerian Perpaduan Negara, Perdana Menteri, kitakan Kerajaan Perpaduan, kenapakah tak letak ini?

Kalau boleh isu-isu miskin tegar hendak dinoktahkan, isu perpaduan atas nama Kerajaan Perpaduan mampu tidak noktahkan? Mampu atau tidak isu perpaduan ini kita noktahkan supaya ia menjadi suatu agenda besar negara. Sebab ia bukan sekadar isu negara, isu sekuriti seperti keselamatan dalam pertahanan mahupun keselamatan dalam makanan ia keselamatan dalam negeri perpaduan rakyat.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Setuju, setuju.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Terima kasih. Jadi, akhir saya hendak sebut ini laju sikitlah Datuk iaitu perpaduan juga. Kenapa kita bercakap perpaduan, kita Kerajaan Perpaduan, tetapi nun di sana di empat buah negeri kita tubuh kerajaan dalam kerajaan. Ini hancur perpaduan. JKPKK semalam Yang Berhormat sahabat saya Hasbie membicarakan. JKPKK, saya hendak sebut pun payah, sebab terasa hati. Wajarkah, kita dalam satu negara ada dua pentadbiran?

Di Terengganu, di Kedah, di Kelantan, di Perlis. Di Terengganu ketua pentadbirannya ialah Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri di Terengganu, di semua negeri. Di pusat ialah KSN. Bila negeri kita memerintah kalau kita ada *federalisation*, kita ada apa ini?... [Dichelah] Hendak sebut pun sudah jadi pelat. Jadi bila ini, hormatilah demokrasi, tetapi bila kita di peringkat pusat tak hormati ini, kita hendak tengok perpaduan dekat mana? Di manakah kita hendak laungkan perpaduan itu di mana? Ada sahabat-sahabat hendak celah?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tak benarkan celah lagi dah. Tak benar lagi dah... [Ketawa]

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tak benar nak mencelah. Okey, poin yang ketiga. Saya hendak sebut ini saya minta kepada Menteri Pembangunan Wilayah dan Desa, fikir-fikirkan dua kali jangan ulang zaman UMNO buat dulu, zaman PH hendak tiru balik apa yang UMNO sudah buat.

Timbalan Yang di-Pertua: Hah wakil-wakil UMNO tak nak bantah?... [Ketawa]

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Okey, yang ketiga. Ini poin yang ketiga, izinkan saya Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Apakah yang dia buat kalau saya hendak tanya ini?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Oh! Okey, saya ringkaskan.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Tak bolehlah sebut macam itu Yang Berhormat. Sebut spesifik UMNO. Kalau kita juga boleh kata kerajaan PAS.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Dahulukan UMNO, masa dahululah kerajaan dahulu.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Tak boleh, tarik baliklah.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Okey, saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua: Tarik balik... [Ketawa]

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Kita ini hendak perpaduankan, saya tarik balik, tapi saya tak nak ulangi pengalaman lama. Setuju Yang Berhormat Datuk?

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Saya hendak tahu, apakah yang kita buat salah itu?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Bagi saya sedikit sahaja masanya. Ada tak mana-mana negeri yang duduk di bawah Kerajaan PH ada dua Jawatankuasa di peringkat kampung? Satu JPKK, satu JPKKP, JPKKP di bawah Kementerian Wilayah, Kerajaan Pusat. JPKK di bawah kerajaan negeri. Ada dua pentadbiran, ada dua perenggaran.

Seorang Ahli: Baguslah begitu.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Hah, kalau bagus macam itu samalah tadi bagusnya dengan vernakular sistem tadi, buat dualah. Tak adillah kita kalau dulu kita tengok, oh sini kita hendak satukan, dekat sana kita hendak duakan.

Saya tutup dulu cerita itu sebab saya hendak masuk yang terakhir. Yang terakhirnya ialah isu royalti. Tak habis saya kalau tak sebut isu royalti Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu isu *evergreen*. Habiskan ucapan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Isu akhir, ini akhir, ini memang akhir. Saya hendak sebut royalti ini satu benda yang sudah di muktamad 22 tahun berlangsung dengan aman damai. Bila kerajaan negeri berubah sahaja, berubahlah sistem pembayaran perjanjian antara kerajaan negeri dengan PETRONAS, tetapi- dulu 22 tahun bayaran oleh PETRONAS tunai menurut perjanjian. Sekarang bila berubah, sekarang ini seluruh negeri khususnya negeri-negeri Terengganu, Kelantan, Sarawak dan Sabah menanti satu janji.

Kalau- saya tak nak sebut perkataan itu, saya sebut haiwan dipegang tali. Kalau orang dipegang janji. Masa pilihan raya 20 persen, sekarang 5 persen pun tak dapat. Dalam sejarah pemberian boleh saya baca sikit, tak ambillah 20 tahun, saya ambil sikit sahaja. Tahun 2008, zaman Tun Abdullah Badawi, marah-marah dia, dia bagi RM2.994 bilion Terengganu sahaja. Tahun 2009 RM1.858 bilion, 2010 RM1.899 bilion, 2011 RM2.176 bilion zaman Dato' Seri Najib, 2012 RM2.47 banyak sangat, 2022, 2021... *[Dicelah]* Ada sikit RM987, satu pertiga boleh beri atas nama emolumen dan infrastruktur. Pun sangat berbeza dari sudut peraturan, kaedah bayaran dan lain-lain.

Saya hendak sebut ini semua ini menggambarkan seriuskah kita tentang perpaduan? Hormatkah kita tentang *federalism*? Hormatkah kita tentang kita ini- itu satu bangsa, satu agama. Datuk Yang Dipertua, saya hendak baca akhir-akhirnya- baca sahaja Datuk, baca sahaja Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua: Akhir ya, saya bagi sikit lagi.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Yang saya hendak baca akhir ini ialah satu ayat Al-Quran untuk renungan kita bersamalah.

Seorang Ahli: Hilang pula.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tak hilang, tapi tak jumpa. Ada hadis Rasulullah SAW yang berbunyi- oh! Ini dia, tapi saya fikir kalau kita fikir betul-betul saya bimbang takut nanti kemurkaan Allah. Rasulullah SAW menyebut... *[Membaca sepotong hadis]* Maksudnya, "*Siapa yang memudaratkan orang lain, Allah akan memudaratkannya, siapa yang menyusahkan urusan orang lain, nanti Allah akan menyusahkannya*".

Satu lagi ayat Al-Quran yang menyebut- ini saya sebut baca sahaja maksudnya *last point*. Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan.

■1240

Kita pun keadilan dah kan? Parti pun Keadilan, menegakkan keadilan kerana Allah SWT, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil kepada sesiapa jua pun kerana Allah SWT dan kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Bertakwalah kepada Allah SWT, sesungguhnya Allah SWT mengetahui apa yang ada di dalam hati kamu.

Tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato' Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas ruang yang diberikan. Terima kasih juga atas celahan-celahan gangguan dan semua gangguan dan celahan saya masukkan dalam sebahagian ucapan saya Dato' Yang Berhormat. Jadi, saya dengan ingin mengambil kesempatan untuk turut sama menjunjung kasih, menerima sepenuhnya Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Tuan Haji Hussin.

Sekarang, saya jemput YB Manolan, saya bagi masa lebih tambahan, boleh?

12.41 tgh.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, akhirnya kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Usul Titah Diraja Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan pembukaan Parlimen Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas pada 26 Februari 2024 yang lalu.

Saya ucapkan salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Nampak panas tadi. Baru-baru ini seperti yang kita sedia maklum, kita telah- kerajaan telah menganjurkan iaitu satu Kongres Ekonomi Bumiputera yang telah diadakan pada 29 Februari hingga 2 Mac 2024 yang lalu, di mana saya juga sempat menghadiri dan mendengar beberapa pembentangan dan dipecahkan beberapa kluster.

Saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada kerajaan khususnya kepada penganjur iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga Kementerian Ekonomi kerana telah menganjurkan satu kongres yang cukup baik yang memberi manfaat kepada bumiputera dan juga kerajaan telah menjemput julung-julung kalinya iaitu Dewan Perhimpunan Cina dan juga Dewan Perhimpunan India ke dalam kongres tersebut.

Dalam kongres tersebut juga, banyak perkara telah dibincangkan, telah dibentangkan oleh pakar-pakar dalam bidang masing-masing. Jadi persoalan dia, bila kah pembentangan ini ataupun- akan dilaksanakan cadangan-cadangan yang sangat baik sebenarnya daripada segi kebajikan, daripada segi pendidikan, usahawan-usahawan bumiputera ini dan penglibatan Dewan Perhimpunan Cina dan juga India ini bagi saya satu anjakan yang baru di dalam Kongres Ekonomi Bumiputera ini di samping dalam kongres tersebut juga pembentang bukan sahaja bumiputera tetapi orang yang bukan bumiputera pun ada turut dilibatkan.

Bagi saya dalam ekonomi di mana kita nak memajukan negara ini, memang inilah kita kena rangkul kan semua kekuatan ekonomi kita di mana ekonomi sekarang ini bukan seperti dulu. Ekonomi pasaran ini kita mesti bukan saja *intra country*, *intra state* ni semua, tetapi di dalam negara kita di mana perdagangan ini kalau kita bertumpu sahaja di dalam satu kaum, saya yakin Malaysia tidak boleh pergi jauh Dato' Yang di-Pertua.

Maka itu, saya sangat bersetuju di mana kalau kita mahu barang import contohnya daripada China, kebanyakannya daripada segi penguasaan bahasa kita tak boleh, sukar untuk kita nak *dealing* untuk berbincang perniagaan tersebut untuk kita membawa masuk barang-barang ke dalam negara kita.

Maka itu, saya sangat menghargai saranan dan juga langkah kerajaan ini di mana saya harap pada masa akan datang, kita menjemput semua sekali juga, semua kaum, kita tidak perlu bertumpu kepada hanya kelompok bumiputera sahaja. Kalau kita tengok bumiputera, pada *narrow down*, dengan izin, bumiputera Sabah dan Sarawak dan khususnya Orang Asli, kita memang tidak mampu untuk bersaing di dalam negara ini.

Semasa kita bersekolah dulu juga Dato' Yang di-Pertua, saya ingat lagi ayah pesan, dia kata, "Kalau lemah dalam matematik, kita kena berkawan dengan orang pandai matematik. Kalau kita lemah dalam Inggeris, Sains, kita kena berkawan dengan orang yang pandai Sains." Kenapakah kita perlu bergaduh dengan orang yang ada ilmu dalam ekonomi? Kenapakah kita perlu bergaduh dengan orang ada ilmu dalam perniagaan?

Sepatut kita kena rangkul kan ilmu yang mereka ada ini bersama dengan kita, baru kita boleh mengembangkan ekonomi negara kita. Kita tak perlu dibelenggu oleh satu polemik yang memecahbelahkan, akhirnya kita akan rugi dan golongan yang paling terpinggir ini yang akan menjadi kesan, yang atas ini dia bergaduh di luar, di belakang dia *partner* macam Tan Sri tadi, belakang ada *partner* kan? Contoh, macam itulah Yang Berhormat Tan Sri kan? Contohnya.

Jadi maka itu, saya bersetuju sangat. Seterusnya, berkenaan dengan infrastruktur, ini di luar bandar khususnya di perkampungan Orang Asli saya nak sebut ni. Ketidakseimbangan di antara bandar dan luar bandar ini mesti kita noktah kan juga sebab negara kita merdeka sudah 60 tahun lebih. Saya mendapat banyak aduan. Banyak mendapat surat.

Ada kampung yang berdekatan dengan *highway*, dengan taman, kiri kanan semua taman, air ada tetapi kampung ni saya sebut Kampung Paya Mengkuang di Temerloh. Saya baru dapat surat aduan dia kata masuk dalam perbahasan, sebab itu saya sebut ni.

Tidak ada sejak tahun 1996 lagi, tidak ada air. Air ada tapi seminggu dua kali. Jadi, dia minum dua kali, mandi dua kali seminggu, contohnya... [Dichelah] Contoh. Jadi, ketidakseimbangan infrastruktur ini saya minta kerajaan yang bertanggungjawab kena ambil serius. Sedangkan air lalu depan kampung mereka, *highway* ini, tetapi air paip tidak ada di kampung dia sedangkan ada buka taman baru, saya pun tengok.

Di hadapan kampung mereka ada sekolah kebangsaan, ada air tetapi kenapa kampung mereka tidak ada air? Jadi, saya mintalah supaya pihak yang berwajib, ini di Temerloh ni paip- saya tahu di Pahang dan kementerian yang bertanggungjawab di atas air untuk melihat perkara ini. Satu lagi di Kampung Pos Iskandar, Bera pun benda yang sama. Air dihantar oleh lori air ini ke kampung, tetapi kalau yang duduk jauh, bagaimanakah mereka nak hantar air? Mereka sediakan tangki air di kampung tersebut, hantar di situ jadi mereka terpaksa angkut. Itu pun bukan tiap-tiap hari lori tangki air ni hantar air.

Jadi bagi saya ini sangat serius sebab air ini satu keperluan asas. Sekarang ni kita tahu fenomena El Nino, panas. Kalau ada perigi pun perigi kering, tak ada air. Jadi bagaimana? Nak guna sungai sekarang ni Dato' Yang di-Pertua bukan macam dulu. Sungai dulu bersih, sungai sekarang ni gaya teh tarik. Jangankan kita nak minum, ikan pun mati. Jadi ini harus kita lihat di mana di samping kita melihat untuk pembangunan negara mencari hasil negara tapi yang terkesan khususnya infrastruktur ni kita kena selesaikan.

Yang keduanya adalah- yang ketiga berkenaan dengan Titah Yang di-Pertuan Agong iaitu saya sangat tertarik sebenarnya iaitu perenggan 29 dan 30 di mana Yang di-Pertuan Agong dalam perbahasan tempoh hari telah bertitah berkenaan dengan- untuk meringankan beban rakyat ini khususnya di luar bandar dan di bandar-bandar juga ada miskin bandar. Kita tengok sekarang ini memang jumlah nilai Ringgit Malaysia rendah dibandingkan dengan *US Dollar* dan banyak barang-barang import khususnya makanan mungkin mahal disebabkan kita import menggunakan *US Dollar*.

Maka itu, saya bercadang kepada kementerian, kepada kerajaan untuk memberi sedikit sumbangan, bantuan khususnya kepada pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan hasil-hasil bahan makanan ini, seperti sekarang ini kita tahu beras import ini mahal walaupun semalam kerajaan mengumumkan harga beras import turun RM2 ke RM3.

■1250

Jadi, bila kerajaan memberi sumbangan ataupun bantuan kepada bahan makanan ini seperti padi contohnya, ramai yang telah menanam padi huma ini tetapi mereka ini ada masalah kesempitan daripada segi bantuan kewangan. Jadi, kalau kita beri bantuan sebenarnya mereka boleh tanam padi huma dengan banyak dan mereka tidak perlu membeli beras-beras yang import ini yang mahal dan juga bahan makanan lain seperti cili, serai dan sebagainya.

Maka itu saya cadang kepada kementerian dalam jangka masa pendek ini beri bantuan dan cuba kenal pasti pekebun-pekebun kecil iaitu Orang Asli yang menanam padi-padi huma dan juga yang telah menanam tanaman kontan ini supaya diberi sedikit bantuan supaya mereka tidak bergantung pada bahan makanan yang dibeli di luar. Kalau kita tengok ada Jualan Rahmah yang telah diadakan oleh kerajaan tetapi Jualan Rahmah ini terhad, mereka tidak sampai ke kawasan pedalaman dan hanya di pekan-pekan ataupun di bandar-bandar.

Maka itu kalau boleh Jualan Rahmah ini mesti digerakkan sampai ke perkampungan-perkampungan Orang Asli ini khususnya di pos-pos yang jauh di pedalaman seperti di Gua Musang atau di Hulu Perak. Ini kampung ramai, penduduk lima ke-enam ribu satu kawasan ini, tetapi Jualan Rahmah tidak sampai ke kampung mereka ini.

Seterusnya adalah berkenaan dengan Skim Bantuan Galakan Pendidikan untuk Orang Asli. Baru-baru ini saya ada tanya penggal sesi yang lepas kepada Menteri yang bertanggungjawab iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Zahid Hamidi yang menjaga JAKOA ini. Di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bersetuju biasiswa untuk pelajar-pelajar Orang Asli ini ditingkatkan.

Jadi, saya nak tahu adakah pada tahun ini iaitu tahun 2024 ini biasiswa itu dinaikkan ataupun ia masih kekal lagi? Sebab sekarang ini masalah juga Datuk Yang di-Pertua, biasiswa yang diterima ini agak lewat kalau dibandingkan dengan dahulu, tetapi isu ini telah berlarutan lama di mana ramai pelajar ini yang mendapat biasiswa lambat dan ini memberi kesan pembelajaran kepada mereka.

Jadi, saya minta supaya pihak kementerian cuba menyelesaikan masalah biasiswa lewat ini sebab kes ini berlarutan dan sudah semestinya saya yakin mesti ada jalan penyelesaian dia. Sebab kalau saya ada *check* dengan JAKOA, apakah masalah dia? Masalah dia ada yang memberitahu *key-in* dalam sistem. Jadi itu masalah dia, itu bukan masalah sebenarnya. Itu hanya daripada segi pengurusan itu perlu dipertingkatkan supaya pelajar-pelajar ini tidak terbeban dan juga susah untuk mereka makan, nak makan.

Seterusnya Datuk Yang di-Pertua, adalah berkenaan dengan Titah Diraja iaitu berkenaan dengan perenggan nombor tujuh. Saya tertarik dengan perenggan nombor 7-Titah Diraja ini Yang di-Pertuan Agong iaitu berkenaan dengan kestabilan politik. Sekarang ini Kerajaan Perpaduan mempunyai majoriti dua per tiga lebih majoriti di Dewan Rakyat dan kestabilan ini sangat penting sebenarnya seperti Yang Berhormat Senator Hussin...

Timbalan Yang di-Pertua: Haji Hussin.

Tuan Manolan bin Mohamad: ...Sebut tentang perpaduan, bukan? Di mana bila kerajaan ini dah stabil, perpaduan ini bagi saya hanya dalam politik sahaja. Saya bersetuju dengan ramai rakan-rakan YB senator, masalah perpaduan ini berpunca daripada ahli politik bukannya disebabkan anak-anak kita bersekolah.

Saya masa sekolah dahulu saya tengok ada juga yang pelajar di sekolah ditawarkan belajar Bahasa Tamil tapi ramai yang tak ambil. Di sekolah saya dulu pun ada ditawarkan pelajar belajar Bahasa Cina, tapi ramai juga yang tak ambil. Jadi bagi saya tidak ada masalah, ini keunikan di negara kita. Kita boleh menguasai bahasa apa pun.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Boleh sikit mencelah Yang Berhormat?

Tuan Manolan bin Mohamad: Boleh, boleh. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Kita bicarakan bukan sekadar tawaran di sekolah tetapi polisi oleh pihak kerajaan oleh kementerian. Kalau ini didukung oleh *political willpower*, kehendak politik apa yang kita bicarakan tadi akan lebih menjadi kenyataan. Dia bukan sekadar tawaran di peringkat sekolah. Itu pandangan saya. Boleh terima atau tidak?

Tuan Manolan bin Mohamad: Ya, betul. Saya setuju *political will* itu berpunca daripada orang politik. Kalau orang politik itu berubah kita pun boleh mengeratkan perpaduan. Kadang-kadang orang politik ini dia terlebih. Dia nak menang pilihan raya digunakan apa sahaja. Akan tetapi itu okey. Ini politik saya setuju yang itu, tetapi yang saya tidak setuju adalah penyokong-penyokong di bawah ini yang berlebih-lebih, bukan? Orang politik ini dia nak tarik pengundi dia, dia guna apa saja. Itu politik yang tidak berhemah sebenarnya, tak boleh juga, tetapi mereka gunakan apa sahaja untuk...

Tuan Abun Sui Anyit: Datuk Yang di-Pertua saya mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Abun nak mencelah itu, boleh bagi laluan?

Tuan Manolan bin Mohamad: Okey, silakan.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya. Kita selalu mengatakan orang politik menyebabkan perpecahan. Sebenarnya orang politik ini baik. Kenapakah saya kata baik? Di dewan kafeteria di sebelah Dewan Negara mahupun di Parlimen, kita boleh minum di sana boleh bercerita dengan menarik betul boleh ketawa sama-sama sana, tetapi bila kita masuk ke Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat kenapa kita harus tunjuk bergaduh di dalam Dewan Rakyat?

Kenapakah kita tak tunjuk yang kita boleh bergelak ketawa di kafeteria itu untuk rakyat? Ini menyebabkan rakyat yang menonton kita, mereka melihat seolah-olah kita bergaduh di Dewan Rakyat. Jadi yang sepatutnya kita tunjuk adalah yang baik di dalam kedai kopi itu bukan yang bergaduh di Dewan Rakyat yang mulia itu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua: Juga dalam Dewan Negara. Dalam Dewan Negara kita berbincang ya? Berbahas.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Tanpa ada apa-apa konflik.

Tuan Manolan bin Mohamad: Saya setuju memang kita bergaduh di dalam Dewan Rakyat, tetapi Dewan Negara ini okey. Bukan Dewan Rakyat, ahli politik dia bergaduh di luar, tetapi nak tunjuk dalam Dewan ini dia bergaduh, di luar dia baik di kafe dia okey.

Jadi, itu bermula daripada orang politik. Orang politik ini kena berubah, kita tak perlu salahkan anak-anak kita yang belajar di sekolah ini, saya di sekolah kawan dengan semua orang. Kalau kita nak belajar- ini unik Malaysia ini bagi saya. Kita nak belajar bahasa apa pun di Malaysia. Kenapakah kita tak gunakan keunikan ini untuk negara kita?

Kita nak belajar bahasa apa Bahasa Sepanyol pun ada sekolah Sepanyol dan belajar bahasa Korea ada sekolah Korea tak ada masalah, tetapi yang menjadi masalah orang politik menggunakan isu ini untuk perpecahan yang menjadi masalah lagi penyokong mereka kenapa terpedaya dengan dakyah yang tak betul?

Ini masalah dia jadi bagaimana bila kekuatan majoriti besar ini berbalik ke poin saya tadi Titah Yang di-Pertuan Agong, poin 7- di mana Kerajaan Perpaduan ini dah kuat sekarang. Ini masa kerajaan untuk nak menarik pelabur-pelabur dari luar dan juga pelabur dalam negara kita.

Pelabur dalam negara kita ini sepatutnya sekarang ini dengan kekuatan politik kita yang ada, dengan sokongan yang kuat, ini masa dia untuk kita membuktikan kepada rakyat kepada semua pelabur *foreign direct investment* ke dalam *domestic investment* untuk kita tingkatkan ekonomi kita. Jadi isu yang menoktahkan kemiskinan ini, kita mesti perhebatkan. Sebab ada juga yang masih tercicir di dalam kita menoktahkan kemiskinan ini.

■1300

Sebab ramai juga yang tidak mendaftar di dalam- sebab sekarang ini PADU yang tidak mendaftar di dalam PADU. Jadi, kita bimbang juga mereka tercicir akhirnya. Jadi itu saranan Titah Yang di-Pertuan Agong, kekuatan politik yang kita ada ini kita gunakan dengan baik dan dapat memberi peluang pekerjaan dan juga meningkatkan pendapatan negara.

Akhir sekali, saya nak sentuh berkenaan dengan perjawatan di dalam JAKOA. Saya ada tanya soalan Datuk Yang di-Pertua, kebetulan semalam saya dapat jawapan. Cuma saya nak tekankan di sini perjawatan di dalam JAKOA pada tahun 2023 ada 30 kemasukan baharu yang perjawatan tetap dalam JAKOA, tetapi tidak ada seorang pun Orang Asal, Orang Asli dalam perjawatan tersebut. Sedangkan perkara ini kita dah bangkit lama baik di Dewan Negara ataupun di luar sana, tetapi nampaknya kerajaan masih mungkin tidak mendengar ataupun kurang mengambil serius dalam isu ini.

Isu dia adalah apabila kita kurang mengambil di kalangan masyarakat Orang Asli ini, isu dia pembangunan itu mesti sampai ke Orang Asli dan Orang Asli sendiri tahu tentang adat resam dan budaya Orang Asli itu daripada segi pendidikan, daripada segi pembangunan apa yang mereka mahu, rumah yang macam mana yang mereka mahu, bentuk bantuan yang macam mana yang mereka mahu. Daripada segi pembangunan bagaimana yang mereka mahu. Sebab mereka tahu maka itu saya minta pada tahun ini.

Datuk Razali bin Idris: Boleh, saya?

Tuan Manolan bin Mohamad: Silakan.

Datuk Razali bin Idris: Saya apabila Yang Berhormat Bob menyebut tentang perumahan Orang Asli. Saya nak tanya sikit, Kementerian Luar Bandar dia buat perumahan untuk Orang Asli iaitu sama kita namakan di sebagai rumah PPRT. Jadi, apabila saya melihat, saya masuk ke kampung Orang Asli saya tengok rumah PPRT ada sebelah, tapi dia tak duduk dia bela kambing. Dia duduk rumah yang dia buat, yang dia selesa. Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya pihak kementerian buat rumah mengikut selera Orang Asli jangan mengikut selera kita. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Razali. Sebab dia memang rumah yang dibina ini kebanyakannya rumah batu, sekarang ini musim cuaca panas. Jadi mereka memang ada bina rumah di sebelah rumah tersebut yang lebih santai. Dia ada letak ada dinding cuma ada lantai mungkin atap rumbia.

Jadi, mereka bina rumah itu dan tinggal di situ, di rumah tersebut. Akan tetapi bila keadaan itu sejuk malam mereka balik ke rumah tersebut itu satu. Keduanya, berkenaan dengan *design* itu. Saya setuju memang ada di kalangan Orang Asli yang tidak berapa selesa dengan rumah yang dibina di atas tanah dan ada yang berminat rumah yang ada tiang, yang ada tangga.

Jadi maka itu kita tak boleh buat satu *design* sebenarnya. Dia mengikut kehendak Orang Asli tersebut atau mengikut kawasan permintaan mereka.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Yang Berhormat.

Tuan Manolan bin Mohamad: Mungkin kos itu sama cuma *design* itu berbeza itu tidak menjadi masalah sebenarnya sebab kalau kita bina rumah yang mereka tidak selesa pun tak guna juga. Kenapakah kita nak memaksa orang rumah yang dia tak setuju? Ada orang suka rumah batu, ada orang rumah papan. Kita bagi dia rumah batu kita pun tak nak kita nak rumah papan, dia lebih elegan macam di Dewan yang mulia ini. Tengok papan sahaja, bukan? Walaupun batu di dalam di luar ada papan contoh. Jadi itu maksud dia.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Mohon mencelah.

Tuan Manolan bin Mohamad: Silakan Tan Sri.

Timbalan Yang di-Pertua: Memandangkan masa dah lebih jam satu ini pencilan yang terakhir.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Seminit jer nak *support* Bob.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini yang terakhir.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Nak *support* Yang Berhormat Bob aje. Datuk Yang di-Pertua, saya- Bob gelarkan saya 'penasihat Orang Asli'. Saya dengar apa Yang Berhormat Manolan cakap tadi iaitu tentang kemasukan pengambilan pegawai dan kakitangan baru tidak ada seorang pun Orang Asli.

Saya rasa Datuk Yang di-Pertua, kita minta sangat supaya dalam jawapan rumusan daripada kementerian, daripada pihak yang berwajib nanti biarlah dinyatakan secara spesifik pengambilan mesti ada Orang Asli supaya dapat membuat rumah selesa Orang Asli, nak buat bantuan pun selesa Orang Asli. Kalau tidak kita sampai bila tak akan bertemu, tidak ada titik pertemuan untuk kita nak membantu Orang Asli ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Mungkin Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah ada?

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Dia bukan desa.

Timbalan Yang di-Pertua: Kementerian Pembangunan Wilayah, ada dalam Dewan..?

Datuk Razali bin Idris: Tak ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Tolong ya, tolong yang saya sebut dua hari lepas, saya nak wakil-wakil daripada kementerian sekurang-kurangnya ada dalam Dewan... [Tepuk] Seorang pun tak apa kerana tujuan untuk nak merekodkan apa-apa cadangan dan permintaan daripada Ahli-ahli Dewan Negara yang penting.

Yang Berhormat Manolan, sambung ya.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tan Sri Fatmi. Saya minta supaya dimasukkan dalam ucapan saya. sangat baik itu, saya setuju sangat. Saya setuju sangat supaya kita nak justifikasi kenapa Orang Asli tidak ada dalam pengambilan baharu ini, sedangkan ini yang dibangkitkan oleh Orang Asli. Poin saya mana tadi yang terakhir? Okey, okey.

Terakhir Datuk Yang di-Pertua, saya kalau tak sebut berkenaan dengan tanah adat Orang Asli ini memang tak sah orang cakap. Ini setiap kali perbahasan saya akan sebut daripada dulu lagi sebab isu tanah ini adalah satu isu yang serius di kalangan Orang Asli seperti yang saya selalu sebutkan.

Orang Asli ini tidak ada harta yang ada harta adalah mereka yang ada tanah yang mereka duduk. Mereka tidak ada saham berbilion-bilion, mereka tak ada rumah besar, tak ada kereta besar, itu sahaja yang mereka ada, tetapi mereka duduk di situ hanya duduk tinggal di tempat yang tidak diiktiraf oleh kerajaan. Tidak diwartakan sebagai Tanah Adat Orang Asli. Apabila pengambilan tanah berlaku, mereka dipindahkan dan mereka *back to square one* balik dan pindah tempat baharu. Kena ambil, pindah tempat lain.

Jadi, kehidupan mereka ini macam itu sahaja. Jadi saya minta sangat dan saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya campur tangan dalam isu ini khususnya dalam Majlis Tanah Negara supaya dapat menyelesaikan isu yang tertunggak sekian lama ini. Sebab kita tidak mahu- saya setiap kali pergi ke kampung Orang Asli ini bertanya ini. Apabila saya tanya apa soalan untuk nak saya tanya di Parlimen, tak ada lain semua isu tanah. Kalau kita pergi mana-mana perkampungan Orang Asli kalau kita tanya sepuluh soalan atau sepuluh jawapan, permasalahan dia lapan isu tanah yang lain isu pendidikan, kebajikan, infrastruktur dan sebagainya.

Maka itu saya mohon sangat di mana tanah-tanah yang telah lulus untuk diwartakan ini, yang telah lulus di peringkat kerajaan negeri supaya diwartakan. Sebab ada juga tanah-tanah yang telah diluluskan, tetapi belum diwartakan. Apakah masalah dia yang tertunggak lama?

Ada juga yang telah diukur dihantar kepada kerajaan negeri untuk mendapatkan kelulusan yang ini juga saya minta kementerian supaya menyenaraikan- berapakah tanah yang telah diukur untuk kelulusan, jumlah dia, keluasan dia dan kampung mana? Seterusnya jumlah tanah yang telah lulus di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ini, tetapi belum diwartakan?

Jadi, yang ini juga saya minta supaya pihak kementerian memberikan data secara detil supaya mudah untuk penduduk kampung itu tersebut tahu, ini kampung saya ini dah warta ke belum dan lulus ke belum apa status kampung saya? Tiba-tiba ada orang masuk kampung buat sukatan. Buat sukut ukur kampung dia. Dia ingat- untuk perkampungan rupanya nak buat *highway* dekat kampung dia.

Jadi ini masalah dia orang kampung tidak tahu. Jadi itu saja poin saya yang terakhir Datuk Yang di-Pertua, maka itu saya menjunjung kasih dan menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Manolan. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditempokkan dan akan bersambung semula jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.11 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Menyambung perbahasan kita. Sekarang saya menjemput Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan untuk berbahas.

2.32 ptg.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Malaysia Madani dan salam sejahtera. *Alhamdulillah hirobbilil alamin... [Berselawat]*

Rakaman ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk ikut menyampaikan ucapan menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar.

Ucapan tahniah juga saya rakamkan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang baharu atas pelantikan sebagai teraju Dewan Negara yang mulia. Bersama-samalah kita menjunjung kasih kepada Yang di-Pertuan Agong kerana menyampaikan Titah Diraja yang penuh hikmah untuk menjadi pedoman Ahli-ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat, kerajaan, penjawat awam dan sekalian rakyat jelata Baginda demi kesejahteraan, keamanan dan kerukunan hidup bersama.

Saya menekankan frasa 'titah yang penuh hikmah' kerana kini sebahagian kita seolah-olah telah kehilangan hikmah, sehingga terjadi pertikaian dan perseteruan, sebahagiannya tentang isu teras dan sebahagiannya isu pinggiran yang sewajarnya diungkapkan dan dibincangkan dengan penuh hikmah, bukan menurut emosi yang tidak terkawal atau untuk *meladeni* kepentingan sempit. Keprihatinan dan rasa kasih sayang Baginda kepada seluruh rakyat jelata sesungguhnya amat membekas di hati sanubari sekalian kita dengan ungkapan kata kunci pesan Baginda iaitu 'sentiasa menghayati denyut nadi rakyat kerana menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membela nasib mereka'.

Sama-samalah juga kita hayati dan kita dukung peranan luhur Yang di-Pertuan Agong sebagai wakil Raja-Raja Melayu untuk memastikan kedaulatan tanah air, kemakmuran negara dan kesejahteraan untuk rakyat sentiasa dipelihara. Institusi raja perlu sentiasa dihormati dan dinilai tinggi sebagai bahagian penting dalam sistem pemerintahan dan kehidupan di negara ini sebagai kesinambungan sejarah yang penting di negara dan di rantau ini. Oleh itu, tidak wajar mana-mana pihak menyuarakan pernyataan yang mempertikaikan atau mencemarkan kemurnian institusi itu.

Tuan Yang di-Pertua, penegasan Baginda di bahagian awal Titah tentang peri pentingnya kerja secara berpasukan dan pertanggungjawaban bersama amat perlu disusuli secara praktis oleh semua pemimpin yang diberi amanah. Demikian juga gandingan kerjasama antara pihak kerajaan dengan pihak yang selama ini disebut pembangkang perlu diutamakan, mengatasi sentimen kepartian dan ideologi.

Sehubungan dengan itu, saya turut mendukung gagasan Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika masih menjadi Sultan Johor Darul Takzim dalam Titah di Dewan Undangan Negeri Johor pada awal bulan Mac 2023 agar istilah 'pembangkang' ditukar menjadi 'pengimbang', sesuai dengan peranan semak dan imbang. Dengan penukaran itu, sentimen kepartian yang agak keras itu dapat diatasi.

Semalam Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina pun ada menyentuh penekanan yang sama. Sayangnya media di negara kita tidak menonjolkan gagasan itu. Sebaliknya, media di negara jiran iaitu *Berita Harian* Singapura keluaran 21 Mac 2023 membuat liputan akan Titah Baginda dan turut mendapatkan ulasan daripada saya.

Apa pun yang penting ialah semangat bahu-membahu dan berjiwa besar dalam kalangan semua pemimpin dan wakil rakyat demi keutuhan dan kemajuan negara meskipun kelainan sikap dan pandangan pasti boleh sahaja kita raikan. Cuaca di sekitar kita kian panas kerana perubahan iklim global, tetapi usahlah ditambah kepanasan itu dengan pertikaian politik.

Terkait dengan hal itu, amat penting wujudnya keharmonian antara pemimpin dengan penjawat awam yang menjadi tulang belakang pelaksanaan segala dasar negara. Rasa saling menghormati antara kedua-dua pihak itu dan sikap profesional amat penting supaya program pembangunan negara dapat dilangsungkan dengan berkesan.

Saya mengambil kesempatan menyarankan agar para pemimpin, penjawat awam dan bahkan rakyat biasa menghayati salah satu warisan karya besar kita, iaitu *Taj Us-Salatin* atau Mahkota Raja-Raja yang memerikan atau menghuraikan ciri-ciri positif pemimpin, penjawat awam dan peranan rakyat dalam pelaksanaan pentadbiran sebuah negara. Buku itu telah pun diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan terbaharu dalam bentuk karya agung edisi mewah oleh Yayasan Karyawan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang turut ditegaskan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Baginda ialah kewajipan menghormati Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang utama negara dan juga sebagai hasil persetujuan Raja-Raja Melayu sendiri. Pancang-pancang kenegaraan yang dinukilkan dalam bentuk peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan wajiblah dihormati.

Selain peruntukan tentang kedudukan Raja-Raja Melayu, Baginda turut menyentuh kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan yang akan terus kekal dipelihara. Pada waktu yang sama, semua agama lain dibenarkan untuk diamalkan dengan aman, namun tidak boleh disebar kepada orang Islam. Pada hemat saya, peruntukan itu tidak menimbulkan isu dan implikasi negatif apa pun. Oleh itu, tidak wajar dipolitikkan atau malah ditolak oleh mana-mana pihak.

Isu yang berkaitan dengan percanggahan bidang kuasa Parlimen dengan bidang kuasa Dewan Negeri sebagai contoh perlu diselesaikan secara hikmah dan menurut tatacara ataupun peraturan, terutama dengan menilai perkara tertentu yang mungkin perlu dipinda atau dikemaskinikan dalam Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan Dewan Undangan Negeri mempunyai dan menzahirkan Enakmen Syariah untuk pelaksanaan di peringkat negeri.

Dalam konteks lebih besar, rakyat penduduk negara ini yang mewakili lebih 65 peratus mempunyai hak untuk diadili menurut sistem agama yang dianuti oleh mereka. Bagi penduduk bumiputera yang bukan Islam, mereka juga berhak diberi ruang agar undang-undang adat mereka turut diintegrasikan dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam reformasi undang-undang negara, kedua-dua hal itu wajar diberi perhatian. Undang-undang negara hendaklah berlandaskan falsafah dan kebudayaan negara, bukan semata-mata secara teknikal mengunghakapkan peraturan ataupun peruntukan.

■1440

Datuk Yang di-Pertua, pancang kenegaraan lain dalam Perlembagaan Persekutuan yang turut dibangkitkan oleh Baginda ialah kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan yang sama ada belum atau tidak dikuasai oleh setengah-setengah kalangan. Teguran Baginda sewajarnya diberi perhatian oleh kerajaan untuk melaksanakan dasar Bahasa Kebangsaan dengan lebih rapi dan tegas, terutama dalam penguatkuasaan penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa urusan-urusan rasmi menurut Perkara 152(6) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa urusan rasmi di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa awam.

Ketua institusi pentadbiran di kementerian, jabatan, agensi dan sebagainya wajiblah lebih proaktif dalam pelaksanaan ketetapan itu. Tidak wajar adanya sikap 'bagai pahat dengan penukul' sehingga perlu menunggu pemimpin tertinggi negara membuat arahan pelaksanaan ketetapan yang telah jelas sejak hampir tiga suku abad lalu.

Terkait dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan Bahasa Melayu, amat penting Dewan Bahasa dan Pustaka diperkasakan, terutama dengan mempunyai akta baharu bagi menggantikan Akta DBP 1959 yang tidak mempunyai wewenang penguatkuasaan selain, saya petik 'menegur, menasihati dan membimbing'. Tidak ada sama sekali kuasa DBP dalam konteks penguatkuasaan sehingga Dewan Bahasa dan Pustaka dikatakan harimau kertas kerana tidak ada kuasa.

Telah kira-kira satu dekad hasrat itu disuarakan dan draf akta baharu telah pun disiapkan. Namun hingga kini belum kedengaran perkembangannya. Diharapkan dengan kadar segera Kementerian Pendidikan Malaysia dapat membawa kertas ini ke Kabinet atau Jemaah Menteri untuk nanti diangkat sebagai satu rang undang-undang baharu di Parlimen, mudah-mudahan.

Demikian juga amat penting pengutamaan Bahasa Melayu dalam sektor-sektor lain terutama pendidikan, tempat awam, kehakiman dan media. Penegasan tentang dasar bahasa kebangsaan tidak bererti penolakan mana-mana bahasa asing, kerana setiap bahasa ada perannya. Hujah *aqli* dan hujahan *naqli* berkaitan dengan peranan bahasa amat jelas. Ayat 22 Surah Ar-Rum sebagai contoh dengan jelas menyebut hakikat kewujudan pelbagai bahasa bagi pelbagai bangsa manusia dan ada keperluan manusia berinteraksi melalui penguasaan bahasa lain atau melalui penterjemahan sebagai pemenuhan seruan *lita'arafu* atau perlu saling berkenalan antara pelbagai bangsa dan puak seperti yang terungkap dalam Surah Al-Hujurat, ayat 13 yang telah pun dibaca oleh Yang Berhormat pagi tadi.

Perlembagaan Persekutuan Perkara 152(1) pun dengan jelas membuka ruang kebebasan belajar dan menggunakan bahasa-bahasa lain, kecuali untuk urusan rasmi. Namun untuk maslahat perpaduan, kecekapan jentera pentadbiran dan pendemokrasian pendidikan, peranan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa utama perlu dipenuhi dan amalan ini berlaku di sekian banyak negara sedunia.

Sedikit pengalaman saya ditugaskan oleh kerajaan di Republik Rakyat China beberapa tahun di universiti tempat saya ditugaskan Universiti Pengajian Asing Baijing ataupun *Beijing Foreign Studies University* diajarkan 120 bahasa asing. Namun, dalam urusan kenegaraan dan sebahagian urusan antarabangsa tetaplah bahasa Mandarin sebagai Bahasa Kebangsaan negara itu yang diutamakan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru pulang dari Jerman dan saya yakin sebagai orang yang kuat membaca beliau pasti menemukan kisah ahli falsafah Jerman Gottfried Leibniz yang berjaya menasihati pemimpin negara itu agar membangun dengan menurut acuan sendiri, termasuk mengutamakan bahasa Jerman. Hasilnya Jerman yang pada abad ke-17 ketinggalan berbanding dengan negara-negara lain di Benua Eropah, kemudian muncul menjadi kuasa ekonomi yang terbilang hingga kini.

Ucapan Perdana Menteri Pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menyimpulkan peri pentingnya bahasa kebangsaan, iaitu saya petik, "Bahasa Kebangsaan ibarat roh kepada jasad, tanpa Bahasa Kebangsaan, jasad tidak bererti apa-apa." Itulah juga maksud yang terkandung dalam ungkapan '*Bahasa Jiwa Bangsa*' (dalam konteks negara ini, kita sebagai bangsa Malaysia).

Maka itu ruang perlu dibuka oleh kerajaan untuk satu kajian penilaian yang tuntas dan menyeluruh tentang keberkesanan pelaksanaan bahasa kebangsaan dalam pelbagai sektor. Yang unggul ialah pelaksanaan satu aliran kebangsaan untuk pendidikan semua anak kita sebagaimana yang dibahaskan, dibincangkan tengah hari tadi, sebagaimana yang pernah juga dititahkan oleh Sultan Ibrahim bagi negeri Johor. Di sekolah itu anak-anak kita dapat berada di bawah bumbung yang sama dan bahasa-bahasa selain Bahasa Melayu, khasnya yang mewakili etnik dapat diajarkan untuk tujuan persefahaman dan perpaduan sehingga tidak timbul kehilangan warisan masing-masing etnik dalam soal bahasanya dan dapat pula semua murid menguasai bahasa-bahasa lain.

Di Sabah dan Sarawak di Sarawak bahasa Iban, di Sabah bahasa Kadazan Dusun telah pun menjadi mata pelajaran dan ini dapat dipraktikkan. Jalan ke arah itu memang masih jauh dan berliku-liku, tetapi mungkin negeri Johor- sebagai cadangan Yang Berhormat Dato' Abdul Halim semalam, mungkin Johor dapat memulakannya sebagai program rintis dengan bersikap praktis. Dalam keadaan kini kerana tidak mungkin dengan tiba-tiba kita menutup sekolah vernakular, maka dalam sidang yang sebelum ini saya ada mencadangkan agar Kementerian Pendidikan Malaysia merancang proses meluaskan peranan Bahasa Melayu sebagai ciri kebangsaan yang penting di sekolah jenis kebangsaan dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

Untuk permulaan, sekurang-kurangnya bagi sejumlah mata pelajaran kalau tidak semua, bukan sekadar pengajaran Bahasa Melayu sebagai satu mata pelajaran semata-mata. Usul Penyata Razak 1956 yang diperkukuh oleh Penyata Rahman Talib 1960 agar secara beransur-ansur Bahasa Kebangsaan dijadikan bahasa utama sektor pendidikan usahlah hendaknya dilupakan dan dialpakan.

Kini telah 60 tahun kedua-dua penyata pendidikan itu disuarakan, tetapi tampaknya usul kedua-dua penyata tidak terpenuhi walaupun dalam tempoh tertentu di bawah pimpinan Almarhum Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman bin Ya'kub sebagai Menteri Pendidikan pada tahun 1968, sekitar begitu, telah berjaya dilakukan transformasi sekolah aliran Inggeris kepada sekolah kebangsaan, termasuk sekolah menengah kebangsaan.

Proses peningkatan peranan bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan yang saya sebut itu tidak semestinya mendadak dan boleh dilakukan secara berjadual. Dalam kes mata pelajaran Bahasa Melayu pun saya lihat- saya tidak dapat menemukan sebarang rasional mengapa perlu ada dua buku teks yang berlainan untuk sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Yang nyata pula buku teks sekolah jenis kebangsaan ternyata lebih rendah sedikit daripada kandungan dan kemahiran bahasa untuk sekolah kebangsaan. Ini pada hemat saya, satu bentuk ketidakadilan kepada generasi muda warganegara yang sepatutnya diberi ilmu, diberi kemahiran bahasa yang setara sebagai anak warganegara.

Saya harap Kementerian Pendidikan memberikan penjelasan tentang perkara ini. Kalau pelajar saya di *Beijing Foreign Studies University* dapat menguasai Bahasa Melayu dalam tempoh dua semester, mengapa tidak anak-anak kita. Saya yakin mereka mampu, tapi masalah birokrasi di kementerian mungkin tidak menyedari perkara ini.

Datuk Yang di-Pertua, Perpaduan Kebangsaan merupakan isu lain yang dititahkan oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong agar kerajaan merangka satu dasar ke arah perpaduan rakyat yang lebih kukuh dan harmoni. Saya tahu dan saya faham Kementerian Perpaduan telah bekerja keras menzahirkan sebuah buku Dasar Perpaduan Negara pada tahun 2021 sebagai kerangka besar untuk tujuan Perpaduan Kebangsaan, tetapi buku itu hendaklah diterjemahkan dalam bentuk program-program yang bersepadu dengan pengertian perpaduan bukan kerja sebuah kementerian.

Perlu ada pendekatan merentas kementerian, jabatan, agensi, pertubuhan dan sektor lain untuk memastikan Kementerian Perpaduan tidak bersendirian dalam pengisian amanah memupuk perpaduan kebangsaan. Sektor yang paling utama tentulah pendidikan dan ini disebut oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong, 'hendak melentur buluh biarlah ketika rebung', baik peringkat persekolahan mahupun pendidikan tinggi dan sektor media komunikasi selain Kementerian Pelancongan dan Seni Budaya.

Berkaitan dengan isu perpaduan, amat penting gagasan kepemimpinan melalui teladan diamalkan supaya perpaduan yang jernih tampak jelas di peringkat atasan untuk menjadi teladan rakyat. Manatah mungkin air di hilir diharapkan jernih, seandainya air di hulu keruh. Jadikanlah politik sebagai wasilah pembinaan manusia yang baik dan wasilah pembangunan negara bukan sebagai alat memenuhi agenda sempit sehingga berlaku percekcoakan atau pertelagahan yang menghakis perpaduan.

Mungkin Perdana Menteri faham percekcoakan, tetapi saya yakin Yang di-Pertua, Datuk Yang di-Pertua faham sebagai warga Jawa Johor. Tuntunlah generasi muda kita dan masyarakat umum melalui sahsiah mulia di peringkat kepemimpinan.

Isu akhir yang ingin saya tanggapi berdasarkan Titah Yang di-Pertuan Agong ialah sosioekonomi negara.

■1450

Keadaan ekonomi negara masih terjebak oleh keadaan ekonomi global yang tidak cukup mampan. Namun dengan rekayasa yang dilakukan oleh kerajaan, diharapkan pemulihan itu dapat beransur-ansur dicapai.

Saya ingin terus-menerus menegaskan pentingnya keadilan sosioekonomi menjadi teras semua program pembangunan negara. Roh atau semangat Dasar Ekonomi Baru tahun 1970 di bawah pimpinan Almarhum Tun Abdul Razak perlu terus dijadikan landasan. Matlamat serampang dua-mata, iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia mestilah terus dijadikan matlamat abadi.

Dalam ucapan sidang pada tahun 2023, saya mengungkapkan bahawa kemiskinan bukan milik kaum tertentu. Maka kemiskinan mana-mana kaum hendaklah ditangani secara adil. Maka itu, semua golongan dalam kategori miskin mesti diberi perhatian utama dalam program-program pembangunan ekonomi negara tanpa mengira kaum. Takdirnya bumiputera masih berada pada tahap ketinggalan yang ketara dalam menikmati kek ekonomi negara dan program sosioekonomi yang terancang dilaksanakan dengan berkesan perlu terus diperhebat.

Rumusan Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 yang berlangsung pada 29 Februari hingga 2 Mac 2024 yang lalu perlu diterjemahkan dalam bentuk program yang berupaya melonjakkan taraf sosioekonomi bumiputera, khasnya yang berasaskan 3P, iaitu penyertaan, pemilikan dan penguasaan.

Saya menyokong kuat harapan agar dalam pelaksanaan semua program, semua bumiputera hendaklah diberi perhatian yang seadil-adilnya. Ada orang Melayu, ada puluhan etnik bumiputera, Orang Asli dan etnik di Sabah sekitar 50 kaum etnik, di Sarawak sekitar 30 kaum etnik dan tidak harus wujud anak tiri dan anak emas. Kesemua etnik hendaklah dilayan sebagai anak emas.

Sesi petang Selasa, 19 Mac yang lalu berakhir dengan keresahan wujudnya ketidakpedulian atau kurang kepedulian kerajaan kepada wilayah tertentu. Ini berkaitan dengan soal menyusun masyarakat Malaysia termasuk soal kewilayahan dengan mengambil kes Labuan di Wilayah Persekutuan yang tidak dibangunkan sewajarnya sedangkan potensinya menjadi daya tarik pelancong dan sumber ekonomi negara cukup besar.

Pada waktu yang sama, usah pula diabaikan atau dinafikan hak sah rakan-rakan kita daripada kaum-kaum yang lain kerana Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyebut ketetapan tersebut selain menegaskan kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera, iaitu hak sah kaum-kaum yang lain. Semasa bertugas di Republik Rakyat China, saya pernah menyarankan agar diadakan kajian tentang budaya niaga dan keusahawanan di negara itu dan pelajar siswazah, pasca siswazah perlu dihantar untuk mengikuti Program Ijazah Pertama, Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang pentadbiran dan perniagaan negara itu. Banyak rahsia yang perlu dipelajari bahkan dalam kalangan rakan-rakan Cina kita di negara ini pun kita patut melakukan kajian dan melakukan sinergi dengan kejayaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk mengulang permintaan dan harapan semua Ahli Dewan Negara tentang keperluan adanya peruntukan untuk Senator membantu badan-badan bukan kerajaan dan masyarakat yang telah pun disampaikan dalam bentuk memorandum kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Menteri Ekonomi dalam sidang pada tahun 2023.

Ini saya kira selaras dengan pernyataan Tuan Yang di-Pertua dalam pertemuan pada petang Ahad yang lalu bahawa kita ini wakil rakyat seluruh negara, bukan kawasan tertentu. Maka saya sekali lagi mendesak agar kerajaan menimbangkan dan meluluskan peruntukan tertentu untuk Senator menabur bakti kepada rakyat... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah ucapan perbahasan saya sekadarnya dan saya mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Titah Diraja Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim. Saya akhiri dengan serangkap pantun.

*Tanjong Puteri asal namanya,
Di situ terlakar gemilangnya sejarah;
Dirgahayu Tuanku payung negara,
Menaungi rakyat berpandukan hikmah.*

Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Datuk.

Sekarang saya jemput Tuan Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim untuk berbahas.

2.54 ptg.

Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Dalam ucapan Baginda telah menyarankan supaya kita mengekalkan kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat. Baginda juga menyeru supaya perpaduan ditingkatkan. Ini kerana kita sudah mencapai kemerdekaan selama 67 tahun, tetapi perpaduan tidak begitu utuh.

Semangat perpaduan rakyat di negara ini melalui penyebaran pengetahuan, kefahaman dan penghayatan berkaitan kepelbagaian budaya serta segmen kenegaraan dalam menerapkan semangat patriotisme kepada rakyat Malaysia wajib disemarakkan. Namun, apakah cukup dengan sekadar itu untuk menggalakkan perpaduan dalam kalangan masyarakat?

Sering kali selepas program berakhir, rutin harian kehidupan masih gagal menghayati dan berpraktis perpaduan secara harmoni. Kesepaduan sosial, integrasi nasional dan perpaduan antara kaum adalah kunci untuk keharmonian, kemakmuran dan kesejahteraan negara. Mewujudkan perpaduan di Malaysia yang dilengkapi dan dilandasi usaha integrasi yang berkesinambungan sangat wajar disahut dengan penuh amanah oleh setiap peringkat masyarakat.

Ini bukan ucapan untuk merengek-rengok, tetapi lebih untuk menuju ke masa hadapan yang lebih bersatu padu untuk mengiktiraf semua rakyat bersedia untuk mengakui dan menjadikan dirinya sebagai rakyat Malaysia. Masih banyak aspek kesepaduan nasional yang perlu diambil berat. Ini bukan sekadar berkaitan dengan perpaduan antarabangsa atau kaum dan agama malah perpaduan dalaman bangsa dan agama pun dilihat masih longgar dan mudah disemarakkan dengan pelbagai propaganda.

Orang-orang Islam sering kali diusik seperti penjualan sarung kaki yang mempunyai kalimah Allah di *KK Mart*. Begitu juga barangan yang ada perkataan Allah dan Muhammad di kedai *Mr.DIY*. Ada juga bukan Islam yang membuat tafsiran Al-Quran mengikut kefahamannya sendiri. Orang-orang Islam sendiri tidak berani membuat tafsiran kecuali orang-orang yang betul-betul faham dengan sejarah turunnya setiap ayat Al-Quran. Selepas mengusik, baru nak minta maaf. Adakah anda fikir kami tidak terguris dan tidak merasa marah? Fikirkanlah sendiri jika anda mahukan perpaduan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan adalah senjata penting untuk kita mencapai kemajuan di masa depan. Perpaduan hendaklah disemai daripada masa kanak-kanak lagi. Mungkin kita boleh mulakan daripada peringkat sekolah rendah. Saya cadangkan agar pihak sekolah mengambil alih semua sekolah jenis kebangsaan dan sekolah antarabangsa menjadi sekolah kebangsaan agar semua kanak-kanak boleh berinteraksi antara satu sama lain dan saling hormat-menghormati.

Masalah makanan juga boleh mengeruhkan perpaduan antara kaum. Untuk apa menyenaraikan *bak kut teh* sebagai makanan warisan? Selama ini tidak pun timbul masalah penyenaian *bak kut teh* sebagai makanan warisan dan semua menghormati antara satu sama lain. Apa yang kita tahu, roti canai itu adalah makanan yang paling popular di dunia dan telah masuk dalam rekod. Oleh itu saya minta pihak kerajaan supaya tidak menyenaraikan *bak kut teh* sebagai makanan warisan.

Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah PADU boleh diguna sama oleh rakyat Malaysia? Sepatutnya data yang diperoleh dalam PADU dapat digunakan untuk memberi bantuan subsidi kepada rakyat Malaysia golongan B40. Ramai rakyat Malaysia tidak mendaftar dengan PADU sebab khuatir data PADU akan disalahgunakan.

■1500

Sekiranya data-data dalam PADU itu mudah didapati oleh *scammer*, ini akan menyusahkan lagi rakyat kerana mereka akan *scam* rakyat yang tidak tahu menahu pasal apa-apa yang mereka telah ditipu. Saya sendiri pun sudah kena dah, *handphone* saya dulu pun pernah kena *hack* jadi saya pun takut untuk berdaftar dengan PADU sebenarnya. Tidak ada jaminan daripada pihak kerajaan yang data PADU tidak akan disalahgunakan. Rakyat Malaysia sudah puas kena tipu, kita tidak mahu lagi ditipu, lebih-lebih lagi oleh kerajaan sendiri. Oleh sebab itu, tidak ramai yang mendaftar dengan PADU.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia terdedah kepada manipulasi harga barang. Kita tidak mempunyai kuasa membeli seperti rakyat asing terutamanya rakyat Singapura. Rakyat Malaysia di Johor tidak mampu untuk menandingi kekuatan Dolar Singapura yang membeli tanpa tawar menawar. Harga rumah untuk rakyat asing sepatutnya dikekalkan pada harga RM1 juta dan tidak diturunkan ke nilai lebih kurang yang ke RM500,000. Yang itu saya tidak faham kenapa kerajaan boleh menurunkan untuk rakyat asing membeli rumah dengan harga yang lebih murah lagi.

Sedangkan mereka, nilai duit mereka lebih tinggi daripada nilai duit kita. Jadi, kalau RM350 kita baru SGD100, jadi kenapa yang kita hendak bagi *offer* harga rumah yang sampai RM500 itu? Jadi dia cuma ada dalam 100 lebih duit Singapura lah kan? Jadi, saya tak faham kenapa ini masih dilakukan? Sekarang nilai Ringgit hampir-hampir mencapai 'nilai rahmah' berbanding dengan Dolar Amerika. Kerajaan seolah-olah tidak berbuat apa-apa untuk memperkukuhkan Ringgit.

Kalau dulu semasa jadi Ketua Pembangkang, Dato' Seri Anwar Ibrahim memberitahu rakyat kejatuhan ekonomi dan mata wang Ringgit ini disebabkan kerana kerajaan masa itu tidak ada- hendak jaga negeri. Sekarang rakyat hendak cakap balik kepada PMX, "Hang tak tahu nak jaga negerilah sekarang ini sebab itulah ekonomi terus jatuh merudum".

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan nampaknya tidak mengambil kira secara holistik bebanan yang ditanggung oleh rakyat dengan keputusan menaikkan kadar SST dan lain-lain kenaikan.

Seolah semuanya dilonggokkan ke atas bahu rakyat. Ya betul sektor makanan dan minuman tidak terbabat dengan kenaikan SST, tetapi bayangkanlah peniaga nasi campur, dengan kenaikan cukai SST sebanyak 8 peratus bagi logistik, ia menjadikan kos pengangkutan dan lain-lain pastinya akan meningkat. Kalau kos meningkat takkanlah peniaga nasi campur hendak jual harga yang sama? Mesti penjual makanan itu akan menaikkan harga. Jadi, adakah kerajaan ini tak faham kesan kenaikan cukai SST terhadap keseluruhan rangkaian bekalan?

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia, kalau tarif elektrik dan air di Malaysia telah pun dinaikkan dan kita- sanggup kah kilang-kilang yang ada di Malaysia ini untuk meneruskan perusahaannya sekiranya terpaksa menanggung bil elektrik dan air yang tinggi setiap bulan? Saya lihat dan dapat merasakan yang Malaysia tidak mesra pelabur. Bukan setakat itu sahaja, penyusutan nilai Ringgit juga menyebabkan pelabur-pelabur merasa kerugian bila mereka membawa balik duit ke negara asal mereka.

Bagaimana kita ingin menjadikan rakyat Malaysia sebagai bangsa yang berilmu dan berpengetahuan tinggi sekiranya harga buku terlalu tinggi. Ini semua kerana PM tidak pandai menjaga negeri sebab itu Malaysia menghadapi situasi seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kenaikan- dengan mengenakan SST kepada elektrik, dia akan menjadikan harga elektrik yang perlu dibayar oleh kilang-kilang ini semakin naik tinggi. Jadi saya rasa itu salah satu sebab kenapa *Goodyear* dan- cabut dari Malaysia sebab mungkin dia punya bil elektrik dia akan meningkat, mereka pun sudah buat kira-kira itu.

Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) adalah penghubung utama jalan di Semenanjung, tetapi masalahnya sekarang ini lebuhraya berkenaan selalunya sesak bagaikan tidak berbaloi membayar tol kalau dilihat daripada kesesakan yang dialami oleh penggunaanya. Cuba kita fikirkan apa yang anda rasakan sekiranya memandu dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur terutamanya sebelum musim perayaan atau cuti panjang ia akan mengambil masa lebih kurang 9 jam dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur.

Bilakah pihak Lebuhraya Malaysia akan melebarkan lebuhraya berkenaan dari Ayer Keroh hingga ke Johor Bahru? Tuan Yang di-Pertua, untuk menutup ucapan ini saya menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya jemput Dato' Ajis Sitin untuk berbahas.

3.08 ptg.

Dato' Ajis bin Sitin: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua. Selamat petang, salam sejahtera, salam Malaysia Madani dan salam perpaduan.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk saya turut membahaskan Usul Titah Diraja sempena pembukaan Penggal Ketiga Parlimen Malaysia Kelima Belas pada bulan Februari 2024 yang lalu.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah di atas pertabalan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Ke-17 pada 31 Januari 2024 yang lalu.

Saya juga setinggi-tinggi Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Raja Tengku Ampuan Pahang Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Abdullah Sultan Iskandar Al-Haj yang telah memayungi negara sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Ke-16 sehingga 30 Januari 2024 yang lalu.

Sesungguhnya Tuanku berdua telah meletakkan institusi Diraja negara ini ke-satu tahap yang tersendiri yang sangat disenangi rakyat jelata, daulat Tuanku. Seterusnya, tidak terlewat rasanya untuk saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal atas pelantikan Yang Berhormat sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-20.

■1510

Selamat datang dan selamat menjalankan tugas Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua. Yang Berhormat Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah sulung Baginda telah memaklumkan bahawa pemerintahan Baginda akan mengutamakan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

Sesungguhnya kami masyarakat Orang Asli yang terdiri daripada 18 suku kaum di negara ini amat teruja dengan Titah Tuanku tersebut. Maklumlah, kehidupan kami masyarakat Orang Asli kini semakin jauh untuk mencapai kesejahteraan hidup apatah lagi untuk menikmati kemakmuran seperti yang dikecap oleh rakan-rakan etnik lain dalam arus perdana kini.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, terdapat pandangan-pandangan dan andaian-andaian yang mengatakan Orang Asli tidak boleh maju kerana mereka malas. Terlalu bergantung pada bantuan dan subsidi kerajaan serta terlalu meminta-minta bantuan.

Ramai pemimpin masyarakat Orang Asli terasa terhina dengan kenyataan ini. Dalam situasi masyarakat Orang Asli yang menyara kehidupan dengan menjalankan aktiviti pertanian tradisional dan menyara kehidupan keluarga dengan menoreh getah yang tidak sampai pun dua ekar serta kawasan kampung yang tersepit dan dikelilingi hutan simpan kekal kerajaan, saya fikir serajin mana pun Orang Asli itu, dia tetap tidak akan melepasi garis kemiskinan tegar negara.

Apabila usul-usul yang dilakukan ini menemui jalan buntu, maka timbul istilah meminta-minta dan bergantung harap kepada bantuan kerajaan. Apatah lagi, Orang Asli mempunyai Jabatan Kemajuan Orang Asli atau JAKOA yang diwujudkan khas untuk membantu ke arah kesejahteraan hidup Orang Asli.

Sehubungan dengan itu, saya merayu kepada rakan-rakan di luar sana jangan terlalu menghina dan menyalahkan semua Orang Asli apabila mereka tidak maju sebab ada Orang Asli yang sangat berusaha untuk maju, tetapi kadang-kadang terdapat batasan-batasan daripada segi undang-undang atau sistem pentadbiran sehinggakan usaha-usaha ini tidak kesampaian. Andaian-andaian negatif seperti saya sebutkan tadi terhadap Orang Asli menyebabkan ramai tersinggung dan ingat, kami juga manusia biasa dan kami ada maruah.

Datuk Yang di-Pertua, program kebajikan Orang Asli kini semakin berkurangan. Isu-isu pengurusan kesihatan Orang Asli masih tidak mencapai tahap yang diinginkan di mana masih terdapat pesakit-pesakit atau- tidak mendapat layanan serta bantuan seperti yang ditetapkan.

Kes-kes mayat lewat dihantar ke kampung halaman di pedalaman masih kedengaran. Saya mencadangkan pihak kerajaan dapat mengkaji semula bantuan kebajikan kesihatan Orang Asli supaya peralatan, logistik serta perjawatan disediakan dengan mencukupi. Penyediaan uniform dan peralatan persekolahan adalah amat penting bagi setiap pelajar sekolah. Tanpa uniform dan peralatan sekolah yang lengkap akan menyebabkan semangat untuk pelajar belajar dan untuk ke sekolah menjadi hambar. Perkara ini adalah salah satu penyebab keciciran bersekolah di kalangan pelajar-pelajar anak Orang Asli.

Sehubungan dengan itu, demi kesejahteraan pelajar Orang Asli, saya mencadangkan supaya semua pelajar Orang Asli daripada peringkat prasekolah sehingga ke Tingkatan 6 dibekalkan dengan semua kelengkapan dan pakaian keperluan sekolah seperti uniform sekolah, pakaian untuk jasmani, pakaian sukan, pakaian kokurikulum, pakaian korporat dan sebagainya seperti mana yang diperlukan oleh pihak sekolah.

Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, perkara ini terpaksa saya ulangi setiap kali saya berbahas kerana pihak kerajaan nampaknya tidak bersungguh-sungguh untuk menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak Orang Asli ini.

Penyediaan peralatan uniform sekolah ini mungkin dipandang remeh, tetapi kepada ibu-bapa Orang Asli yang datangnya dari pedalaman Pahang, Perak dan Kelantan, ia sangat sukar dan amat membebankan. Sebagai contoh, saya pernah diminta oleh satu sekolah di Kuala Lipis, Pahang untuk membantu menyediakan pakaian sekolah kepada seramai 60 orang pelajar Orang Asli yang masuk ke sekolah di situ.

Ini menunjukkan betapa ketidakmampuannya ibu-bapa Orang Asli menyediakan uniform sekolah kepada anak-anak mereka yang ingin bersekolah, tetapi soalan lisan saya kepada pihak kerajaan mengenai perkara ini mendapat jawapan yang sangat negatif, tiada keutamaan.

Untuk makluman, pada masa sekarang kerajaan hanya menyediakan uniform sekolah kepada pelajar baru yang memasuki sekolah rendah Tahun 1 dan sekolah menengah Tingkatan 1 sahaja sebagai insentif untuk menarik perhatian pelajar-pelajar tersebut supaya mendaftarkan diri lagi ke sekolah-sekolah yang terlibat. Bantuan ini tidak mencukupi.

Sehubungan dengan itu, saya mohon pihak kerajaan atau JAKOA mengkaji semula keutamaan ini dan menjadikan inisiatif bekalan peralatan dan pakaian sekolah sebagai keutamaan jabatan termasuk juga semua keperluan pelajar-pelajar Orang Asli semasa memasuki asrama.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, ramai belia dan beliawanis Orang Asli berada di pelosok kampung-kampung di merata-rata di seluruh negara. Mereka ini bersekolah sehingga sekurang-kurangnya Tingkatan 3 sehingga ke Diploma dan ada juga yang memegang Ijazah Sarjana Muda. Mereka telah mencuba mengisi borang untuk bekerja di sektor awam namun selalu gagal.

Sehubungan dengan itu, dengan fokus kerajaan kepada memperkasakan pendidikan TVET, saya mencadangkan pusat latihan TVET disediakan khas untuk anak-anak Orang Asli. Pusat-pusat latihan TVET ini dicadangkan didirikan dalam atau berhampiran penempatan Orang Asli yang dominan seperti di Kuala Lipis, Pahang, di Sungai Siput, Perak dan di Gua Musang, Kelantan.

Di samping penyediaan TVET kepada belia dan beliawanis Orang Asli, kerajaan juga boleh memperkasakan anak-anak Orang Asli yang berkelayakan untuk menjadi sumber tenaga pengajar dan pekerja di pusat-pusat TVET tersebut. Semoga dengan inisiatif ini, akan ramailah anak-anak Orang Asli yang akan mengambil bahagian dalam TVET dan tiada lagi alasan mereka tidak mahu belajar TVET kerana pusat latihan TVET berada jauh dari kampung dan akan memerlukan perbelanjaan yang besar. Dengan pendekatan ini, akan ramai anak-anak Orang Asli yang boleh berkhidmat dalam sektor swasta yang menawarkan kemahiran TVET tersebut.

Datuk Yang di-Pertua, projek Tanaman Semula Komersial (TSK) kelapa sawit untuk meningkatkan sosioekonomi Orang Asli adalah satu-satunya projek ekonomi yang disediakan kerajaan yang sangat praktikal dan berjaya mencapai objektifnya. Projek ini mempunyai 154 buah ladang TSK dengan keluasan lebih 21,000 hektar tanah kawasan Orang Asli di seluruh negara yang telah dimulakan pada awal tahun 2000.

Dengan kos permulaan projek berjumlah lebih RM338 juta, TSK ini telah memberi manfaat kepada 9,000 orang ketua isi rumah Orang Asli. Projek ini sepatutnya menyumbangkan dividen tunai sekurang-kurangnya RM450 sebulan kepada peserta. Namun, sejak kebelakangan ini pengurusan ladang-ladang tersebut sudah menjadi tidak teratur dan banyak ladang-ladang yang sudah tidak membayar lagi dividen seperti sepatutnya.

Dengan semangat Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 untuk mewujudkan masyarakat usahawan, saya mencadangkan ladang-ladang TSK Orang Asli ini diuruskan oleh usahawan-usahawan kelapa sawit daripada kalangan Orang Asli sendiri yang berkemampuan. Ini satu-satunya peluang yang wujud bagi mengangkat Orang Asli menjadi sebagai warga usahawan untuk sama-sama menikmati hasil daripada kemakmuran yang dikecap.

Setelah hampir 25 tahun Orang Asli bekerja makan gaji dan menimba pengalaman di ladang-ladang TSK mereka sendiri, kini sampai masanya mereka diberi peluang untuk mereka mengusahakan ladang mereka sendiri dengan pemantauan dan khidmat nasihat serta bantuan daripada JAKOA jika diperlukan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, perkara ini juga saya ulangi setiap kali saya berbahas kerana perkara ini sangat penting dan mustahak, tetapi pihak JAKOA dilihat lepas tangan dan tidak serius untuk benar-benar ingin membantu meningkatkan taraf ekonomi Orang Asli. Masyarakat Orang Asli sudah ramai yang mempunyai kemudahan dan kemampuan untuk mengusahakan ladang kelapa sawit. Bimbing dan memperkasa mereka untuk membantu kampung dan masyarakat mereka sendiri. Bantu di mana kurang dan mantapkan lagi di mana perlu.

Kemiskinan tegar di negara ini didominasi oleh masyarakat Orang Asli. Masyarakat Orang Asli sangat daif. Mereka berada di perkampungan dalam hutan dan mengamalkan cara hidup tradisi di mana kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang.

■1520

Tiada peluang pekerjaan untuk menjana pendapatan. Kawasan perkampungan telah dibatasi oleh kawasan hutan simpanan kekal dan tiada peluang untuk memperluaskan kawasan tanaman supaya boleh dikomersialkan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini ada menyatakan bahawa kemiskinan tegar di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka telah pun dinoktahkan. Pertanyaan saya kepada kerajaan, adakah masyarakat Orang Asli yang berada di negeri-negeri tersebut di negeri Selangor seramai 20,991 orang, Negeri Sembilan seramai 12,221 orang dan negeri Melaka seramai 1,883 orang itu telah juga melepasi garis kemiskinan tegar negara. Saya sentiasa berdoa agar semua Orang Asli di negara ini dapat melepasi garis kemiskinan tegar. Untuk makluman, kajian terbaru ialah seramai 21 peratus Orang Asli adalah berada di bawah garis kemiskinan tegar.

Di dalam meniti kemakmuran negara, masyarakat Orang Asli masih bergelut dengan isu-isu berkaitan status tanah tempat tinggal mereka dan tanah-tanah kawasan bercucuk tanam mereka. Isu ini berlarutan begitu lama. Mengikut laporan sebanyak 134,000 hektar tanah telah dikenal pasti untuk dirizabkan untuk Orang Asli di seluruh negara di mana 32,700 hektar telah diwartakan sebagai rizab Orang Asli dan selebihnya masih dalam tindakan di pelbagai peringkat sama ada kerja ukur, kelulusan pihak berkuasa negeri dan sebagainya.

Oleh sebab tanah menjadi sangat sensitif dan penerokaan orang luar semakin menjadi kritikal sekarang, saya mohon pihak Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah atau JAKOA untuk mengambil tindakan yang lebih agresif lagi untuk berbincang dengan semua pemegang taruh terutamanya pihak berkuasa negeri supaya tanah-tanah Orang Asli itu dapat diwartakan di bawah Akta Orang Asli [*Akta 134*] secepat yang mungkin.

Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin membangkitkan isu usahawan Orang Asli. Usahawan Orang Asli kini bukan lagi sekadar usahawan yang menjual kraf dari kayu buruk, madu lebah, herba-herba hutan dan lain-lain yang berkait rapat dengan tradisi dan kehidupan mereka. Orang Asli kini sudah menjadi pemaju hartanah, menjadi kontraktor bertaraf G1 sehingga G7, usahawan pertanian, pembekal dan berbagai-bagai lagi.

Saya sangat menyambut baik dan menyokong syor-syor dan inisiatif yang diterbitkan melalui Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 bahawa masyarakat bumiputera hendaklah menjadi masyarakat usahawan bagi mengimbangi rakan-rakan kita daripada kaum lain. Orang Asli seharusnya tidak dikecualikan daripada pernyataan tersebut.

Oleh hal yang demikian, saya mencadangkan pihak kerajaan memberikan peluang seluas-luasnya kepada usahawan-usahawan Orang Asli. Untuk itu, projek-projek atau inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di perkampungan Orang Asli hendaklah ditawarkan kepada usahawan-usahawan Orang Asli selagi mereka mempunyai kelayakan, kemampuan dan keupayaan untuk melaksanakan projek tersebut.

Apa yang berlaku sekarang adalah mendukacitakan sehinggakan kontrak pengangkutan pelajar sekolah yang dulunya menjadi kontrak tradisi yang diusahakan oleh Orang Asli kini dimaklumkan telah ditawarkan kepada syarikat GLC. Saya mohon kerajaan mendengarlah denyut jantung masyarakat Orang Asli ini, upayakanlah usahawan-usahawan Orang Asli.

Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, kita amat bertuah berada di kota metropolitan Kuala Lumpur. Kita bangga mempunyai bangunan pencakar langit antara yang tertinggi dan tercantik di dunia, mempunyai gedung-gedung barang mewah bertaraf dunia dan jalan raya serta sistem aliran lalu lintas terurus dengan baik.

Malangnya, keperluan tempat letak kereta di mana-mana tempat di Kuala Lumpur tidak mencukupi termasuk juga di premis-premis kerajaan seperti hospital, balai polis dan pejabat-pejabat kerajaan yang lain. Lebih teruk lagi, kawasan-kawasan taman perumahan awam.

Saya mengambil contoh di kawasan perumahan awam Taman Dato' Senu, Sentul dan sekitarnya. Tempat letak kereta di tepi jalan-jalan awam itu dipenuhi dengan kon-kon, *barrier* jalan, pasu bunga, bakul sampah dan sebagainya yang menandakan bahawa tapak itu telah di cop dan tidak boleh digunakan oleh kereta lain.

Contoh kedua ialah rizab jalan di jalan-jalan di kawasan Bandar Baru Sentul kawasan *SkyAwani* kini telah penuh dengan kedai-kedai runcit, pasar basah dan *workshop* membaiki motor dan kereta. Contoh berikutnya adalah Jalan Ipoh berhampiran kawasan Madura yang dulunya sangat bersih, kini laluan pejalan kakinya telah dipenuhi dengan pasar basah dan perniagaan runcit. Keadaan-keadaan ini sangat tidak terurus, kotor dan menyusahkan orang ramai. Lebih teruk lagi kedai-kedai tersebut mengakibatkan kesesakan lalu lintas dan sangat bahaya. Di manakah penguat kuasa DBKL? Saya pun tak pasti sama ada ini telah dibenarkan oleh pihak DBKL.

Sehubungan dengan itu, saya mohon pihak kerajaan melihat kembali perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya. Saya percaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ada *zoning* untuk kawasan-kawasan perniagaan, *workshop*, pasar basah dan sebagainya. Bersihkan semua kereta buruk yang tidak digunakan lagi dan buang semua tanda cop tempat letak kereta supaya jalan itu menjadi lega dan bersih dan tapak kereta itu menjadi parkir awam semula.

Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato' Ajis. Sekarang saya jemput Datuk Lim Pay Hen untuk berbahas.

3.26 ptg.

Datuk Lim Pay Hen: Salam sejahtera saya ucapkan kepada Datuk Seri Yang di-Pertua dan seluruh Ahli Dewan Negara. Bersyukur saya kerana masih diberi peluang dan ruang untuk berdiri di sini pada hari ini membahaskan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pertamanya di kesempatan ini, saya dengan penuh rasa takzim ingin merafak sembah ucapan tahniah dan taat setia kepada Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar atas pelantikan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-17.

Sebagai seorang Ahli Dewan Negara yang berpegang kepada teras Perlembagaan, saya cukup yakin bahawa Tuanku akan membawa kesejahteraan dan keharmonian kepada negara yang kita cintai ini. Mengulas kembali Titah Tuanku yang lalu, saya turut berharap agar kepimpinan kerajaan hari ini dapat terus diperkukuhkan demi menjaga kemaslahatan sekalian rakyat yang bernaung di bawahnya.

Oleh itu, ada beberapa perkara yang ingin saya sampaikan bagi hemat saya perlu diberikan perhatian oleh pimpinan kerajaan hari ini. Pertamanya berkaitan dengan kenaikan cukai jualan dan perkhidmatan daripada enam peratus kepada lapan peratus. Saya sedia maklum bahawa kerajaan telah mengumumkan banyak barangan dan perkhidmatan asas akan dikecualikan daripada peningkatan cukai ini di antaranya makanan, minuman, perkhidmatan telco, logistik dan *parking*.

Namun begitu, masih terdapat beberapa elemen asas lain yang perlu diberikan pengecualian di mana kerajaan masih lagi terlepas pandang. Saya telah mendengar banyak keluhan rakyat di bawah berkaitan kenaikan harga insurans dan takaful. Perkhidmatan insurans dan takaful pada masa ini bukan lagi milik golongan T20, malah majoriti golongan M40 kini memiliki pelan perlindungan. Kenaikan harga insurans dan takaful ini sekali gus membebankan rakyat kerana ia termasuk dalam elemen asas kewangan rakyat.

Malangnya, bukan sekadar melibatkan insurans, nyawa dan perubatan, tetapi juga insurans kereta. Insurans kenderaan ini wajib. Golongan B40 juga memiliki kereta. Apabila harga insurans kereta juga naik dua peratus, ini sekali gus menjejaskan semua golongan. Maka, tidak benar jika kerajaan katakan kenaikan SST sebanyak dua peratus tidak akan menjejaskan golongan rentan. Itu elemen yang pertama.

Kedua, kenaikan SST sebanyak dua peratus telah mengakibatkan semua rakyat Sabah, Sarawak yang merantau di Semenanjung terjejas kerana harga tiket penerbangan akan naik.

■1530

Sudahlah pasca COVID-19 harga tiket penerbangan Sabah, Sarawak naik mendadak sehingga membebankan golongan M40, B40 juga pelajar. Kemudian, ditambah lagi dengan kenaikan SST. Ini cukup membebankan rakyat. Kerajaan perlu peka bahawasanya bukan semua rakyat menaiki kapal terbang untuk bermewah-mewah, tetapi ada sebahagian yang naik kerana keperluan untuk pulang ke kampung menjenguk ibu dan ayah.

Seterusnya, kos perubatan juga akan naik. Kos perubatan ini bukan hanya golongan T20 yang perlu tanggung. B40, M40 juga menanggung kos perubatan terutamanya bagi keluarga yang mempunyai anak-anak yang ramai. Kerajaan mungkin boleh memberi cadangan agar golongan rentan ini mendapat rawatan di klinik kesihatan kerajaan, tetapi adakah fasiliti klinik kesihatan yang wujud cukup untuk menampung bilangan pesakit luar? Sebelum kenaikan SST pun kita sentiasa mendengar keluhan berkaitan masa menunggu yang amat lama di klinik kesihatan.

Selepas ini, bagaimanakah pula? Tidak cukup dengan itu, peniaga dan usahawan PMKS juga turut terkesan berikutan kos perkhidmatan profesional seperti sistem perakaunan dan pengauditan semua telah naik. Mungkin kerajaan selepas ini akan mencadangkan lebih banyak bantuan diberi kepada rakyat, tetapi kerajaan perlu mengimbangi bantuan antara golongan B40 dan M40. M40 adalah golongan yang paling terjejas teruk dengan ekonomi sekarang. Mereka perlu membayar cukai. Dalam masa yang sama mereka dikecualikan daripada- dari pelbagai bantuan.

Pada hemat saya, jikalau Ringgit Malaysia kini sedang terjejas teruk, kerajaan sepatutnya menahan segala bentuk kenaikan cukai dahulu. Persoalannya, bagaimana kerajaan boleh memastikan kenaikan SST akan membawa lebih manfaat kepada negara sebagaimana GST yang mampu menangani masalah ketirisan dan masalah pengelakan cukai oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Datuk Seri Yang di-Pertua, jika tadi saya sebutkan mengenai masalah rakyat Sabah, Sarawak yang terus dihimpit dengan kos penerbangan yang luar biasa mahal sekarang ini, saya juga ingin menyampaikan kepada kerajaan bahawa sesetengah bantuan yang diumumkan kerajaan juga tidak dapat dinikmati rakyat Sabah dan Sarawak seperti subsidi tol percuma pada musim perayaan.

Jika kita lihat subsidi musim perayaan ini hanya dinikmati oleh rakyat Semenanjung, tetapi di Sabah, Sarawak pada musim perayaan, syarikat-syarikat penerbangan mengambil kesempatan dengan menekan harga yang boleh saya katakan luar biasa melampau. jadi, wujud ketidakadilan subsidi perayaan buat rakyat Sabah dan Sarawak. Perkara ini perlu diambil serius kerana rakyat Sabah, Sarawak juga adalah rakyat yang membayar cukai.

Seterusnya Datuk Seri Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perihal bantuan Geran Pelancaran (GP) iaitu kepada kumpulan sasar JKM bagi memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dengan nilai maksimum RM2,700. Di sini, saya ingin memohon agar kerajaan menunjukkan kategori yang berbeza bagi, bagi kumpulan sasar yang melibatkan individu OKU. Kalau boleh saya minta supaya kerajaan semak kembali nilai bantuan ini dan ditingkatkan bantuan kepada sekurang-kurangnya 5,000 buat peniaga OKU. Ini kerana golongan ini memerlukan sokongan tambahan berbanding mereka yang normal.

Datuk Seri Yang di-Pertua, baru-baru ini juga kita telah dikejutkan dengan berita yang bahasanya kerajaan telah mengembalikan subsidi gula kepada pengeluar gula terbesar negara Malaysia negara iaitu *Malaysia Sugar Manufacturing (MSM)*. Tindakan ini saya lihat adalah tidak selari dengan matlamat yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan. Sebelum ini kita telah menghentikan subsidi gula ini bagi memberi perhatian kepada matlamat kesihatan jangka panjang rakyat berikutan kedudukan Malaysia yang mencatatkan jumlah pesakit diabetes tertinggi di Asia dan kedua tinggi di dunia.

Jadi, dengan mengembalikan subsidi gula ini saya tertanya-tanya, siapakah yang sebenarnya yang mendapat manfaat yang paling besar? Kerana daripada segi kesihatan, ia pasti bukan rakyat, bagi pandangan saya. Daripada kerajaan menyalurkan sejumlah dana yang besar untuk subsidi gula, kerajaan seharusnya menumpukan sepenuh perhatian kepada *food security issue*, dengan izin.

Sekarang ini kita dapat lihat penurunan nilai ringgit telah memberi tekanan ekonomi kepada negara khususnya kepada sektor makanan memandangkan negara kita bergantung pada sumber makanan import terlalu tinggi daripada yang sepatutnya. Pada tahun 2022, Malaysia mengimport produk makanan bernilai 75.6 bilion berbanding eksport bernilai 44.6 bilion. Daripada statistik ini, jelas menunjukkan kita sedang berhadapan dengan ketidakseimbangan bekalan makanan yang akan meningkatkan potensi krisis keterjaminan makanan.

Sebelum ini kerajaan telah melancarkan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 bagi tujuan memperbanyakkan sumber dalaman. Apakah status dasar yang telah diperkenalkan? Sejauh mana tahap kejayaan dasar tersebut? Perkara ini perlu dibincangkan secara serius dengan melibatkan semua pihak yang berkaitan agar kita dapat bersama-sama menyelesaikan masalah keterjaminan makanan negara secara komprehensif.

Datuk Seri Yang di-Pertua, awal bulan Mac yang lalu, kerajaan telah mengumumkan bahawa kerajaan akan menggubal akta gaji khusus untuk lepasan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) dengan sasaran gaji minimum 4,000 ke atas. Saya amat menyokong penuh usaha ini. Sejak tahun lepas, kerajaan telah menyatakan hasrat berkaitan gaji minimum lepasan TVET yang perlu melepasi paras 3,000. Tahun ini, saya lihat kerajaan begitu serius dengan meningkatkan lagi paras gaji minimum tersebut. Jadi, saya ingin tahu sebelum kerajaan membentangkan Akta Gaji Khusus TVET yang dijangka akan dibuat pada Jun ini, sejauh mana saranan berkaitan gaji minimum 3,000 tahun lepas telah disahut dan disambut baik oleh golongan majikan.

Bagaimanakah kerajaan akan memastikan akta tersebut dapat di laksana dalam keadaan yang seimbang di mana ia memberi manfaat kepada pekerja dan pihak dan tidak juga membebankan majikan secara langsung? Apakah pendekatan yang akan diambil bagi memastikan tiada pihak yang bakal terhimpit dalam situasi ekonomi yang semakin mencabar ini?

Datuk Seri Yang di-Pertua, perkara seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan fasiliti kesihatan untuk kanak-kanak yang menghidap kanser. Melihat kepada statistik, lebih daripada hingga- lebih dari 700 orang kanak-kanak berumur 15 tahun ke bawah disahkan menghidap kanser setiap tahun atau secara puratanya dua orang setiap hari di *diagnose* sebagai penghidap kanser. Trend ini terus menunjukkan peningkatan. Namun begitu, dengan kemajuan dunia perubatan, peluang untuk pesakit kanser kanak-kanak pulih adalah sangat tinggi di mana lebih 70 peratus daripada mereka telah berjaya sembuh.

■1540

Oleh itu, saya melihat perlunya Kementerian Kesihatan meningkatkan fasiliti pesakit kanser kanak-kanak dengan lebih agresif agar setiap kanak-kanak yang didiagnosis penyakit tersebut boleh disembuhkan. Kita perlu serius membangunkan sistem perkhidmatan pesakit kanser ini bagi memberi peluang kepada anak-anak ini supaya mereka mampu membesar seperti rakan-rakan mereka yang lain. Antara kanser tertinggi yang dihadapi oleh kanak-kanak adalah kanser leukemia. Di mana ia merupakan pembunuh utama kanak-kanak.

Walau bagaimanapun, data Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM mendapati dari tahun 2006 hingga tahun 2014, peningkatan kadar kesembuhan ke atas penyakit kanser tersebut semakin baik dan menunjukkan potensi yang tinggi. Maka, dengan adanya fasiliti kesihatan yang menyeluruh, berteknologi tinggi dan moden akan mampu mengubah banyak nasib kanak-kanak penghidap kanser.

Datuk Sri Yang di-Pertua, mengulas mengenai pangkalan data PADU. Daripada laporan yang diterbitkan, kita dapati bahawa jumlah pendaftaran bagi sistem PADU ini sangat jauh rendah berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu hanya sebanyak 5.6 juta isi rumah yang mendaftar berbanding sasaran sebanyak 29.8 juta orang. Makluman ini diberi oleh Menteri semalam.

Jika kita telusuri, segala keluh-kesah rakyat kita akan dapati punca masih ramai yang tidak mendaftar adalah kerana kelemahan sistem tersebut. Daripada segi teknikal, keselamatan dan juga objektifnya yang kurang jelas. Ramai rakyat yang merungut kerana terlalu banyak maklumat yang perlu diisi oleh rakyat sendiri sedangkan banyak maklumat boleh didapati dari Jabatan Pendaftaran Negara juga Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ini menunjukkan seolah-olah antara agensi kerajaan langsung tidak ada *synchronization*, dengan izin. Berkaitan isu teknikal pula, masih banyak isu keselamatan yang berbangkit. Jadi ini menjadi faktor mengapa masih ramai rakyat yang tidak mendaftar sistem ini.

Datuk Sri Yang di-Pertua, selain itu bagi mereka yang telah mendaftar pula wujud pula persoalan siapakah yang akan menyemak dan mengesahkan butiran-butiran tersebut? Bagaimanakah jika terdapat penipuan maklumat bagi tujuan mendapatkan subsidi kerajaan? Adakah dengan adanya sistem PADU ini kerajaan tidak akan lagi melaksanakan bancian secara tradisional bagi mendapatkan maklumat *statistical*?

Ini semua perlu diberi penjelasan dengan lebih padat oleh kerajaan bagi memastikan objektif sistem ini dapat dicapai secara holistik. Persoalan saya, adakah kerajaan akan memanjangkan lagi tempoh pendaftaran sistem PADU bagi membolehkan lebih ramai rakyat mendaftar dan juga kerajaan menyediakan intensif *e-wallet* kepada mereka yang mendaftar bagi menggalakkan pendaftaran?

Sekian perbincangan saya, dengan ini saya menyokong Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Datuk Lim.

Sekarang saya jemput Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz untuk bahas.

3.44 ptg.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Terima kasih Yang di-Pertua. *Alhamdulillah*, syukur saya kali ini diberi peluang untuk turut serta membahaskan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kali ke-17 semasa pembukaan Mesyuarat Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas pada 5 Mac 2024 yang lalu.

Di kesempatan ini, saya menjunjung kasih dan merafak sembah setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim ibni Sultan Iskandariah atas pelantikan sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke-17. Semoga di bawah naungan Seri Paduka Tuanku, negara Malaysia yang tercinta ini serta rakyatnya terus dilimpah nikmat dan rahmat.

Saya yakin kebijaksanaan, keprihatinan dan ketegasan Tuanku akan membawa kepada kebaikan dan kemakmuran kepada negara yang bertuah ini. Baginda Tuanku dalam titahnya dengan jelas menekankan beberapa perkara yang sangat dekat dengan rakyat iaitu bersatu hati, berganding bahu dan bekerjasama untuk membangunkan negara demi kepentingan seluruh rakyat Malaysia. Justeru, saya berharap tidak ada pihak yang cuba mengganggu menggugat kestabilan dan keharmonian negara serta semua pihak mestilah menerima kenyataan dan menghormati Kerajaan Perpaduan yang telah dibentuk.

Saya juga menjunjung kasih atas pesanan dan nasihat serta ketegasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk kita meletakkan Dewan Negara dan Dewan Rakyat sebagai sebuah institusi yang dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dengan penuh takzim menyembah Ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang telah menaungi pemerintahan negara dengan penuh kebijaksanaan dan hikmah meskipun berbagai-bagai cabaran terjadi sepanjang lima tahun ini. Saya yakin seluruh rakyat Malaysia pasti akan mengenang nikmat keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan sepanjang tempoh pemerintahan Baginda. Saya ingin juga mengucapkan ucapan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Speaker Dewan Negara yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Titah Tuanku Yang di-Pertuan Agong bahawa hubungan perpaduan antara kaum masih belum sempurna kerana masih ada generasi hari ini gagal menguasai Bahasa Kebangsaan dan memahami budaya hidup kaum yang lain. Saya juga bersetuju dan menyokong agar kerajaan merangka satu dasar ke atas perpaduan rakyat yang lebih kukuh dan harmoni. Seperti mana Titah Tuanku, kerajaan juga harus memperkukuhkan Perlembagaan Persekutuan iaitu agama bagi Persekutuan telah jelas menyatakan Islam Agama Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Saya juga ingin menyeru semua pemimpin dan semua rakyat Malaysia untuk terus memperkukuhkan perpaduan negara dan tidak menghasut rakyat dengan memainkan isu 3R iaitu "*race*", "*religion*" dan "*royalty*" dengan sewenang-wenangnya. Semua pihak haruslah menunjukkan sikap yang baik dan tidak menyentuh atau mengulas topik yang melibatkan sensitiviti agama dan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal isu pencen kerana rakan-rakan kita yang lain telah banyak menyentuh di kementerian-kementerian yang lain. Jadi, saya akan membawa dua isu iaitu isu pencen dan SOCSO. Seperti mana yang kita maklum, Malaysia kini berdepan dengan cabaran menuju status negara tua menjelang tahun 2030.

Berdasarkan anjuran Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah keseluruhan penduduk berusia 60 tahun dan ke atas akan meningkat kepada 15.3 peratus pada tahun 2030. Malah Bank Dunia turut menjangkakan Malaysia bakal mencapai status *super-ageing society* dengan 20 peratus penduduk Malaysia berusia 65 tahun ke atas menjelang tahun 2056. Tujuh tahun lalu Timbalan Menteri Kewangan menyatakan sebanyak kira-kira 35 peratus pencaerum KWSP berumur 54 tahun mempunyai simpanan di bawah RM10,000.

■1550

Oleh itu, cadangan kerajaan untuk melaksanakan inisiatif lantikan tetap dan bercarum kepada penjawat awam baru menimbulkan kegusaran dalam kalangan rakyat.

Mengambil kira faktor gaji penjawat awam yang rendah dan bonus yang kecil serta kebenaran untuk pencaerum mengeluarkan duit caruman sebelum bersara meningkatkan risiko penjawat awam turut tergolong dalam golongan kategori pencaerum yang mempunyai kurang simpanan persaraan.

Saya faham kita harus memikirkan jalan penyelesaian memandangkan beban besar yang memandangkan beban besar yang ditanggung kerajaan bagi membayar faedah persaraan ketika ini. Data daripada Kementerian Kewangan menunjukkan perbelanjaan yang perlu ditanggung kerajaan bagi faedah persaraan bagi tahun 2023 mencecah RM32 bilion iaitu peningkatan yang begitu ketara berganda berbanding tahun 2010.

Jika kita tidak serius menyelesaikan isu ini, kerajaan bakal menanggung beban sebanyak RM120 bilion bagi membayar faedah persaraan penjawat awam pada tahun 2040.

Namun begitu, sebelum kerajaan melaksanakan inisiatif lantikan tetap ini, saya pohon agar kerajaan menjalankan projek rintis sebagai inisiatif lantikan tetap dan bercarum ini terlebih dahulu. Supaya kita dapat melihat kesan akibat dan keberkesannya di samping bagi mendapatkan data dan statistik yang tepat pada pandangan telus daripada kumpulan sasaran.

Setelah itu, baharulah kerajaan boleh mempertimbangkan untuk meneruskan inisiatif ini atau tidak. Paling tidak kerajaan perlu laksanakan sebuah jawatankuasa yang melibatkan semua pemegang taruh untuk duduk semeja dan berbincang mengenai cadangan inisiatif ini secara sistematik dan terancang.

Saya khuatir inisiatif ini akan menjejaskan penjawat awam kerana golongan muda dan pencari kerja akan hilang minat untuk mengisi perjawatan dalam kerajaan. Terutama dalam sektor-sektor kritikal seperti pendidikan, keselamatan dan kesihatan. Tanpa inisiatif pencen, bakat-bakat muda ini akan lebih cenderung mencari pekerjaan di sektor swasta yang mampu menawarkan ganjaran dan faedah yang jauh lebih baik.

Akhirnya, penglibatan awam akan menjadi pilihan yang terakhir untuk mereka mendapatkan pekerjaan, sekali gus menyebabkan perjawatan yang ada terpaksa diisi oleh calon yang kurang berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan lantikan baharu bercarum ini akan mewujudkan fleksibiliti pekerjaan antara sektor awam dan swasta. Namun, harus diingati fleksibiliti ini akan menyebabkan kadar *turnover* di sektor awam yang meningkat. Menyebabkan kerajaan kehilangan pekerja yang berpengalaman dan berpengetahuan. Ini akan menyebabkan aliran kerja menjadi tidak teratur dan meningkatkan beban kerja terhadap pekerja yang tinggal.

Malah, kerajaan juga terpaksa menanggung kos untuk membuat pengambilan baharu dan latihan bagi pekerja baharu. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar kerajaan menanggung pelaksanaan inisiatif lantikan baharu bercarum ini dan meneruskan polisi sedia ada iaitu memberi pilihan kepada penjawat awam memilih sendiri skim persaraan yang mereka mahu iaitu sama ada skim pencen sektor awam atau pun skim caruman KWSP.

Namun, bagi menjimatkan perbelanjaan, sekali gus mengurangkan bebanan fizikal kerajaan, beberapa penambahbaikan perlu dilaksanakan. Kerajaan juga perlu meneliti semula faedah-faedah patut diperoleh penjawat awam yang memilih skim caruman KWSP seperti tangga gaji, elaun, bonus dan kenaikan pangkat seperti mana yang ditawarkan oleh sektor swasta supaya lebih ramai penjawat awam akan memilih skim ini. Dalam masa yang sama, apabila skim ini mendapat sambutan maka bolehlah kerajaan melaksanakan skim ini sepenuhnya.

PERKESO. Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja PERKESO ini. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang menawarkan Skim Bencana Pekerjaan, Skim Keilatan dan Skim Sistem Insurans Pekerjaan. Sebelum itu, saya ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada warga PERKESO atas kejayaan mereka mencatat aliran fizikal yang cemerlang tahun lalu. Sekali gus meningkatkan kemapanan dana dan kemampuan pembayaran faedah kepada orang berinsurans.

PERKESO telah membayar faedah sebanyak RM5.73 bilion pada 2023 berbanding RM5.1 bilion pada 2022 sekali gus menjadi prestasi kewangan terbaik sejak PERKESO ditubuhkan. Setakat ini PERKESO hanya melindungi pencarum hingga mereka berusia 60 tahun. Sebarang proses tuntutan harus dibuat sebelum pencarum mencapai usia 60 tahun.

Namun begitu, dalam kita menuju kepada status negara tua ya, semakin ramai penduduk Malaysia yang berusia 60 tahun ke atas. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar kerajaan memperkenalkan sebuah skim caruman baharu iaitu skim caruman persaraan bagi membolehkan individu yang berusia antara 60 tahun mencarum bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pesara daripada bencana, keilatan selepas bersara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar had usia 60 tahun yang ditetapkan untuk menghantar notis keilatan bagi caruman sedia ada dinaikkan kepada 65 tahun memandangkan kebanyakan rakyat Malaysia ini bekerja sehingga usia 60 tahun. Sedikit ruang masa perlu diberi bagi membolehkan orang berinsurans menyediakan dokumen tuntutan. Terdapat juga kemungkinan keilatan akibat bencana pekerjaan dirasai beberapa tahun selepas bersara.

Oleh itu, had usia 60 tahun ini akan menyukarkan proses tuntutan. Saya fikir telah sampai masanya untuk kerajaan mempertimbangkan agar diberi sedikit ruang agar orang berinsurans dapat menuntut hak mereka untuk mendapatkan perlindungan akibat bencana pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, penutupnya, saya yakin banyak lagi inisiatif baharu yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan. Bermakna, industri dan masyarakat di samping menambah baik inisiatif sedia ada bagi memastikan persediaan rapi dibuat agar kita mampu mengadaptasi segala perubahan, keperluan dan struktur demografi dalam ekonomi mahupun sosial.

Maka, dengan ini saya sudahi perbincangan saya dengan menyokong penuh Usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kali ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato' Juhanis. Tadi cadangan untuk SOCSO dan skim caruman kerajaan itu saya rasa menarik, tetapi cuma pada petang ini sudah pukul 4, mungkin pemikiran Ahli-ahli Dewan Negara kita pun belum lagi terbangun. Jadi, elok jugalah kalau pembahas kita selepas ini adalah Datuk Haji Mustafa bin Musa. Kalau boleh Datuk Haji Mustafa bin Musa hidupkan suasana kita pada jam 4 petang ini. Saya tahu YB boleh.

Sekarang saya jemput YB Datuk Haji Mustafa bin Musa untuk berbahas.

■1600

4.00 ptg.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia MADANI. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana di lewat petang yang sunyi dan nyaman ini saya diberi peluang untuk bercakap dalam keadaan Dewan yang juga sugul.

Pertama-tamanya, izinkan saya merakamkan sembah takzim dan penghargaan setinggi-tingginya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar di atas pelantikan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong yang Ketujuh Belas pada 31 Januari 2024 dan penghargaan jua dizahirkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah di atas pelantikan sebagai Raja Permaisuri Agong.

Tuanku,

*Kalau tuan turun ke bendang,
Turun ke bendang menebang buluh;
Tuanku umpama pohon yang rendang,
Tempat rakyat menumpang teduh.*

Saya juga merafak sembah mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong Keenam Belas, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Yang Keenam Belas atas komitmen dan kejayaan cemerlang mengharungi pelbagai cabaran dalam lima tahun pemerintahan yang adil, cemerlang lagi saksama, sesungguhnya...

*Desir ombak memukul selat,
Tempat pendeta mengukir hikayat;
Ampun Tuanku, Raja Berdaulat,
Raja yang mekar di hati rakyat.*

Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan tahniah kepada Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal. Semoga dapat memimpin Dewan yang mulia ini ke tahap yang lebih tinggi serta tahniah juga kepada Tun Sri Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar atas pelantikan sebagai Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membicarakan tiga perkara pokok utama yang saya fikir amat penting walaupun telah disebut beberapa kali oleh sahabat-sahabat di Dewan yang lain. Pertamanya ialah perpaduan dan integrasi nasional dan Bahasa Melayu. Keduanya ialah pendidikan dan yang ketiga TVET dan kurikulum tahfiz.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Tuanku Seri Paduka Baginda menekankan betapa pentingnya perpaduan antara kaum, perpaduan yang telah kita bina sejak 67 tahun yang lalu janganlah kita robohkan dengan pandangan, pendapat, perbuatan atau tindak tanduk yang sangat negatif dan yang memalukan.

Ahli Dewan yang saya hormati, saya penuh yakin rakyat Malaysia terutamanya pemimpin mempunyai akal budi yang tinggi dan seharusnya mereka mempunyai nilai peribadi untuk mendukung prinsip-prinsip Rukun Negara. Tidak cukup dengan meminta maaf, setiap kesalahan kita minta maaf dan ini sebenarnya juga adalah satu perbuatan yang tidak bertepatan dengan prinsip demokrasi dan masyarakat majmuk.

Daripada kalimah "Allah", stoking, azan dan sebagainya- banyak kali, banyak juga hati yang telah terguris. Saya menyeru di Dewan yang mulia ini, bermula daripada pemimpin hingga rakyat yang marhaen, ayuh kita bersatu hati, bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

*Ke bukit sama didaki,
Ke lurah sama dituruni.*

*Hati nyamuk sama dicecah,
Hati gajah sama dilapah.*

*Yang ringan sama dijinjing,
Yang berat sama dipikul.*

Andainya analogi ini menjadi basahan dan roh perjuangan kita, daripada pemimpin hingga rakyat, saya yakin isu-isu yang bercorak perkauman ini dapat kita sanggah sama sekali. Saya ingin menggamit kenangan silam, yang barangkali kenangan ini telah luput pada pandangan pemimpin yang buta dan rakyat yang tidak bernilai.

Sejarah 13 Mei 1969. Apakah yang berlaku pada ketika itu? Yang menang menjadi arang, yang kalah menjadi abu. Sejarah yang telah mencemarkan kanvas kemerdekaan negara harus kita jadikan sebagai pedoman agar pisang tidak berbuah dua kali.

Kalau di Indonesia, Pancasila Tuan Yang di-Pertua menjadi roh, darah dan nadi kepada rakyat. Mereka sama sekali tidak akan mencemar dan menodai Pancasila, tetapi kita yang sudah 67 tahun merdeka masih gagal untuk menyesuaikan diri kita dalam mendukung matlamat bangsa dan juga Rukun Negara yang kita cintai ini.

Justeru, ayuh kita semai semangat perpaduan tanpa mengira kaum dan bangsa kerana saya masih mengingatkan kata orang tua-tua. Apakah kata orang tua-tua? Kata mereka, walaupun kita terlalu ego dan sombong, walaupun kita terlalu ego dan sombong, saya ulang, walaupun kita terlalu ego dan sombong dan enggan menjaga dan agama orang lain, sekurang-kurangnya, setidak-tidaknya kita jagalah tindakan, kita jagalah adab, kita jagalah kata-kata dan agama kita sendiri supaya kita tidak menghina dan mengguris hati orang lain.

Sebagai sebuah masyarakat majmuk, kita tentunya tidak mahu melihat negara kita diolak dengan tsunami sengketa. Justeru, saya menyeru kepada diri saya sendiri dan juga sahabat-sahabat di Dewan yang mulia ini, jadikanlah perpaduan sebagai tiang seri dan pedoman paling utama dalam membina negara bangsa yang lebih bertamadun. Bahasa, jiwa bangsa.

*Yang kurik itu kundi,
Yang merah itu saga;
Yang molek itu budi,
Yang indah itu bahasa.*

67 tahun kita merdeka, kita masih gagal untuk menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa utama yang lahir dari hati, yang lahir dari bibir, yang dituturkan dengan lancar dan fasih oleh setiap insan bergelar rakyat Malaysia.

Justeru, saya menyeru kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Perpaduan Negara dan juga Kementerian Pendidikan serta Kementerian Pengajian Tinggi supaya menggandakan usaha agar fokus liputan bahan bacaan dan aktiviti penggunaan Bahasa Melayu yang betul dan baku dilipatgandakan dalam semua gerak kerja dan aktiviti termasuk urusan rasmi dan transaksi perniagaan utama agar tahap kompetensi Bahasa Kebangsaan tidak diragui dan menjadi bahasa utama seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan.

Juga saya menyeru kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang menyalahgunakan bahasa dan menjadikan saluran media sebagai gelanggang propaganda perkauman yang boleh mencuit rasa dan perasaan rakyat Malaysia.

Keduanya Datuk Yang di-Pertua, tentunya saya tidak pernah terlepas daripada isu pendidikan. Isu pendidikan begitu rapat dengan jiwa saya dan saya masih percaya bahawa pendidikan asas membina insan MADANI dan kerana pendidikan kita mungkin berada di sini. Ada tiga isu besar yang patut diselesaikan dan dinoktahkan. Bukan sahaja menoktahkan kemiskinan, tetapi menoktahkan isu terbesar pendidikan negara, yang banyak meninggalkan impak negatif kepada para pelajar.

Pertama, saya amat prihatin terhadap aduan dan rungutan ibu bapa berhubung dengan isu jumlah pelajar yang terlalu ramai dalam satu kelas ataupun kelas sesak. Dilaporkan di Cyberjaya dan di beberapa buah bandar-bandar besar, pelajar di dalam satu kelas hampir 40 orang pelajar. Melewati 30 orang pelajar.

Impaknya ialah guru gagal untuk mengawal pelajar, bebanan guru menjadi bertambah besar, kawalan terhadap pelajar menjadi longgar, keberkesanan PDP juga diragui dan akhirnya kesan yang langsung Ahli Yang Berhormat ialah penguasaan 3M, membaca, menulis dan mengira menjadi longgar.

Sehingga ada pelajar yang masuk ke tingkatan satu, tetapi belum boleh menguasai kemahiran asas 3M.

■1610

Ini salah satu puncanya ialah kerana bilik darjah yang sesak dengan pelajar sehingga guru gagal untuk mempraktikkan segala kemahiran mereka bagi melahirkan pelajar yang boleh membaca, menulis dan mengira dengan baik. Soalan saya ialah, apa unjuran...

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Mohon mencelah.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Sila.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Saya rasa terkilan apabila mendengar cerita YB- sekolah di Cyberjaya ya? Soalan saya ialah, apa pandangan YB perkara ini boleh berlaku? Di mana *slack*-nya, di manakah silapnya? Adakah kerana beberapa tahun yang lalu kita lihat keadaan negara kita ini asyik berpolitik, maka kita ketinggalan daripada segi perancangan-perancangan pembinaan sekolah, penambahan guru, penambahan bilik darjah sehingga apa yang berlaku situasi di Cyberjaya YB kata itu berlaku. Adakah mungkin itu sebabnya YB?

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Terima kasih YB. Saya yakin dan percaya bahawa lambakan pelajar dalam satu kelas ini adalah disebabkan oleh kegagalan Kementerian Pendidikan untuk membaca, melihat dan membuat unjuran yang tepat tentang kelahiran pelajar-pelajar baharu, di samping kegiatan politik yang barangkali keterlaluan, sehingga melupakan kerja yang hakiki. Itu saya penuh yakin.

Bukan sahaja di Cyberjaya, ada juga di tempat-tempat lain di bandar besar, di Melaka umpamanya ada pelajar yang melebihi 30 orang pelajar. Jadi soalan saya yang pertama, kenapa ini berlaku. Kementerian harus memberi jawapan yang tepat. Kedua, bila masalah ini dapat dinoktahkan dan yang ketiga berikan kita unjuran, peratusan pelajar yang gagal menguasai 3M akibat dari kelas sesak dan guru gagal memberi tumpuan kepada para pelajar tadi. Apakah langkah-langkah strategik kementerian untuk memastikan isu ini tidak akan berlanjutan dan berterusan?

Saya yakin sampai satu ketika dengan pertambahan bilangan pelajar, kawasan perumahan, perpindahan dan migrasi yang berterusan dan sekolah-sekolah akan melebihi daripada angka yang saya sebutkan itu. Jadi, apakah langkah-langkah kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Yang Berhormat Datuk boleh mencelah?

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Sila.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Saya bila dengar kata di bandar besar boleh berlaku macam itu, apa gambarannya YB di lain, di pendalaman ataupun kawasan-kawasan bandar kecil. Mungkin lagi tidak diberi pandangan ataupun tidak terlepas pandang kepada kementerian.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Itulah. Sebenarnya laporan daripada Sinar Harian, muka depan yang menunjukkan sekolah di Cyberjaya mempunyai jumlah pelajar yang banyak, tetapi saya sudah kata di Melaka pun berlaku dan itulah kerisauan saya YB. Kerisauan sama seperti kerisauan YB. Di sana dan YB kawan saya yang tadi bahawa kerisauan saya ialah sebenarnya mungkin dia berlaku di banyak tempat dan ini dilaporkan bahawa banyak tempat yang berlaku lebih pelajar.

Justeru itu, kementerian harus memberi *ratio* yang sepatutnya, *ratio* yang paling relevan berapakah satu kelas dengan seorang guru. Jadi, apa yang berlaku sekarang sudah berlaku dan dikhuatiri menjadi keresahan ibu bapa.

[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair mempengerusikan Mesyuarat]

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Mohon mencelah.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Silakan.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: YB, Datuk Yang di-Pertua-dah lain dah Datuk Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

Saya rasa masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini *is just a tip of the iceberg*, dengan izin. Maknanya, ini hanyalah permasalahan yang timbul dalam bidang pendidikan. Sekolah ketidakcukupan, bilik darjah ketidakcukupan, cikgu ataupun guru, *overflow of student*. Saya ingat ini yang kita lihat yang timbul. Mungkin ada lagi lain-lain masalah.

Bolehkah kita rumuskan, kita katakan permasalahan ini semua adalah kerana politik yang penggal lalu, kalau kita alami semua tahu, kita tukar kerajaan tiga kali, kita tukar Perdana Menteri tiga kali. Negara kita mengalami perkara itu. Sudah tentu kalau tiga kali tukar Perdana Menteri dalam tempoh empat tahun hingga lima tahun, apakah yang boleh dilakukan? Apakah yang boleh dirancang dan dilaksanakan? Inilah timbul pelbagai masalah sekarang. So, pendidikan, bilik darjah tak cukup, guru tak cukup *is just a tip of the iceberg*. Terima kasih.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Ya. Sebenarnya pandangan Yang Berhormat Senator itu tepatlah. Sebab jika batu yang bergolek- peribahasa Melayu kata batu yang bergolek, dia tidak akan boleh menyimpan lumut. Sebab dia bergolek. Apabila tidak ada keamanan dan kestabilan politik dan bertukar, maka barangkali kementerian pun bertukar-tukar dan orang itu pun bertukar-tukar. Hari ini dia mimpi esok aku jadi Menteri ke tidak.

Jadi, proses untuk memperkukuh, menjitu dan mengangkat martabat pendidikan itu, barangkali terjejas dengan alunan gelombang politik yang sedemikian. Saya setuju dengan pandangan itu. Kita berharap Kerajaan Madani yang stabil akan mengembalikan, merobah dan juga memperkukuh serta mengatasi segala masalah ini.

Masalah yang kedua yang ingin saya timbulkan ialah masalah sama, masalah kekurangan guru. Cuma bezanya, yang saya hendak bawa hari ini bukan kekurangan guru di sekolah sebab kekurangan guru ada masalah utama bagi penggiat pendidikan negara. Yang pertama, kekurangan guru daripada segi *body*. Sekolah itu kekurangan tiga orang guru, kekurangan empat orang guru dan yang keduanya ialah lebih besar daripada itu Dato' Yang di-Pertua ialah kekurangan guru opsyen untuk mengajar subjek-subjek tertentu.

Mungkin sekolah itu mempunyai 50 orang guru dan memang 50 orang guru cukup, tetapi sebenarnya 50 orang itu lebihan opsyen. Dia tak ada, dia perlukan guru Bahasa Inggeris, dia perlukan mata pelajaran-mata pelajaran praktikal- Bio, Fizik, *Chemistry*, PSV yang memerlukan kemahiran luar biasa daripada seorang guru, tetapi apa yang dihantarnya guru Bahasa Melayu, yang dihantarnya guru Sejarah, yang dihantarnya guru Pendidikan Jasmani, yang dihantarnya guru Pendidikan Islam yang sudah ada di sekolah itu.

Ya betul, sekolah itu mendapat guru baharu dan kuotanya cukup, tetapi masalah yang berlaku itu ialah dia tidak memenuhi opsyen. Siapakah yang menjadi mangsanya? Tentu para pelajar kerana guru yang tidak opsyen bagi mata pelajaran kritikal, sudah barang pasti dia tidak boleh mempamerkan nilai pendidikan yang tinggi dan pelajar akan menghadapi masalah bila menghadapi peperiksaan.

Soalan saya ialah apakah tindakan semerta sebab *exam* ada setiap tahun. Apakah tindakan semerta kementerian untuk mengatasi kekurangan opsyen dan lambakan guru bukan opsyen di sekolah yang sekadar untuk mencukupkan kuota? Kita perlu empat orang guru Bahasa Inggeris, ada satu sahaja, maka cikgu Sejarah kena ajar Bahasa Inggeris, cikgu PJ kena ajar Bahasa Inggeris sebagai contoh. Maka, ini sudah tentu kualiti pendidikan gagal melahirkan insan yang seimbang dan harmonis daripada segi akademi dan juga pencapaian. So, adakah tindakan kementerian, saya mahu penjelasan untuk mengatasi masalah kekurangan guru opsyen.

Kedua, adakah unjuran dan langkah-langkah perlu untuk masa depan, 10 tahun yang akan datang, lima tahun yang akan datang? Adakah kita boleh memenuhi pasaran guru di sekolah-sekolah bagi memastikan opsyen yang betul bagi pendidikan anak-anak?

Masalah ketiga di Kementerian Pendidikan yang saya hendak sentuh ialah terlalu banyak guru yang menamatkan perkhidmatan belum sampai masanya. Isu ini agak besar, kerana setiap tahun proses guru melepaskan jawatannya dan bersara pilihan sepatutnya berusia 60 tahun, tetapi ada yang berusia 40 tahun, 50 tahun, 55 tahun telah mengundur diri. Tentunya mereka memberi pelbagai alasan. So, apakah sebenarnya alasan? Bolehkah kementerian berkongsi dengan kita apakah alasan yang menyebabkan guru berundur bukan pada waktu persaraan?

Yang keduanya, adakah tindakan untuk mengatasi masalah ini kerana apa Datuk Yang di-Pertua, kerana guru *otai* ini, guru lama ini, mereka ada pengalaman. Alah bisa tegal biasa. Mereka sudah biasa dan masak dilambung dengan gelombang pelbagai cabaran dalam dunia pendidikan. Mereka meletakkan jawatan diganti dengan guru yang baharu. Kita tidak mempertikaikan wibawa guru, tetapi tentulah kelamaan dan pengalaman mereka mengatasi orang yang baharu atau pelepasan universiti.

Jadi, kita rasa rugi kerana guru-guru berkemahiran ini meletakkan jawatan dan peratusannya yang bertambah setiap tahun. Saya hendak tahulah penjelasannya kenapa ini berlaku dan mesti ada tindakan-tindakan segera untuk kita mengatasi perkara ini.

■1620

Itulah tiga perkara dalam kementerian yang harus kita ambil perhatian. Saya juga nak menyentuh tentang TVET. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri I, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi kerana beliau telah menjadi tonggak kepada pengenalan sistem TVET di negara kita. Saya penuh yakin sesungguhnya usaha kerjasama erat Kerajaan Jepun dan China baru-baru ini dalam memartabatkan TVET akan menjadikan TVET ini lebih perkasa dalam proses pembangunan negara. TVET akan menjadi saluran yang kedua bagi pilihan alternatif kepada anak-anak kita yang enggan meneruskan dalam bidang akademik.

Saya mengharapkan bahawa beberapa penambahbaikan seperti penubuhan tabung TVET, penubuhan tabung pendidikan TVET dan juga pembukaan TVET-TVET yang baru, pusat-pusat latihan TVET yang baru dibuka terutamanya di kawasan luar bandar bagi menentukan bahawa proses pendidikan TVET ini akan dapat beroperasi dan memenuhi kehendak pelajar-pelajar di luar bandar.

Saya juga merakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan kerana kerajaan telah pun menganjurkan tahfiz ataupun tadika tahfiz dan taska tahfiz. Untuk pengetahuan semua, kerajaan bercadang melalui saranan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dengan mencadangkan atau berusaha untuk melahirkan 100,000 *huffaz* di kalangan pelajar pra sekolah yang merupakan inisiatif yang patut disanjung tinggi. Saya berharap supaya lepasan ataupun pengenalan program hafiz dan *huffaz* kepada tadika dan taska ini akan memberikan lebih nilai tambah kepada pegangan agama, disiplin dan juga adab dan sopan kepada anak-anak muda terutamanya anak-anak pra sekolah.

Saya menyokong penuh usaha yang dibawa oleh kerajaan untuk memperkenalkan hafiz dan *huffaz* ini sejak tadika dan taska. Kata pepatah, 'kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Di bawah agensi MARA, di KKDW juga mengadakan MRSM iaitu Ulul Albab. Jadi di Dewan yang mulia ini, saya memohon MARA mempertimbangkan supaya sebuah MRSM atau pun MRSM Ulul Albab dibuka di Parlimen Alor Gajah supaya anak-anak di Alor Gajah dapat nikmat proses pembelajaran hafiz dan *huffaz* selain daripada pendidikan akademik.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga berharap supaya model pra *huffaz* yang diambil daripada Yayasan Pahang akan dikemaskinikan dengan sukatan pelajaran yang diluluskan oleh JAKIM supaya proses pendidikan itu mengikuti sukatan pelajaran yang betul dan tepat. Kerana itu adalah tadika KKDW, maka KEMAS yang mendukungnya perlu bangun daripada lamunan. KEMAS sepatutnya mempromosikan program ini. KEMAS sepatutnya memberikan info yang tepat pada seluruh masyarakat, hantar beramai-ramai ke sekolah tadika dan taska tahfiz supaya ia menjadi satu lagi mercu tanda pendidikan awal kanak-kanak yang berteraskan kepada anak-anak yang soleh wal Muslim.

Kerana masa yang begitu- izinkan saya menyatakan hasrat bahawa Tabung Haji, saya berharap supaya Tabung Haji mengkaji semula pengelasan T20, M40, B40 bagi pembayaran dan juga tambang Tabung Haji. Kita bersyukur kerana Tabung Haji berjaya merekodkan sembilan juta orang pendeposit dengan deposit mencecah RM89 bilion, tetapi kita kena ingat bahawa Artikel 8 dalam Tabung Haji, prinsip Artikel 8 dalam Tabung Haji ialah kesamarataan Perlembagaan Malaysia juga dan kenapa harga berbeza-beza antara T20, M40 dan B40? Saya mohon pencerahan kerana masyarakat di bawah sana begitu prihatin terhadap perkara ini terutamanya bagi mereka yang ingin menunaikan Fardu Haji.

Akhir kata kerana masa amat mencemburui kita, saya akhiri dengan sekali lagi penegasan bahawa rakyat Malaysia Dato' Yang di-Pertua tanpa mengira warna kulit, kepercayaan dan juga pegangan politik harus bersatu di bawah kata kunci Rukun Negara.

*Beras segantang sudah disukat,
Disukat-sukat di atas para;
Andai kita hidup muafakat,
Negara damai rakyat sejahtera.*

*Emas perak intan suasa,
Berkilau-kilau di atas para;
Biar berbeza agama dan bangsa,
Jangan dirobek perpaduan negara.*

Akhir sekali, saya menyokong Titah Diraja sempena Istiadat Pembukaan Penggal Parlimen. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali.

4.26 ptg.

Tuan Amir bin Md Ghazali: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* selamat petang, Salam Malaysia Madani.

Yang dikasihi lagi dihormati Dato' Yang di-Pertua serta teman-teman Ahli Dewan Negara yang saya banggakan. Terima kasih diucapkan kerana memberi peluang membahas Titah Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Mutang Tagal secara rasmi selaku Yang di-Pertua Dewan Negara yang dilantik dan diberi tanggungjawab di posisi tertinggi di dalam Dewan Negara yang mulia ini. Saya juga ingin menjunjung kasih kepada Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang telah menyempurnakan tempoh pemerintahan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-16. Negara dan rakyat pasti tidak dapat melupakan kebaikan dan kemesraan Kebawah Duli Tuanku dan Permaisuri serta hikmah dalam pemerintahan watan.

Saya juga ingin merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar dan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah.

*Asah kapak tajam beliung,
Terbang mari kayu baiduri;
Tuanku umpama kemuncung payung,
Patik di bawah berteduh diri.*

Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah pada Wilayah Persekutuan yang meraikan ulang tahun ke-50 yang bertema, 'Wilayah Madani Rakyat Harmoni' adalah pilihan yang tepat kerana ketamadunan sesebuah negara bermula daripada ibu kotanya. Kemakmuran ketiga-tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya akan memberi limpahan ekonomi kepada negeri-negeri lain di negara kita.

Sambutan 50 tahun Wilayah Persekutuan atau 50WP disambut dengan meriah di pelbagai lokasi. Kemuncaknya baru-baru ini di Dataran Putrajaya pada 1 Februari 2024, tetapi saya ingin bertanya, kenapa tiada langsung sambutan dibuat di Parlimen Malaysia tempat lulusnya Akta Ibu Kota Persekutuan 1960, Akta 190 dan juga Akta Perlembagaan (Pindaan) (NO. 2) 1973 [A206] yang melahirkan Wilayah Persekutuan.

Saya menyeru agar Menteri di Jabatan Perdana Menteri Wilayah Persekutuan tidak melupakan Parlimen Malaysia ini dalam kemeriahan sambutan 50 Tahun Wilayah Persekutuan, 50WP. Aturkanlah walaupun hanya satu acara kecil di sini bagi memperingati jasa-jasa pemimpin terdahulu yang memperjuangkan kelahiran Wilayah Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua, sebagai salah satu ingatan pada diri sendiri dan juga teman-teman dalam Dewan Negara ini dalam kerangka pemerintahan negara kita yang menggabungkan dua sistem iaitu Raja Berperlembagaan dan juga sistem Demokrasi Berparlimen.

■1630

Sistem Raja Berperlembagaan berakar umbi daripada sistem kesultanan yang menekankan konsep Kedaulatan Raja. Justeru, rakyat perlu meletakkan kesetiaan yang tinggi kepada Institusi Raja. Malah dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka terdapat mantera yang menjadi pegangan iaitu meletakkan kesetiaan kepada Raja, mendaulatkan Raja dan janggan sesekali menderhaka kepada Raja.

Kedaulatan rakyat pula akan berhasil menerusi sistem demokrasi berparlimen yang mengabsahkan kuasa rakyat. Sistem demokrasi mula dilaksanakan pada tahun 1951 di Pulau Pinang dan tahun 1952 di Kuala Lumpur. Akhirnya pada 31 Ogos 1957, tarikh keramat pemasyhuran kemerdekaan negara oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu merdeka yang menggabungkan kedaulatan raja dan kedaulatan rakyat. Justeru itu, Raja dan rakyat berpisah tiada dan ia merupakan satu gagasan kenegaraan yang memancarkan citra kedaulatan negara dan wajib dipertahankan walau dengan keringat, darah dan air mata kita semua.

Timbalan Yang di-Pertua, dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kebimbangan yang diutarakan seolah-olah seperti tiada kesudahan terhadap isu hubungan dan perpaduan antara kaum yang masih belum sempurna. Ini kerana masih ada generasi hari ini yang masih gagal menguasai bahasa kebangsaan dan memahami budaya dan sensitiviti agama lain walaupun sudah 60 tahun lebih negara Malaysia dibentuk atas pengorbanan dan perjuangan tokoh kemerdekaan negara. Di manakah silapnya?

Perlecehan bahasa, peminggiran soal kebudayaan dan sifat reaksioner yang ada pada masyarakat sekarang merupakan antara manifestasi kegagalan kita selama ini untuk menemukan titik cinta bangsa tersebut. Persoalan nasional yang tidak kunjung selesai dilihat sebagai asbab kepada prasangka tebal antara kaum terutamanya dalam kalangan tiga- etnik terbesar di Semenanjung. Jalur-jalur etnik ini dan agama menjadi unsur utama sangkir api yang mempengaruhi debat di media sosial, wacana awam, khususnya dalam aspek menyentuh sensitiviti kelompok dan kaum seperti agama, bahasa, pendidikan dan kebudayaan yang mudah dipercikkan oleh api perkauman. Ini perlu dibendung oleh pimpinan-pimpinan politik yang berada di Parlimen dan juga Dewan Negara.

Timbalan Yang di-Pertua, ketiadaan budaya pentafsir ataupun pentakrif tidak sahaja meninggalkan lompong besar dalam memaknakan terhadap gagasan bangsa Malaysia, tetapi ia terkesan hingga kini ialah kegagalan kita mencari jalan tengah bagi pembentukan dasar-dasar yang lebih inklusif dan bermakna. Dalam konteks ini, saya amat berharap Kementerian Perpaduan, Kementerian Pendidikan serta kepimpinan negara memikirkan sedalam-dalamnya tentang pengukuhan dan menemukan pertama, suatu cinta budaya yang dapat dijadikan teras bagi pembentukan sebuah bangsa Malaysia yang jitu dan sebenar-benarnya yang selama ini hilang seperti mana kemerdekaan yang mentah, yang diucapkan oleh berbagai-bagai golongan sebelum ini.

Kedua, keazaman politik. *Political will*, dengan izin, bagi mempertahankan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perpaduan di segenap bidang. Ketiga, Ahli Parlimen, ahli politik. Utamakan kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat berbanding dengan kepentingan agenda politik dan kelompok masing-masing. Tiga perkara ini harus diberikan keutamaan kepada pimpinan-pimpinan politik dalam negara kita sekiranya ia mahu melihat perpaduan sejati dan padu yang mungkin bertapak di dalam negara kita. Mungkin bukan generasi kita, tetapi anak-anak, cucu kita akan mendapat manfaat daripada apa yang kita bincangkan pada petang ini.

Timbalan Yang di-Pertua, perpaduan kaum berasaskan bahasa pertuturan yang sama, sinikal yang sama akan lebih berjaya sekiranya ramai kaum Cina sefasih Howard Lee iaitu MP Ayer Hitam dengan loghat Parit, Perak nya dan juga Steven Sim Chee Keong fasih dengan bahasa baku loghat Utara, Ahli Parlimen Bukit Mertajam. Ini sekadar contoh. Jika kita mahu menoktahkan isu perpaduan ini kerana bahasa yang sama, pertuturan yang sama, ini adalah ubat yang tepat bagi pembikinan negara bangsa yang bersatu di dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua, kestabilan politik adalah unsur utama bagi kebijakan dan pembaikan politik, ekonomi dan sosial untuk negara ini dan menyeru kerajaan dan pembangkang berganding bahu dan bekerjasama untuk membangunkan negara demi kepentingan seluruh rakyat Malaysia. Kita- semua sudah tahu, pergolakan lima tahun yang lalu merencatkan pertumbuhan ekonomi kita, merencatkan segala-galanya. Kita tidak mahu mengulangi pada penggal kali ini. Ketajaman politik itu memarahkan lagi perjalanan ekonomi dan budaya dan juga sosial masyarakat Malaysia keseluruhannya. Sehubungan dengan itu, semua pihak perlu menghayati konsep kestabilan yang dianjurkan oleh Duli Yang Maha Mulia bagi kesejahteraan rakyat dan negara.

Timbalan Yang di-Pertua, saya nak menyentuh isu-isu rakyat yang akan saya ketengahkan. Pertama, kebelakangan ini terdapat kes kematian yang sering berlaku di dalam kereta kerana tertidur selepas menjaga ibu-bapa atau ahli keluarga yang sakit di hospital. Barangkali tiada tempat yang sesuai untuk berehat waima ruang selamat untuk melelapkan mata atas kesulitan kerja ataupun faktor ekonomi.

Saya menggesa Kementerian Kesihatan mewujudkan sebahagian kompaun bangunan hospital di negeri-negeri yang tidak mengganggu tugas dan rutin. Dijadikan 'bilik rahmah' buat penginapan sementara waktu malam bagi golongan kurang berkemampuan dengan syarat dan kaedah tertentu. Agar masalah demikian tidak berulang dan dapat dihindari dengan kematian. Dalam kereta, dia letih *pi* tengok ibu-bapa dia, adik-adik dia, tak ada tempat nak menginap malam, *tidoq* dalam kereta. Buka enjin, *tidoq, tidoq- lup*. Ramai dah berlaku benda ini. Jadi, mengharap Kementerian Kesihatan prihatin terhadap isu ini.

Kedua, penagihan dadah dewasa ini berkaitan dengan kesihatan minda. Berapa ramai penagih dadah di Malaysia ini yang telah menghidap penyakit mental? Berapakah jumlah golongan belia yang mengalami kecelaruan mental kerana dadah? Apakah persediaan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan Malaysia yang berhasrat untuk melaksanakan disimilasi penagih dadah dalam negara? Sejauh manakah perkara ini diuar-uarkan kepada komuniti Malaysia?

Ketiga, saya ingin menggesa Kementerian Sumber Manusia memikirkan cadangan menyerap ratusan ribu orang pelarian etnik Rohingya sebagai tenaga buruh asing dalam sektor 3D iaitu “kotor”, “bahaya” dan juga “sukar” khususnya sektor perladangan. Ini kerana adalah lebih menguntungkan negara buat masa ini sekiranya mengambil pekerja asing luar berbanding membawa masuk pekerja yang sedang ada di sini dan juga etnik Rohingya itu berkeliaran merata tempat. Bukit Mertajam, Pulau Pinang banyak. Jadi, Kementerian Sumber Manusia harus melihat perkara ini dengan lebih memberi manfaat kepada pihak-pihak industri dan juga perladangan.

Keempat, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pengangkutan dengan peruntukan RM10 bilion bagi melaksanakan Projek Laluan LRT dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), KOMTAR dan merentasi laut, berakhir di Penang Sentral. Sudah pasti ia dapat menyelesaikan sistem pengangkutan awam yang lancar di bahagian pulau dan Seberang Perai. Ia akan berlaku *spill over*, limpahan ekonomi di bahagian Seberang Perai dan akan menjadi pilihan pembangunan lestari dan juga hab pengangkutan wilayah Utara yang kita cita-citakan di sebelah Seberang Perai ini.

■1640

Timbalan Yang di-Pertua, Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim bertekad mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi. Perkara ini adalah hasrat jutaan rakyat yang mendambakan peluang dan masa depan yang lebih baik untuk semua. Kita inginkan kemakmuran ekonomi yang adil. Dalam masa yang sama, usahawan Bumiputera tidak dipinggirkan.

Penganjuran Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024- baru-baru ini bagi menetapkan hala tuju, dasar dan pendekatan baharu agenda pemerikasaan bumiputera disambut dengan penuh harapan, sorak riang gembira usahawan-usahawan bumiputera. Namun begitu, apa yang dicerakinkan oleh Perdana Menteri di akhir Kongres Ekonomi Bumiputera meminta agar GLIC dan juga GLC dan juga konglomerat bantu menjayakan ekonomi usahawan bumiputera hanya dipandang sebelah mata atau buat lebih kurang, orang kampung kata buat lebih kurang.

Contohnya, baru-baru ini Dewan Perniagaan Melayu Malaysia kesal dengan tindakan satu GLC. Saya tak mahu sebut dia punya agensi apa. Mengetepikan syarikat bumiputera bagi projek pemasangan sistem solar di 300 buah stesen minyaknya. Sebelum itu, terdapat aduan juga projek-projek seperti *oil and gas*, *carbon capture* di bawah kelolaan GLC ini juga mengetepikan usahawan-usahawan bumiputera dengan memilih syarikat-syarikat dari luar negara sedangkan kewangan, kepakaran, pengalaman tidak berbeza dari syarikat yang tempatan ini.

Saya menggesa kerajaan memantau komitmen presiden ataupun ketua pegawai eksekutif GLIC dan juga GLCs ini di bawah Kerajaan Madani bahawa Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 bukanlah satu retorik kosong tapi harus menampilkan, diterjemahkan dengan bentuk tindakan yang serius. Timbalan Yang di-Pertua, sebab itulah kita memandang serius perkara ini sama juga dengan terbentuknya negara kita 60 tahun. Dalam tempoh Dasar Ekonomi Baharu (DEB) sehinggalah sekarang, usahawan Malaysia mempunyai hanyalah dalam 16 peratus. Tidak boleh mencapai pun 30 peratus.

Apabila Kongres Ekonomi Bumiputera baru-baru ini dilancarkan, dijemput semua kaum berada di dalam sana, dalam perbincangan. Rakan kita daripada China, rakan kita dari India, rakan kita dari Sabah dan Sarawak, kita kumpulkan, kita bincangkan. Ini masalah bersama bukan masalah satu kaum. Selama ini kaum Melayu hanyalah bergerak dalam kaum Melayu, bumiputera, tetapi kita meninggalkan rakan-rakan kita yang mahir dalam perniagaan.

Kita amat rugi. Dalam tempoh itu, usahawan Melayu ketinggalan. Jadi, sebab itulah Kongres Ekonomi Bumiputera baru-baru ini, saya mengucapkan jutaan terima kasihlah kepada penganjur...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Mohon mencelah...

Tuan Amir bin Ghazali: Kerana dapat pun memberikan satu manifestasi yang baik. Okey.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Minta pandangan daripada YB. Memang tadi YB mengatakan sejak kita Merdeka tahun 1957 sampai sekarang sudah 66 tahun, tetapi seperti yang YB kata itu, apakah? *Target* yang 30 peratus itu belum mencapai bagi bumiputera. So, pada pandangan YB, apakah sebab yang sudah guna 60 lebih tahun dan tak boleh capai matlamat kita menetapi? Terima kasih.

Tuan Amir bin Ghazali: Baik, tidak tercapainya agenda usahawan bumiputera setingkat 30 peratus disebabkan banyak ketirisan dan juga budaya kerja di peringkat yang diberi kuasa ketika itulah. Mungkin dia tak mampu membawa satu agenda yang besar disebabkan politik yang kuat dan juga melihat dari sudut yang berbeza. Parti-parti politik yang berlainan. Ini sebab tidak berjayanya agenda tersebut.

Sebab itu, Kerajaan Madani melihat perkara ini secara serius dan memberikan satu konsep baharu, nafas baharu bagaimana kita menjadi Asia Kecil, bagaimana kita menjadikan ini adalah negara Malaysia yang dimiliki oleh pelbagai kaum. Kaum-kaum ini mempunyai *connection* di merata tempat. Kawan-kawan kita di India, dia ada *connection*, dia ada boleh-teman-teman yang berbangsa India. Teman-teman kita bahasa- orang Cina, dia boleh berbincang dengan bangsa Cina.

Kita adalah satu bangsa yang cukup terbaik kalau di banding dalam Asia Tenggara ini. Jadi, sebab itu, saya akan- saya yakin bahawa perkara ini akan diubah dengan bukan cepat, tetapi bertahap-tahap supaya satu fokus, *target* yang kita telah cernakan, cerakinkan dalam kongres itu akan menjadi nyata dalam tempoh setahun atau dua tahun lagi Yang Berhormat...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Mohon mencelah sekejap Dato' Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Dibenarkan?

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Dibenarkan?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Boleh.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Minta pandangan daripada Yang Berhormat Senator. Malaysia memang terdiri daripada berbilang kaum. Ada orang Melayu, orang Cina, orang India. Adakah berbilang kaum- adalah satu kekuatan atau kelemahan daripada pandangan YB itu, terutamanya daripada perspektif ekonomi? Kerana bagi kita, populasi yang tertinggi di seluruh dunia adalah India *and we have Indian* dekat sini.

Kedua, populasi yang kedua daripada China, *and we have Chinese over here*. Populasi yang ketiga kemungkinan besar Orang Melayu *and we have Malay here*. So, *this is* kekuatan *or is a* kelemahan? Minta pandangan daripada YB. Terima kasih.

Tuan Amir bin Ghazali: Baik, terima kasih. Bagi saya, itu adalah kekuatan kita. Itu kekuatan kita yang tidak ada pada negara lain. Indonesia, *Thailand, Philippine*, Kemboja, Vietnam. Malaysia, satu-satunya negara yang mengumpulkan semua etnik yang berada dalam ini dan berteraskan Melayu Nusantara. Bagaimana untuk mengangkat Melayu, minda Melayu ini, keperluan kita sekarang ini, ahli-ahli politik, supaya tidak menyempitkan, menjumudkan pemikiran orang Melayu melihat secara horizon kaum-kaum lain, bukan sebagai pencabar tetapi satu persahabatan setia kawan yang kita boleh memacu negara kita ke arah satu tahap yang lebih membina dan membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir, saya ingin merakamkan kebanggaan saya selaku rakyat Malaysia di Dewan yang mulia ini dan memberi sepenuhnya penghargaan dan penghormatan kepada Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Perdana Menteri telah mengharumkan nama Malaysia di luar negara. Tegas di hadapan pemimpin Jerman dalam isu Palestin dan juga Gaza. Dunia sedia maklum negara Jerman adalah negara ke hadapan memberi sokongan kepada rejim Israel berkaitan isu Gaza malah tampil sebagai hujah sokongan di Mahkamah Antarabangsa (ICJ) membantu Israel berdepan dengan Afrika Selatan dalam isu penghapusan etnik Palestin ini.

Perdana Menteri menangani soalan berkaitan isu Palestin, Hamas dengan tajuk yang bijak, tegas dan berani di hadapan media Barat. Izinkan saya berkongsi cubitan soalan-soalan balas Perdana Menteri di hadapan media Barat.

“Pendirian Dasar Luar Negeri kami konsisten. Kami menentang penjajahan aparteid, pembersihan etnik ataupun rampasan hak mana-mana negara termasuk Ukraine dan juga Palestin. Kita tidak boleh memadamkan rampasan yang berlaku sejak 40 tahun yang lalu yang telah membangkitkan tindak balas dan kemarahan rakyat yang tertindas. Kita tidak boleh mencari penyelesaian dengan bersikap berat sebelah dengan hanya melihat kepada satu insiden semata-mata dan memadamkan kezaliman yang berlaku sejak bertahun-tahun.

Solusinya bukan sekadar pembebasan tahanan tetapi adakah kita berhenti setakat itu. Bagaimanakah dengan penempatan haram dan sikap pencerobohan haram ini? Bagaimana pula dengan nasib mereka yang merampas hak, maruah dan tanah milik mereka? Adakah ini tidak penting? Di manakah tercampaknya kemanusiaan? Mengapakah wujudnya hipokrasi? Hipokrasi inilah yang meledak di peringkat dunia.”

Kenyataan Perdana Menteri ini, kelantangan Perdana Menteri di Jerman mematahkan pertanyaan berat sebelah oleh sebuah media asing terhadap Palestin mendapat satu pujian di peringkat belahan-belahan dunia. Ucapan Perdana Menteri...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: YB, YB boleh gulung?

Tuan Amir bin Ghazali: Telah mendapat liputan seluas dan pujian di merata...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tolong gulung, gulung...

Tuan Amir bin Ghazali: Dunia tentang hak dan kemanusiaan. Syabas Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Dengan ini saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong.

Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sekian, terima kasih.

■1650

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali.

Sekarang saya menjemput Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris.

4.50 ptg.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera... [Membaca sepotong ayat Al-Quran]

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian, untuk sama-sama membahaskan Titah Diraja pada sidang Dewan Negara pada hari ini.

Kesempatan ini saya ingin merafakkan sembah tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah atas kemasyhuran Tuanku sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-17.

Kesempatan ini juga ingin saya merakamkan penghargaan kepada Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Shah dan Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah atas segala usaha Baginda yang menjadi Agong dan Permaisuri Agong. Semoga Baginda terus diberkati dan diberi keamatan oleh Allah Subhanahu *Wata'ala.*

Dato' Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga saya mengambil untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Datuk Mutang Tagal atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Mudah-mudahan dengan kepimpinan beliau, usaha untuk memartabatkan Dewan Negara dan meletakkan kedudukannya sebagai Dewan tertinggi dapat disaksikan.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dalam Titah perasmian sidang Parlimen yang lalu berhubung dengan saranan beliau untuk mengajak semua pihak bersatu padu, berganding bahu dan bekerjasama membangunkan negara demi kepentingan seluruh rakyat dan negara.

Sehubungan dengan itu juga, kerjasama yang diharapkan, hubungan di antara Kerajaan Pusat dan juga kerajaan negeri haruslah berjalan dengan baik atas semangat Perlembagaan seperti yang terdapat dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Persekutuan juga berhak membantu negeri-negeri tanpa mengira sama ada negeri itu diperintah di bawah pembangkang ataupun di bawah kerajaan. Bagi mengekalkan ketulenan prinsip *federalisme* ini, Kerajaan Persekutuan perlu membantu Kedah untuk mencapai agenda ataupun merealisasikan agenda Pelan Pembangunan Kedah 2035 yang telah dilancarkan pada baru-baru ini.

Dengan sokongan, dengan bantuan yang telah diberikan untuk menjayakan Pelan Pembangunan Kedah 2035, ia sudah pasti memberikan impak yang besar kepada pembangunan negeri dan juga kepada kesejahteraan hidup rakyat negeri berkenaan. Dalam hal ini, Kerajaan Pusat boleh banyak membantu mengatasi isu-isu yang tertangguh, yang belum selesai melibatkan hubungan di antara dua buah kerajaan iaitu Kerajaan Negeri Kedah dan juga Kerajaan Persekutuan.

Antara isu-isu yang masih belum selesai, sukar saya sebutkan di sini perlu diberikan perhatian, perlu saya sebut berulang kali terutamanya isu-isu yang melibatkan hubungan dengan negeri-negeri lain. Jadi Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan boleh menjadi sebagai orang tengah, sebagai pihak yang boleh menyelesaikan isu-isu yang tertangguh yang melibatkan hubungan di antara dua buah kerajaan negeri yang ada dalam negara kita.

Pertamanya berhubung dengan isu nilai pajakan Pulau Pinang. Walaupun isu ini sudah lama, Kerajaan Kedah telah menuntut lama sudah isu ini sejak berbelas-belas tahun yang lalu di bawah pimpinan Allahyarham- kerajaan semasa pimpinan Ustaz Azizan Abdul Razak, sebagai Menteri Besar, dia menuntut supaya Pulau Pinang memberikan bayaran pajakan kepada Kedah. Kalau kita tengok daripada segi perjanjian bayaran pajakan Pulau Pinang kepada negeri Kedah tidak selayaknya dengan nilai RM10,000 setahun.

Jadi kita apabila kita minta untuk diberikan pajakan yang seperti mana Sabah yang sesuai sepatutnya ia dapat direalisasikan dan hasrat kita untuk dapatkan RM100 juta mudah-mudahan dapat dicapai.

Kedua berhubung dengan pampasan ataupun pembangunan Kedah, berhubung pembangunan Kedah tentang kita telah membuat simpanan Hutan Simpan Sungai Hulu Muda sebanyak 340,000 hektar tanah yang kita simpan, yang tidak kita keluarkan balak, yang tidak kita majukan semata-mata untuk kita hendak simpan sebagai sumber bekalan air bagi negeri Kedah, bagi negeri Pulau Pinang dan juga bagi negeri Perlis.

Dengan pengorbanan Kedah itu, kita hendak menuntut kepada Kerajaan Pusat ataupun kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya memberikan sugu hati sebanyak RM170 juta setahun.

Dato' Yang di-Pertua, pengorbanan Kedah kepada negeri-negeri sekitar, kepada negara kita ialah Kedah membekalkan 43 peratus bekalan beras negara. Jadi Kedah, tanah-tanah di Kedah kita kekalkan sebagai tanah sawah. Kalau kita tengok keluasan kawasan MADA sahaja 83,993 hektar kita gazetkan sebagai sawah dan kita tak tukar kepada tanah berkenaan kepada tanah lain.

Kalau boleh kita kalau tukar tanah itu kepada tanah industri, tanah pertanian kepada tanah industri atau kediaman mungkin hasil pulangan, hasil negeri itu bertambah, tetapi kita demi *food security*, demi makanan rakyat negara kita, Kedah berkorban. Jadi sehubungan dengan pengorbanan kita itu, kita minta Kerajaan Pusat menilai memberikan pampasan yang selayaknya kepada kerajaan negeri.

■1700

Begitu juga isu-isu yang masih belum yang tertanggung berhubung dengan usaha Kedah yang masih belum mendapat kelulusan daripada MOT daripada Kementerian Pengangkutan berhubung perancangan Kedah, Kedah Aerotropolis. Walaupun perancangan ini dah besar tetapi setakat ini projek ini masih dalam keadaan tertanggung di sebabkan oleh ada masalah daripada segi sokongan daripada Kerajaan Pusat untuk menjayakan projek yang berkenaan.

Dato' Yang di-Pertua, untuk pembangunan Kedah juga kita mengalu-alukan ucapan salah seorang Menteri, baru ini dia sebut dia akan menyokong pembangunan Kedah utamanya dalam isu menyelesaikan masalah isu bekalan air. Jadi kita mengalu-alukan, rakyat Kedah, Kerajaan Negeri Kedah mengalu-alukan terutamanya untuk menyelesaikan isu bekalan air yang melibatkan lima buah loji rawatan air ini di Kedah yang peruntukannya hampir lebih daripada RM1 bilion.

Kita harap janji usaha untuk nak selesaikan isu bekalan air ini dapat dipercepatkan dan bekalan air sekarang ini terutamanya di negeri Kedah masalahnya jadi masalah kritikal dengan keadaan kemarau yang- kemarau yang agresif. Kemarau yang kuat yang menyebabkan masalah bekalan air yang meruncing di negeri Kedah dan kita nak supaya projek loji rawatan air yang ada lima buah loji rawatan air di Kedah ini dapat dipercepatkan dan Kerajaan Pusat segera menyalurkan peruntukan tambahan seperti yang diminta atas keperluan tersebut.

Dato' Yang di-Pertua, selain daripada itu di Kedah juga mempunyai hanya seorang Ahli Parlimen daripada kalangan parti kerajaan. Jadi, makna dia yang lain itu pembangkang. Masalah dia peruntukan kepada Ahli Parlimen itu tak sampai kepada rakyat Kedah. Jadi, kita nak mintalah demi kesejahteraan rakyat Kedah, demi kemajuan rakyat Kedah, demi kemaslahatan seluruhnya supaya peruntukan Ahli Parlimen bukan sahaja di Kedah dan juga seluruh negara kita diberi seperti yang digariskan seperti yang saya sebut tadi awal tadi berdasarkan konsep *federalisme*, konsep yang kita nak bersama-sama bangunkan, majukan negara kita.

Dato' Yang di-Pertua, perkara yang sukar saya sebut- yang kedua yang saya nak sebut di sini ialah tentang isu pertanian. Kedah merupakan orang kata apa, Kedah merupakan negeri yang pengeluar bekalan beras negara. Makna dia Kedah merupakan pengeluar beras utama yang memberikan sumbangan kepada keselamatan makanan negara. Jadi, kejadian kehilangan beras tempatan dan kenaikan harga beras sangat mengecewakan rakyat Malaysia terutamanya Orang Melayu yang menjadikan nasi- bukan saja Orang Melayulah. Orang bukan Melayu pun menjadikan nasi sebagai apa? Makanan rujilah, makanan harian.

Jadi, kita nak- setakat ini kita masih lihat kementerian yang berkenaan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan masih gagal dalam memainkan peranannya dalam mengembalikan beras tempatan. Tak ada beras tempatan di pasaran kalau- tak tahulah kalau saudara-saudara. Di tempat saya ada banyak tempat kita turun beras tempatan tak ada. Lebih-lebih lagilah peniaga-peniaga kita yang terpaksa mendapatkan beras dengan mendapat beras yang beras import. Jadi, dengan harga beras import yang lebih mahal menyebabkan jualan peniaga-peniaga kita itu lebih mahal dan ini juga orang kata memberikan kenaikan kos hidup kepada rakyat kita. Tekanan ekonomi kepada rakyat kita.

Dato' Yang di-Pertua, kita bimbang apabila beras tempatan tiada di pasaran, beras import mengambil alih tempat. Adakah peniaga-peniaga ini terutamanya di kawasan-kawasan sempadan soalan dia, adakah pengguna kita beralih kepada beras luar negara, beras Siam? Jadi, kita bimbang akan berlaku penggunaan beras Siam yang lebih murah pada beras yang sedia ada.

Jadi kita bimbang kita, perkara ini kita tak ambil tindakan segera, kita tak ada penyelesaian segera, ia juga akan berlaku penyeludupan beras di sempadan terutamanya yang datang bawa beras Siam terutamanya yang boleh merugikan negara dan juga merugikan petani kita.

Dato' Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya nak sebut di sini ialah tentang tanaman gantian import. Berkaitan dengan tanaman gantian import ini seperti bagi harga bagi tanaman import seperti bawang, cili dan tanaman penting lain dilihat berlaku kenaikan. Hal ini disebabkan oleh kejatuhan ringgit yang memberikan kesan kepada pengguna, terakhirnya itu kepada rakyat. Begitu juga dengan kesan Perang Rusia-Ukraine yang belum menemui jalan pendamaian ketika ini. Bagi mengurangkan kadar import terhadap tanaman ini kerajaan perlu melakukan perubahan drastik bagi meningkatkan pengeluaran tanaman gantian import. Dalam masa yang sama, meningkatkan SSR bagi tanaman import.

Perkara yang seterusnya yang belum saya sebut di sini ialah berhubung dengan isu seperti yang banyak Senator kita sebut, sahabat-sahabat kita sebut tentang isu perpaduan yang nampak akhir-akhir ini kita nampak macam seolah-olah memberikan kesan kepada pembinaan sebuah negara Malaysia. Begitu juga dengan kita kalau kita tengok mutakhir ini ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong murka serta menzahirkan perasaan dukacita berhubung dengan isu kalimah "Allah" pada penjualan stoking.

Jadi, Baginda menzahirkan supaya tindakan sekeras-kerasnya diambil kepada pihak-pihak yang terbabit terutamanya pihak-pihak yang terbabit seperti KDN, kementerian yang berkenaan, Jabatan Perpaduan, Jabatan Agama, supaya isu ini tidak berulang. Kita dapati banyak kali berlaku kes-kes seumpama ini yang penghinaan terhadap agama lain ini yang boleh memberikan kesan tidak baik, hubungan antara kaum dalam negara kita. Jadi, sebab itu sebelum ia menjadi parah, kita nak minta supaya agensi-agensi yang berkenaan ini supaya bertindak dengan segera.

Suka yang sebutkan di sini ialah mungkin daripada segi berulangnya kes-kes seumpama ini, mungkin daripada segi *enforcement* ataupun penguatkuasaan undang-undang yang begitu longgar ataupun daripada segi undang-undang itu sendiri yang tidak tegas. Undang-undang itu sendiri yang tidak kuat, tidak menakutkan. Kalau kita tengok undang-undang yang berkaitan di bawah seksyen 298 Kanun Keseksaan- menjenayah atau melukakan perasaan agama seseorang dengan menyebut apa-apa perkataan. Jadi, undang-undang dia itu kalau kita tengok peruntukan yang diberi di bawah seksyen tersebut hanya denda dia tak lebih daripada satu tahun.

■1710

Denda dia penjara tidak lebih daripada satu tahun dan atau denda atau kedua-dua sekali. Dia tidak sebut jumlah duit. Atau pun seksyen 298A menjenayah apa-apa perkataan atau perbuatan yang dibuat ke atas alasan agama yang mampu cetuskan ketidakharmonian kepada penduduk.

Seksyen ini tuan-tuan Tuan Yang di-Pertua penjara sekurang-kurangnya dua tahun dan tidak lebih daripada lima tahun. Jadi sebab itu mungkin seksyen ini ataupun undang-undang ini perlu diberikan semakan supaya dia lebih memberikan kekuatan kepada undang-undang untuk pihak-pihak yang terlibat untuk takut untuk melakukan jenayah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir yang saya sebut di sini ialah masalah isu kenaikan harga barang ini. Ketika ini rakyat berdepan dengan isu kenaikan harga barang. Isu kenaikan harga barang ini tiada penghujung, tiada penyelesaian yang kalau kita tengok indeks harga pengguna. Kalau kita tengok indeks harga pengguna setiap barang setiap tahun, setiap hari dia ada peningkatan.

Jadi, kita hendak minta kementerian yang berkenaan supaya menangani isu ini supaya rakyat tidak terbeban dengan kenaikan harga barang. Kerajaan perlu sedar dan tanggungjawab ini tanggungjawab semua Menteri-menteri termasuk Ahli Parlimen daripada kerajaan dan juga pembangkang.

Penghinaan terhadap agama Islam adalah perkara yang tidak boleh dimaafkan kerana ianya mengganggu kehidupan umat Islam. Jangan dibuat main-main dengan umat Islam. Pihak agama umat Islam begitu tegas dalam perkara ini. Tidak boleh dibuat mudah dan perlu tindakan keras di atas daripada kerajaan.

Walau bagaimanapun, saya meyakini bahawa Menteri-Menteri yang beragama Islam mempunyai iman yang tidak sanggup melihat agama Islam dipijak sebegini rupa. Saya berharap kerajaan dapat menyelesaikan masalah ini segera mungkin dan memberikan penerangan bersifat harmonis tanpa menyindir mana-mana pihak terutamanya kepada rakyat.

Akhirnya, dengan ini saya menjunjung kasih dan menyokong Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mohon menyokong, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Nasir Idris.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee.

5.13 ptg.

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee: Selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya memohon untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan ke atas Titah Yang di-Pertuan Agong sempena Pembukaan Rasmi Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas.

Saya berterima kasih atas perbahasan ini untuk mengutarakan pandangan serta beberapa isu yang penting yang perlu diberikan perhatian demi kepentingan rakyat dan negara. Saya amat bangga dan bersetuju dengan inti pati Titah Diraja yang merangkumi semua aspek penting masyarakat dan negara dengan secara menyeluruh dan prihatin. Semoga syarahan Titah Yang di-Pertuan Agong diterima baik dan difahami oleh semua pihak dan berusaha secara bersama untuk membawa perkembangan dan kemajuan yang diharapkan oleh rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Yang di-Pertuan Agong, Baginda Tuanku dengan besar harapan agar semua wakil rakyat tidak kira daripada mana satu pihak dapat bersatu hati berganding bahu dan bekerjasama untuk membangunkan negara demi kepentingan keseluruhan rakyat Malaysia. Malah dukacita apa yang berlaku di Dewan Parlimen yang mulia agak mengecewakan.

Kini Parlimen kita serupa pasar. Tiap-tiap kali persidangan mesti berlaku pergaduhan yang tidak berhenti-henti. Baharu-baharu ini semua Yang Berhormat wakil rakyat oleh disebabkan satu jenis makanan tempatan *bak kut teh* bergaduh sampai beberapa hari. Adakah ini perkara penting untuk semua rakyat? Apakah sudah jadi kepada Parlimen kita? Sepatutnya Wakil-Wakil Rakyat patut berbincang sesuatu yang dapat bermaruah kepentingan kepada rakyat dan negara.

Kini ekonomi Malaysia telah sangat teruk. Cuba Wakil-Wakil Rakyat kita turun padang sendiri pergi tengok rakyat. Kita hidup dengan susah payah. Harga ayam naik, harga telur naik, harga bawang naik, harga barang naik, harga daging naik. Semua barang naik harga. Ini realitinya. Hari ini rakyat Malaysia hidup terhimpit.

Di mana-mana sahaja kita pergi tidak kira warung, kedai kopi, pasar, bermacam-macam keluhan serta rintihan rakyat dapat didengar. Semua rintihan dan keluhan adalah dari hati mereka. Semua ini masalah kesempatan hidup rakyat Malaysia. Apakah yang Wakil-wakil Rakyat kita buat? Hanya tahu bergaduh di Dewan Parlimen. Tiap-tiap hari sibuk dengan balas dendam. Sibuk dengan main politik dalam mendapat sokongan.

Dalam Titah Yang di-Pertuan Agong, menyeru bahawa kejayaan atau kegagalan negara ini adalah tanggungjawab semua Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara kerana Yang Berhormat semua tidak mengamalkan- oleh rakyat, sebagai Wakil Rakyat, mereka ini dalam kerajaan. Jika gagal membuat begitu jangan pakai rakyat. Pakai nama wakil sendiri.

Kini ramai golongan M40 telah jatuh kepada B40. Ini perkara serius dalam rekod kerajaan. Mereka masih dalam kategori M40, tetapi sebenarnya mereka sudah jadi N40. Bermula Januari yang lalu, bil air dan bil elektrik telah naik. Ini mula bulan Mei Cukai Jualan dan Perkhidmatan SST pula naik daripada enam peratus hingga ke-lapan peratus. Pada bulan Mei pula, cukai 10 peratus barangan bernilai tinggi akan dikenakan. Semua ini adalah beban rakyat dan kesemuanya ini ada kesan limpahannya dan sudah tentu rakyat yang menjadi mangsa. Barang-barang akan satu-demi-satu naik. Malah, pendapatan rakyat tidak naik.

Malangnya, ketika semua kesusahan rakyat ini sedang berakar umbi, kerajaan kita telah langsung menunjukkan sebarang usaha untuk menyelesaikannya. Baharu-baharu ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri mengatakan bahawa ekonomi negara kita sedang bertambah baik dan banyak pelabur akan masuk ke Malaysia.

■1720

Apa yang beliau kata adalah berbeza dengan apa yang saya nampak dan dengar. Jangan cakap dengan saya apa itu rancangan jangka masa pendek, rancangan jangka masa panjang dan terdapat kemasukan pelabur. Kesemuanya ini adalah *on paper only*. Apa yang sebenarnya berlaku.

Apa yang saya nampak adalah kesusahan hidup rakyat. Apa yang rakyat mahu adalah kehidupan yang senang, selamat dan bahagia. Janganlah buat begitu, banyak laporan yang syok sendiri sahaja. Biar betul-betul cari, menyelesaikan, membantu rakyat yang meneliti.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan nilai mata wang Ringgit Malaysia telah menyusut dengan teruk dan terletak di paras yang sangat menakutkan sejak kebelakangan ini. Mata wang Ringgit Malaysia telah mencecah paras terendah RM4.80 berbanding Dolar Amerika Syarikat. Manakala dengan Dolar Singapura masih terletak di paras terendah dalam sejarah Malaysia iaitu sekitar RM3.49 hingga RM3.52 sen setiap *Singapore Dollar*.

Kejatuhan nilai Ringgit Malaysia sangat terkesan terhadap semua lapisan rakyat. Hanya harga barang naik berkali-kali ganda akibat barang import menjadi mahal. Siapakah yang menjadi mangsa dalam isu ini? Tentulah rakyat jelata yang menjadi mangsa. Rakyat terpaksa menanggung semua kenaikan kos ini. Impak ini bukan sahaja ditanggung oleh kita di Malaysia. Ini juga memberi beban kepada pelajar Malaysia yang belajar di luar negara.

Kini, Ringgit Malaysia sudah jadi tidak laku di luar negeri. Semasa saya melancong ke luar negeri, saya dapati banyak negeri tidak menerima Ringgit Malaysia. Ini agak memalukan. Apakah sudah terjadi kepada Ringgit Malaysia kita? Janganlah diam. Masalah ini berterusan sehingga mata wang Ringgit Malaysia kita serupa yang pisang pada zaman pemerintahan Jepun.

Saya masih ingat semasa kempen Pilihanraya Umum Ke-15 pada 5 November 2022, apakah kata Yang Amat Berhormat Anuar Ibrahim? Saya ulang lagi, "...Mahiaddin-Ringgit jatuh, Ismail Sabri- Ringgit jatuh. Mahiaddin, harga barang naik, Ismail Sabri harga barang naik. Sebab itu kena tukar, Anwar bagi harga barang turun."

Pada 16 November pula, beliau berkata lagi, "Bagi saya jadi Perdana Menteri supaya harga barang turun dan Ringgit Malaysia naik."

Kini beliau yang menjadi kerajaan, menjadi Perdana Menteri. Apakah terjadi kepada Ringgit Malaysia? Makin teruk, barang makin naik. Apabila ditanya oleh wartawan masalah ini, tolak pula kepada Gabenor Bank Negara. Jangan tolak tanggungjawab dan janji selaku seorang pemimpin negara, tolong selesaikan masalah ini. Jangan elak bantu rakyat hidup dengan lebih senang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Yang di-Pertuan Agong juga menyeru semua lapisan masyarakat supaya memperkukuhkan perpaduan negara dan tidak menghasut rakyat dengan memainkan isu 3R- "*race*", "*religion*", dan "*royalty*". Di sini saya berharap semua pihak hentikan serta-merta polemik berhubung kewujudan sekolah vernakular di negara ini kerana jika berterusan akan mengganggu gugat semangat perpaduan dan muhibah yang terbina dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, kebudayaan dan agama.

Pada November 2023, mahkamah rayuan juga telah memutuskan kewujudan dan penubuhan sekolah vernakular dan menggunakan Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil di sekolah berkenaan adalah dalam Perlembagaan. Sebarang usaha memansuhkan kewujudannya adalah tidak wajar. Malah ini adalah bertentangan dengan keputusan mahkamah yang menjunjung tinggi prinsip Rukun Negara iaitu Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-undang, tetapi dukacita ramai ahli politik yang suka memainkan isu ini. Mereka menjadikan isu ini sebagai modal politik mereka. Ini sangat bahaya dan akan merosakkan perpaduan negara yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang ingin saya bangkit adalah tentang projek mega *Forest City* di Johor Bahru. Diminta oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Johor telah membangkitkan projek mega tersebut. Projek mega *Forest City* telah dimulakan pada tahun 2015. Sehingga kini terdapat 28,000 unit kediaman telah siap dibina, tetapi malangnya kapasiti penduduk kini adalah kurang daripada 50 peratus, lima peratus hingga 10 peratus. Masalahnya adalah terdapat banyak lot yang tidak berpenghuni. Persekitaran yang tidak terurus kini mega *Forest City* yang namanya begitu cantik telah menjadi bandar hantu atau 'gajah putih.'

Apakah yang terjadi kepada projek mega ini? Projek mega ini memang mendapat sokongan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor. Adakah terdapat unsur-unsur politik yang masuk campur telah menyebabkan projek mega ini menjadi projek hantu atau gajah putih? Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang selaku Menteri Kewangan juga, apakah sebab dan apa langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Akhirnya, dengan ini saya memohon mencadangkan Usul Menjunjung Kasih Titah 'Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee. Jam lebih kurang sekarang sudah 5.30. Boleh kah kita sambung esok dengan Yang Berhormat Senator Tuan Nik Mohamad, esok pagi?

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Esok?...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, esok ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 21 Mac 2024.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]